



MEMACU
PELABURAN
BERTANGGUNGJAWAB



KANDUNGAN

1.0 TINJAUAN TAHUN 2023

Pertumbuhan Global yang Kukuh 8

- FDI Global yang Lemah
- Prestasi Pelaburan Langsung Domestik ke Luar Negara (DIA)
- Menormalkan Pertumbuhan KDNK
- Pelaburan Swasta Keseluruhan di Malaysia Pada Tahun 2023
- Ringkasan Pelaburan Domestik dan Asing Mengikut Sektor Tahun 2023
- Malaysia Mengungguli Kedudukan Antarabangsa

Membina Masa Hadapan 16

- Kepentingan Pelaburan Domestik
- Sumbangan Pelaburan Domestik
- Prestasi Pelaburan Domestik
- Strategi Pelaburan Domestik
- Strategi dan Inisiatif Penggalakan MIDA (Sektor Perkilangan)
- Strategi dan Inisiatif Penggalakan MIDA (Sektor Perkhidmatan)

Kotak Artikel | Merangsang Pelaburan Domestik 22

2.0 TINJAUAN MENGIKUT INDUSTRI

Berevolusi untuk Menerajui Kemajuan 26

- Sorotan Utama Sektor Perkilangan Tahun 2023
- Pelabur Asing Kembali Menunjukkan Tahap Keyakinan yang Tinggi
- Pelabur Domestik Turut Memainkan Peranan Penting
- Meningkatkan Kemahiran Bakat di Malaysia
- Pelaburan Modal Setiap Pekerja (CIPE) yang Lebih Tinggi Mencerminkan Pelaburan Berkualiti Tinggi
- Sorotan Pelaburan yang Diluluskan Tahun 2023 (Sektor Perkilangan)

Tetap Nombor Satu 40

- Persekitaran Pelaburan yang Stabil
- Sorotan Sektor Perkhidmatan Tahun 2023
- Sorotan Pelaburan yang Diluluskan Tahun 2023 (Sektor Perkhidmatan)

Nota Ringkas 52

- Sorotan Pelaburan yang Diluluskan Tahun 2023 (Sektor Utama)

Kotak Artikel | Menuju Ke Arah Meningkatkan Daya Saing Bakat 54



3.0

PRESTASI PELABURAN DALAM SEKTOR TERPILIH DI BAWAH INISIATIF ASPIRASI PELABURAN NASIONAL (NIA)

Fokus Kepada Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA)

58

- Lima Teras Utama
- Teras-Teras NIA
 - » Teras 1: Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi
 - ◆ CIPE Projek Perkilangan
 - ◆ Petunjuk Nilai Ditambah (VA)
 - » Teras 2: Mewujudkan Pekerjaan Bernilai Tinggi
 - ◆ Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi dalam Sektor NIA pada Tahun 2023
 - » Teras 3: Meluaskan Hubungan Domestik
 - ◆ Projek Milikan Rakyat Malaysia yang Diluluskan oleh MIDA pada Tahun 2023
 - » Teras 4: Membangunkan Kluster Ekonomi Baharu dan Sedia Ada
 - ◆ Kluster E&E di Batu Kawan dan Bayan Lepas
 - ◆ Kluster M&E di Batu Kawan
 - ◆ Kluster Automotif di Kulim dan Proton City

Kotak Artikel | Ringkasan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030

64

Kotak Artikel | Memacu Pertumbuhan: Insentif Berasaskan Prestasi Berpandukan Agenda Nasional dan Bertaraf Global

66

4.0

INDUSTRI DENGAN PERTUMBUHAN DAN NILAI TINGGI

72

- Industri Semikonduktor Termasuk Fabrikasi Wafer–
Perspektif yang Positif di Masa Hadapan
- Industri Farmaseutikal–Menuju Ke Arah
Keselamatan Perubatan
- Industri Peranti Perubatan–Menaikkan Kedudukan
Dalam Rantaian Nilai: Pembentukan Semula Industri
- Industri Kimia dan Produk Kimia–Mengekalkan
Hala Tuju
- Industri Kenderaan Elektrik (EV)–Menuju
Mobiliti Lestari
- Teknologi Hijau–Pertumbuhan Lestari Ekonomi Hijau
- Perkhidmatan Digital–Kebangkitan Digital Malaysia
- Aeroangkasa–Memulakan Penerbangan

Kotak Artikel | Mempercepat Pelaksanaan Pelaburan di Malaysia Melalui TRACK

104

Kotak Artikel | Rangka Kerja Merasionalisasikan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) di Malaysia

106



5.0

MELANGKAH KE HADAPAN

Harapan untuk Masa Depan

110

- Berada di Landasan
- Ramuan Kejayaan
- Petikan Inisiatif Utama di Bawah Bajet 2024



6.0

LAMPIRAN

122

I.O

TINJAUAN TAHUN 2023

“Ledakan pelaburan berpotensi untuk merombak ekonomi membangun dan membantu mempercepat peralihan tenaga serta mencapai pelbagai objektif pembangunan. Bagi mencetuskan ledakan ini, ekonomi membangun perlu melaksanakan dasar yang komprehensif untuk mengukuhkan rangka kerja fiskal dan monetari, memperluaskan aliran perdagangan dan kewangan merentasi sempadan, menambah baik iklim pelaburan dan mengukuhkan kualiti institusi. Walaupun bukan mudah, usaha ini telah berjaya dilaksanakan oleh banyak ekonomi membangun sebelum ini. Pengulangan usaha ini akan membantu negara menangani unjuran kelembapan dalam potensi pertumbuhan untuk beberapa tahun yang berbaki dalam dekad ini.”

Ayhan Kose, Timbalan Ketua Ekonomi Bank Dunia dan Pengarah Kumpulan Prospek (*Global Economic Prospects*, Siaran Akhbar Januari 2024)

day


Number of sales



week



-15%



PERTUMBUHAN GLOBAL YANG MENCABAR

Pertumbuhan ekonomi di peringkat global sepanjang tahun ini didapati sederhana di sebalik permulaan yang memberangsangkan, susulan pencapahan beberapa rantau. Di sebalik situasi perdagangan dan pelaburan yang mencabar ini, ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang agak baik menerusi peningkatan sebanyak 23 peratus dalam pelaburan swasta dan kestabilan penggunaan yang mengukuhkan mitigasi ke atas kelembapan global

Permulaan ekonomi global pada tahun 2023 berada di landasan yang lebih kukuh susulan keredaan cabaran yang dihadapi dari peperangan Rusia-Ukraine dan keredaan kesan pandemik COVID-19 yang berlarutan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan adalah sederhana di sepanjang tahun meskipun terdapat perbezaan yang semakin luas merentas wilayah. Ini berpunca daripada kemerosotan simpanan ekoran pelaksanaan pakej rangsangan Kerajaan atau pemindahan fiskal serta pengurangan keluaran dalam sektor perkhidmatan dengan pertumbuhan sederhana dalam aktiviti berkaitan pelancongan. Aktiviti sektor perkilangan turut merudum, di mana penguncupan keluaran dapat diperhatikan dalam beberapa keadaan, susulan pengurangan pengeluaran perindustrian. Dalam masa yang sama, pelaburan dan perdagangan global dalam barangan juga turut mencatatkan penurunan.

Dalam kemas kini *World Economic Outlook (WEO)* pada Januari 2024, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2023 adalah sebanyak 3.1 peratus iaitu 0.1 mata peratusan lebih tinggi berbanding kemas kini WEO pada Oktober 2023. Ekonomi maju diunjur telah berkembang sebanyak 1.6 peratus pada 2023 iaitu 0.1 mata peratusan lebih tinggi berbanding anggaran pada Oktober 2023. Sementara ekonomi baru muncul dan membangun diunjur telah berkembang sebanyak 4.1 peratus, 0.1 mata peratusan lebih tinggi berbanding anggaran pada Oktober 2023. Ekonomi baru muncul dan membangun di Asia diunjur telah berkembang sebanyak 5.4 peratus pada tahun 2023, 0.2 mata peratusan lebih tinggi berbanding kemas kini pada Oktober 2023.

Namun begitu, dalam kemas kini WEO Oktober 2023, IMF menyatakan terdapat peningkatan



dalam fragmentasi geo-ekonomi, di mana aktiviti ekonomi dalam pasaran baru muncul dan ekonomi membangun didapati masih lagi rendah secara umumnya berbanding kemas kini WEO semasa pra-pandemik (Januari 2020). Dalam masa yang sama, kerapuhan kadar faedah dan mata wang didapati telah menjejaskan prospek di negara berpendapatan rendah yang terdedah kepada kesulitan kewangan. Di kalangan ekonomi utama, pemulihan dan pertumbuhan yang paling kukuh diterajui oleh Amerika Syarikat (AS) dan diikuti negara Eropah. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan didapati masih terbatas disebabkan krisis Rusia-Ukraine yang memberi kesan kepada terma perdagangan serta lonjakan harga tenaga.

Momentum pertumbuhan di Republik Rakyat China (PRC) didapati menyusut setelah lonjakan sementara pada awal tahun yang berpunca daripada kelembapan berterusan dalam sektor hartanah dan prospek tidak menentu dalam pasaran buruh yang mempengaruhi sentimen pengguna dan seterusnya memberi kesan kepada pengguna. Dalam kemas kini WEO Oktober 2023, IMF menyatakan bahawa permintaan luar yang lebih lemah dan ketidaktentuan geopolitik telah memberi kesan kepada pengeluaran perindustrian, pelaburan perniagaan dan eksport PRC

yang menjejaskan rantaian bekalan perindustrian di Asia, terutamanya pengeksport komoditi dan negara-negara yang paling terdedah kepada kehilangan momentum PRC.

Walaupun bagaimanapun, inflasi utama global diunjurkan akan terus menurun susulan dasar monetari lebih ketat yang disokong oleh harga komoditi antarabangsa yang lebih rendah. IMF menganggarkan inflasi utama global adalah sebanyak 6.8 peratus pada tahun 2023 berbanding 8.7 peratus pada tahun 2022, di mana hampir tiga perempat daripada ekonomi mengalami inflasi utama yang lebih rendah. Inflasi teras dijangka akan menurun secara beransur-ansur kepada 6.3 peratus pada tahun 2023 berbanding 6.4 peratus pada tahun sebelumnya yang dipacu oleh pasaran buruh yang padat, inflasi perkhidmatan dan dalam sesetengah situasi, disebabkan oleh susut nilai mata wang yang mendorong kepada pelepasan kos. IMF menjangkakan bahawa lebih separuh daripada ekonomi-ekonomi ini tidak akan mengalami penurunan inflasi teras pada tahun 2023.

Terdapat juga petunjuk bahawa syarat kredit yang lebih ketat, susulan dasar monetari yang diperketatkan bagi mengawal inflasi sejak 18 bulan

lalu didapati semakin menjejaskan aktiviti ekonomi sebenar. Walaupun krisis perbankan pada Mac 2023 yang memberi kesan terutamanya kepada bank serantau di Amerika Syarikat dan Credit Suisse Group AG, sebuah bank global penting yang beribu pejabat di Switzerland, telah surut, kadar faedah yang lebih tinggi berkemungkinan akan memberi tekanan kepada kebanyakan bank di ekonomi-ekonomi utama disebabkan oleh peningkatan kos pembiayaan dan kemerosotan kualiti kredit. Namun, tiada petunjuk yang mendorong kepada krisis kredit memandangkan penularan kepada hutang kerajaan tanpa risiko didapati agak malar walaupun pasaran hutang mula menunjukkan dasar monetari yang lebih ketat.

Perdagangan global mencatatkan sedikit pertumbuhan sebanyak 0.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 5.1 peratus pada tahun 2022. Menurut IMF, ini disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan, peralihan ke arah perkhidmatan domestik, kesan lanjutan akibat kenaikan dolar AS serta peningkatan dalam sekatan perdagangan, dengan hampir 3,000 sekatan perdagangan baharu dikenakan oleh negara-negara pada tahun 2022 berbanding kurang 1,000 pada tahun 2019. IMF menjangkakan baki akaun semasa global akan menurun pada tahun 2023 susulan peningkatan ketara pada tahun 2022, di mana dalam jangka masa sederhana, penurunan harga komoditi akan mendorong kepada kestabilan kedudukan saham pemiutang dan penghutang.

Sementara itu, menurut siaran akhbar Kemas Kini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik (EAP) Bank Dunia pada Oktober 2023, rantau EAP “kekal sebagai salah satu rantau yang paling dinamik dan pesat berkembang di seluruh dunia”. Ia mengunjurkan pertumbuhan pesat sebanyak 5 peratus di rantau ini dengan jangkaan momentum lebih perlahan pada separuh tahun kedua, mengatasi purata pertumbuhan di pasaran baru muncul dan ekonomi membangun yang lain. Menurut Bank Dunia, antara potensi risiko buruk terhadap prospek ekonomi rantau ini adalah ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan kemungkinan terjadinya bencana alam.

PRC kekal sebagai pemain penting dalam naratif pertumbuhan serantau berdasarkan unjuran pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2023, lonjakan kecil berbanding rantau lain kecuali PRC yang dianggarkan pada kadar 4.6 peratus.

Sektor perkhidmatan memainkan peranan yang semakin penting dalam memacu pembangunan di rantau EAP yang dahulunya diterajui oleh sektor

perkilangan. Sektor ini telahpun memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan produktiviti buruh di rantau ini dan FDI dalam sektor perkhidmatan telah melebihi FDI sektor perkilangan di beberapa negara seperti PRC, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Bank Dunia juga menekankan impak perubahan yang diterajui oleh pembaharuan dan pendigitalan sektor perkhidmatan terhadap prestasi ekonomi di rantau ini yang turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Ia menekankan kesan positif terhadap pendidikan dan penjagaan kesihatan melalui pendidikan jarak jauh dan teleperubatan, yang menggariskan potensi untuk kitaran peluang ekonomi yang meluas dan peningkatan kapasiti insan.

Dalam jangka masa sederhana, Bank Dunia menyarankan negara-negara di rantau EAP untuk terus mengekalkan pertumbuhan tinggi dengan meneruskan pembaharuan yang mengekalkan daya saing industri, mempelbagaikan rakan dagangan dan meneroka potensi peningkatan produktiviti dan penjaan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan.

FDI Global yang Lemah

Pelabur di seluruh dunia kekal berhati-hati dengan landskap perniagaan dan ekonomi walaupun kebimbangan terhadap kemelesetan ekonomi telah berkurangan dan pasaran kewangan yang semakin stabil. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) dalam *Global Investment Trends Monitor* yang diterbitkan pada Januari 2024, menyatakan bahawa FDI global telah meningkat sebanyak 3 peratus kepada USD1.37 trilion yang mencerminkan kesan tersembunyi ketidaktentuan ekonomi dan kadar faedah yang lebih tinggi. Sebahagian besar peningkatan ini adalah disebabkan oleh aliran masuk pelaburan ke beberapa ekonomi saluran di Eropah. Tanpa mengambil kira aliran masuk ini, FDI global didapati menurun sebanyak 18 peratus. Pengumuman projek *greenfield* global jatuh sebanyak 6 peratus, manakala tawaran kewangan projek antarabangsa (IPF) merosot sebanyak 21 peratus serta penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan merosot sebanyak 16 peratus.

Bagi ekonomi maju, FDI di Kesatuan Eropah (EU) melonjak kepada positif USD141 bilion pada tahun 2023 berbanding negatif USD150 bilion pada tahun 2022, berikutan aliran masuk ke dalam ekonomi saluran Eropah iaitu Luxembourg dan Belanda. Tanpa mengambil kira aliran masuk ini, FDI di EU merosot sebanyak 23 peratus, menjejaskan beberapa penerima besar. Amerika Utara mencatatkan

pertumbuhan sifar dalam FDI, dengan aliran masuk FDI di Amerika Syarikat merosot sebanyak 3 peratus. Di kalangan ekonomi membangun, aliran masuk FDI menurun sebanyak 9 peratus dengan PRC menurun sebanyak 6 peratus, India menurun 47 peratus dan Asia Tenggara merosot sebanyak 16 peratus.

Pengumuman projek pelaburan antarabangsa juga merosot di seluruh *greenfield* (terutamanya industri), projek IPF (terutamanya infrastruktur) dan M&A rentas sempadan. Walaupun pengumuman projek *greenfield* didapati menurun, ia sebenarnya meningkat sebanyak 6 peratus dari segi nilai, di mana perkilangan menunjukkan angka lebih tinggi yang menunjukkan tanda awal pemulihan susulan trend penurunan jangka panjang. Pengumuman projek pelaburan antarabangsa menurun secara menyeluruh di ekonomi maju, di mana nilai M&A adalah USD280 bilion lebih rendah berbanding tahun 2022 yang memberi kesan kepada aliran FDI, manakala tawaran kewangan projek merosot sebanyak USD157 bilion. UNCTAD menyatakan bahawa nilai pengumuman projek *greenfield* yang lebih rendah akan menjejaskan aliran FDI pada tahun 2024.


Bagi ekonomi membangun, PRC mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8 peratus dalam pengumuman projek *greenfield* baharu dan India menunjukkan bilangan pengumuman projek baharu yang stabil, mengekalkannya dalam lima destinasi projek *greenfield* global tertinggi pada tahun 2023. Sementara itu, daya tarikan Asia Tenggara sebagai destinasi pelaburan untuk perkilangan terbukti dengan peningkatan sebanyak 37 peratus dalam pengumuman projek *greenfield*, dengan pertumbuhan kukuh di Vietnam, Thailand, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Kemboja.

Dari sudut industri, bilangan projek untuk sektor yang berintensifkan rantaian nilai global pada tahun 2023 meningkat sebanyak 16 peratus, terutamanya dalam industri automotif, tekstil, jentera dan elektronik. Walau bagaimanapun, projek *greenfield* semikonduktor menyusut sebanyak 10 peratus, dengan kemerosotan nilai sebanyak 39 peratus berbanding pertumbuhan yang kukuh pada tahun sebelumnya. Bilangan pengumuman projek *greenfield* dan tawaran projek IPF untuk industri infrastruktur, termasuk pengangkutan, tenaga, air dan telekomunikasi secara keseluruhannya menurun sebanyak 4 peratus, di mana sebahagian besarnya disebabkan oleh projek IPF yang lebih rendah dalam tenaga boleh diperbaharui.

Bagi sektor tenaga boleh baharu, tawaran projek IPF baharu didapati menyusut sebanyak 17 peratus dari segi bilangan dan 10 peratus dari segi nilai, hanya rendah sedikit berbanding keseluruhan penurunan tawaran projek IPF, dengan penurunan bilangan projek baharu yang pertama kali sejak Perjanjian Paris pada tahun 2015.

Dalam data berkaitan yang lain, bilangan projek pelaburan antarabangsa yang diumumkan di negara membangun dalam sektor berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) seperti infrastruktur, tenaga boleh baharu, air dan sanitasi, keselamatan makanan, kesihatan dan pendidikan didapati mendatar. Data UNCTAD menunjukkan bahawa tawaran projek IPF berkaitan SDG menyusut sebanyak 27 peratus, dengan penurunan sebanyak 40 peratus dari segi nilai, manakala projek *greenfield* berkaitan SDG meningkat sebanyak 12 peratus, dengan peningkatan 6 peratus dari segi nilai. Bilangan projek dalam makanan dan pertanian menunjukkan sedikit peningkatan berbanding paras rendah pada tahun 2022.


TREND PELABURAN, 2019-2022 (INDEKS, 2019: S1=100)



Sumber: Pangkalan Data FDI/MNE, UNCTAD (www.unctad.org/fdisstatistics) untuk FDI, maklumat daripada Financial Times Ltd, fDi Markets (www.fDimarkets.com) bagi pengumuman projek *greenfield* dan *Refinitiv SA* untuk tawaran kewangan projek antarabangsa
 Nota: Data projek untuk tahun 2022 dalam laporan ini adalah untuk peringkat awal; data *greenfield* yang dianggarkan adalah berdasarkan tempoh 11 bulan. Data FDI keseluruhan tahun yang biasanya dibentangkan dalam laporan Januari, tidak disertakan kerana semakin penting yang berterusan untuk tahun 2021 dan ketersediaan tahun 2022 yang tidak lengkap—Data FDI 2022 akan dimasukkan ke dalam Laporan Pelaburan Dunia 2023.

Prestasi Pelaburan Langsung Domestik ke Luar Negara (DIA)

Pelaburan langsung domestik ke luar negara (DIA) adalah semakin penting dengan meningkatnya kemajuan ekonomi negara ini. DIA membuka peluang kepada syarikat Malaysia untuk mempelbagai dan berkembang ke pasaran luar negara menerusi pelaburan baharu, perkongsian teknologi dan penerokaan pasaran pengguna yang baharu. Dalam jangka panjang, DIA membolehkan syarikat Malaysia untuk menjadi komponen penting dalam rangkaian pengeluaran global di samping mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan seterusnya mencapai pertumbuhan ekonomi yang setanding dengan peneraju global.



Selain pengembangan di peringkat global, syarikat-syarikat Malaysia disarankan untuk merebut peluang yang boleh diraih dari perjanjian serantau dan dua hala serta trend penyumberan luar global semasa. Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan serantau Malaysia boleh dimanfaatkan sebagai langkah utama dalam meningkatkan lebih banyak peluang perniagaan. Selain itu, dalam menangani tekanan persaingan daripada ekonomi membangun strategi-strategi operasi ternyata memerlukan penilaian semula.

Menyedari kepentingan peranan yang dimainkan oleh DIA, Kerajaan melalui MIDA telah menggalakkan penglibatan syarikat domestik menerusi pelaksanaan beberapa program seperti seminar dan misi DIA, termasuk Projek Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) – sebuah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kerjasama teknikal dan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara membangun yang lain.

MIDA terus menjalin kerjasama lebih erat dengan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA), Lembaga Pelaburan, kedutaan asing serta dewan/persatuan antarabangsa dan tempatan dengan tujuan untuk mengukuhkan hubungan yang lebih mapan antara negara bagi menyokong peralihan syarikat Malaysia ke arah usaha niaga DIA yang lancar, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam dunia yang semakin saling terhubung, menggarap peluang melangkaui sempadan bukan

lagi sekadar pilihan yang strategik tetapi telah menjadi satu keperluan bagi perniagaan-perniagaan di Malaysia.

Menormalkan Pertumbuhan KDNK

Ekonomi Malaysia kembali normal pada tahun 2023 pada paras 3.7 peratus tahun-ke-tahun susulan peningkatan KDNK sebanyak 3 peratus pada suku keempat tahun 2023. Ini berikutan pertumbuhan KDNK yang ketara sebanyak 8.7 peratus pada tahun 2022. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), pertumbuhan KDNK pada suku keempat ini disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang berterusan, penambahbaikan dalam keadaan pasaran buruh, pemulihan lanjut dalam aktiviti berkaitan pelancongan serta aktiviti pelaburan yang lestari. Prestasi ini diimbangkan oleh import barangan modal dan pengantara yang lebih tinggi dan dipengaruhi oleh eksport bersih yang menyusut sebanyak 35.6 peratus meskipun eksport bagi produk-produk selain elektrik dan elektronik (E&E) dan komoditi bertambah baik.

Terdapat pengembangan di kebanyakan sektor ekonomi, di mana sektor perkhidmatan telah berkembang sebanyak 4.2 peratus; pembinaan (3.6%); perlombongan (3.8%) dan pertanian (1.9%). Sektor perkilangan menyusut sebanyak 0.3 peratus berikutan kelemahan berterusan dalam kluster E&E akibat kitaran bawah teknologi yang secara tidak langsung mengimbangi pertumbuhan lestari yang dapat disaksikan dalam kluster berorientasikan domestik. Pertumbuhan yang disokong oleh pelancongan dalam sektor perkhidmatan dikekang oleh penguncupan dalam subsektor kewangan dan insurans. Bagi sektor pembinaan, pengembangan dalam subsektor kejuruteraan awam diperlahankan oleh aktiviti bukan kediaman yang lemah.

Penambahbaikan dalam sektor perlombongan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran gas asli dan minyak, manakala pertumbuhan sektor pertanian disokong oleh pengembangan dalam pengeluaran kelapa sawit susulan pertambahan bekalan buruh.

BNM menyatakan bahawa permintaan domestik pada suku keempat didorong oleh peningkatan penggunaan swasta sebanyak 4.2 peratus disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang berterusan dalam barangan keperluan dan kehendak, disokong oleh pelaburan swasta yang melibatkan pembesaran kapasiti oleh perniagaan dan perkembangan dalam projek-projek yang

sedang berlangsung. Permintaan dalam negeri terus disokong oleh sektor awam, di mana penggunaan awam meningkat sebanyak 7.3 peratus disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi oleh kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan awam turut melonjak 11.3 peratus berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan dan syarikat awam. Ini telah diimbangi oleh jumlah import yang lebih tinggi dan dikecang oleh eksport bersih yang menurun sehingga 35.6 peratus.

Inflasi utama dan teras kekal sederhana pada suku keempat, di mana inflasi utama meningkat sebanyak 2.2 peratus, manakala inflasi teras yang sememangnya berada di paras sederhana secara

purata dalam jangka panjang antara tahun 2011 hingga 2019, turut meningkat sebanyak 2 peratus. Sebaran inflasi terus menurun, dengan berkurangnya item dalam indeks harga pengguna yang merekodkan peningkatan harga pada suku keempat. Pasaran buruh juga terus meningkat pada suku keempat, di mana kadar pengangguran menurun kepada 3.3 peratus berbanding 3.4 peratus pada suku terdahulu. Terdapat permintaan yang berterusan terhadap buruh, dengan penggajian meningkat kepada 16.35 juta orang, manakala kadar penyertaan kekal pada paras 70.1 peratus berbanding suku terdahulu. Gaji nyata dalam sektor swasta juga telah meningkat sebanyak 1.5 peratus.

KESELURUHAN PELABURAN SWASTA DI MALAYSIA TAHUN 2023

Pertumbuhan Pelaburan Swasta yang Memberangsangkan

Di sebalik landskap global yang mencabar untuk pelaburan dan perdagangan, Malaysia kekal bertahan dengan sejumlah pelaburan swasta daripada sumber domestik dan asing



RM329.5 bil
Jumlah Pelaburan


Peningkatan sebanyak
23%
(2022: RM267.7 bil)



5,101
Projek Diluluskan

Peningkatan sebanyak
12.9%
(2022: 4,517 projek)

Pelaburan Domestik berbanding Asing



127,332 Jumlah Peluang Pekerjaan

5 Penyumbang Pelaburan Asing (FI) Tertinggi mengikut Negara:



Jumlah Pelaburan
RM329.5 bil
Projek Diluluskan
5,101

883 Projek Diluluskan
(**RM152 bil**)


75 Projek Diluluskan
(**RM9.1 bil**)

4,143 Projek Diluluskan
(**RM168.4 bil**)

■ Perkilangan
■ Utama
■ Perkhidmatan


RINGKASAN PELABURAN DOMESTIK DAN ASING MENGIKUT SEKTOR TAHUN 2023

PERKHIDMATAN




Dalam beberapa tahun kebelakangan, sektor perkhidmatan telah muncul sebagai pemangkin penting dalam pengembangan ekonomi, mengatasi sektor perkilangan dan sektor utama dari segi prestasi dan sumbangan. Dua subsektor perkhidmatan iaitu perkhidmatan digital dan teknologi hijau telah ditetapkan sebagai pemacu dalam menggiatkan kompleksiti ekonomi, merangsang kemajuan teknologi untuk menjadi negara berteraskan digital, mendukung pelepasan karbon sifar serta menjamin keselamatan ekonomi dan keterangkuman sebagai sebahagian daripada matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang dilancarkan pada September 2023. Subsektor ini telah diangkat sebagai industri "membangun dan bernilai tinggi" untuk dibangunkan di bawah NIMP 2030

5 Subsektor Perkhidmatan Tertinggi Tahun 2023



PERKILANGAN




Sektor perkilangan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia untuk menarik pelaburan yang menyumbang kepada pertumbuhan dan inovasi. Kerajaan terus menyokong peralihan sektor ini daripada aktiviti pengilangan tradisional kepada pengeluaran yang lebih maju dan berteraskan teknologi sebagai sebahagian daripada langkah yang lebih besar untuk meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat Malaysia melalui penjaan pekerjaan bernilai tinggi. Peningkatan rantaian nilai dan kepelbagaian sektor juga membantu memastikan daya tahan ekonomi di tengah-tengah tempoh ketidakpastian dan cabaran yang memuncak

5 Subsektor Perkilangan Tertinggi Tahun 2023



RINGKASAN PELABURAN DOMESTIK DAN ASING MENGIKUT SEKTOR TAHUN 2023

UTAMA



MALAYSIA MENGUNGGULI KEDUDUKAN ANTARABANGSA



MEMBINA MASA HADAPAN

Pelaburan domestik ditetapkan sebagai enjin pertumbuhan baharu Malaysia, dan apabila negara memanfaatkan pemantapannya, seiring dengan pelancaran inisiatif seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang menjamin kompleksiti ekonomi dan mengukuhkan dasar ekonomi agar bergerak ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai. Melalui kesemua inisiatif dan langkah ini, Malaysia berhasrat untuk memastikan industri-industrinya kekal sebagai komponen tunjang dalam rantai nilai global

Pelaburan Domestik (DI) merupakan komponen yang penting dalam menarik pelaburan ke Malaysia. Baru-baru ini, Kerajaan telah menetapkan DI sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) untuk menggandakan jumlah pelaburan negara bagi membangunkan perniagaan di Malaysia dan mengukuhkan asas ekonomi tempatan.

Malaysia menyedari kepentingan memupuk dan menggalakkan DI sebagai strategi utama dalam mengukuhkan asas ekonomi, memastikan ekosistem industri yang lebih kukuh, memantapkan kelebihan daya saing dan memperperkasakan daya tahan Malaysia bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan pada masa hadapan.

“

Malaysia menyedari kepentingan memupuk dan menggalakkan DI sebagai strategi utama dalam mengukuhkan asas ekonomi, memastikan ekosistem industri yang lebih mantap, meningkatkan kelebihan daya saing dan memperperkasakan daya tahan Malaysia bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan pada masa hadapan.

”



KEPENTINGAN PELABURAN DOMESTIK

DI berfungsi sebagai pemacu pertumbuhan dan pembangunan yang lestari dan berterusan untuk melengkap Pelaburan Asing (FI)

Perniagaan tempatan yang menarik pelaburan dari dalam dan luar negara, menjana pekerjaan, melibatkan pemindahan teknologi menjadikan peningkatan keseluruhan keupayaan perindustrian dapat dicapai

DI memupuk persekitaran perniagaan yang menyerlah dan berdaya saing yang menyumbang kepada kepelbagaian industri serta melindungi negara daripada kebergantungan kepada faktor luaran

Meskipun beberapa kajian mengesahkan manfaat FI kepada negara, pemerkasaan pelaburan domestik berkualiti tinggi berkongsi kepentingan yang sama. FI dan DI perlu saling melengkapi secara strategik untuk memacu ekonomi negara dan membangunkan struktur rangkaian industri, terutamanya pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)



DI yang strategik adalah salah satu faktor utama untuk meraih potensi FI kerana ia meningkatkan keyakinan pelabur terhadap ekosistem dan rangkaian bekalan tempatan negara yang kukuh



SUMBANGAN PELABURAN DOMESTIK ANTARA TAHUN 2013 HINGGA 2023



DI menyumbang bahagian terbesar dalam sektor perkhidmatan dengan **77.2%** atau **RM1.1 trilion**




FI menyumbang **22.8%** atau **RM321.2 billion** dalam sektor perkhidmatan



DI juga merupakan penyumbang utama kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang sama, dengan **57.8%** atau **RM1.5 trilion**



Pelaburan ini mencerminkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia dan penawarannya kepada pelabur, termasuk Kerajaan yang menyokong dan membangunkan dasar pro-perniagaan dan terus berusaha mengukuhkan kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia sebagai hab yang diyakini meliputi ekosistem, rangkaian bekalan, modal dan bakat, aliran barangan dan data serta pertumbuhan keupayaan inovasi.


PRESTASI PELABURAN DOMESTIK ANTARA TAHUN 2013 HINGGA 2023



STRATEGI PELABURAN DOMESTIK

MIDA menawarkan pelbagai inisiatif pelaburan domestik dan program promosi untuk menyokong dan melaksanakan strategi DI. Inisiatif berikut mengukuhkan asas ekonomi tempatan, menggalakkan kebergantungan sendiri dan daya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global:

Strategi	Usaha MIDA
<p>1. Menggalakkan Inovasi dan Penerapan Teknologi Digital Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mencapai keseimbangan antara FI dan DI bagi menggalakkan potensi DI dan memacu pertumbuhan yang mampan di bawah rangka kerja dan mandat ekonomi MADANI 	<p>Seminar Industri Domestik Khusus memberi tumpuan kepada kemajuan teknologi, penyelesaian digital dan automasi untuk pematuhan yang lebih baik</p> <ul style="list-style-type: none"> Berfungsi sebagai platform bagi komuniti perniagaan berhubung dengan agensi kerajaan, meneroka peluang pertumbuhan dan mengembangkan perniagaan melalui bantuan, fasilitasi dan kerjasama Menyebarkan maklumat mengenai fasiliti Kerajaan dan kemudahan pelaburan untuk pembangunan syarikat tempatan, khususnya PKS Menggalakkan penyertaan tempatan dalam sektor pembangunan produk siap yang kompleks Meningkatkan elemen R&D tempatan untuk menembusi pasaran bernilai tambah tinggi dan meningkatkan daya saing di peringkat domestik dan global <p>Sehingga kini, MIDA telah menganjurkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 7 seminar industri domestik yang khusus, meliputi kenderaan elektrik (EV), hidrogen, semikonduktor (SEMICON), aeroangkasa (LIMA), teknologi hijau (IGEM), mesin dan peralatan serta peranti perubatan
<p>2. Meja Pelaburan PKS Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Berfungsi sebagai pusat hubungan setempat untuk membantu dan memberi pendedahan kepada syarikat tempatan, terutamanya PKS, Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan PKS mengenai inisiatif dan kemudahan kerajaan yang terkini Untuk memupuk kerjasama perniagaan yang mampan antara sektor awam dan swasta melalui promosi yang khusus dan proaktif serta sokongan langsung 	<ul style="list-style-type: none"> Program pendedahan yang disesuaikan khusus untuk PKS dalam pelbagai industri atau sektor. Program-program ini menerangkan insentif, peraturan dan sokongan untuk penyertaan inovatif, yang akhirnya dapat meningkatkan daya saing industri. MIDA, melalui Program Meja Pelaburan PKS menawarkan sokongan dan sumber khusus kepada PKS <p>Sehingga kini, MIDA telah menganjurkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 66 program melibatkan 2,909 individu daripada 1,245 syarikat PKS
<p>3. Usaha Sama Institusi Kewangan Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyokong dan memudahkan perniagaan untuk mendapatkan akses pembiayaan yang sama rata dan mudah serta pilihan pembiayaan alternatif 	<ul style="list-style-type: none"> Bekerjasama dengan institusi kewangan dan bank, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), modal teroka, pinjaman <i>peer-to-peer</i>, ekuiti dana khalayak dan membantu Tawaran Awam Permulaan (IPO) Bekerjasama rapat dengan badan kawal selia tempatan, penyedia teknologi, institusi kewangan dan ekuiti serta firma penasihat korporat melalui program seperti Program Usahasama Pelaburan Domestik (DICP) - Program Perkongsian mengenai Pembiayaan Alternatif Melalui DICP, MIDA bekerjasama dengan pelbagai pihak iaitu KHAZANAH, KWAP, Tabung Haji, KWSP, <i>Malaysia Industrial Development Finance Berhad</i> (MIDF), <i>Malaysian Technology Development Corporation</i> (MTDC) dan TERAJU untuk meluaskan alternatif pembiayaan dan memastikan pemain tempatan dan antarabangsa dalam pelbagai sektor mempunyai akses yang sama kepada sumber kewangan dalam mempercepatkan projek pembesaran/pelbagaian dan mencapai kejayaan <p>Sehingga kini, MIDA telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjangkau lebih daripada 80 syarikat dan institusi Menganjurkan 14 acara jerayawara di seluruh negara menerusi Bahagian Pelaburan Domestik Menjangkau 1,500 peserta melalui program-program MIDA dan membantu 63 syarikat melalui Hong Leong Bank- salah satu rakan penggerak program DICP MIDA

Strategi	Usaha MIDA
<p>4. Menggandakan Pertumbuhan Pembangunan Negeri Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menentengahkan kualiti dan manfaat tersendiri setiap negeri di Malaysia menerusi pembentangan prospek pelaburan masing-masing ◆ Kerajaan negeri dapat menghebahkan perkembangan terkini dan peluang pelaburan yang berkesan di wilayah masing-masing 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Acara <i>Invest Series</i> untuk menggalakkan pelabur asing dan domestik menggerakkan pertumbuhan industri <p>Sehingga kini, MIDA telah menganjurkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Dua acara <i>Invest Series</i> di Johor dan Perak dengan penyertaan 250 syarikat tempatan dan asing
<p>5. Mengukuhkan Hubungan Perniagaan dan Kelestarian Rantaian Bekalan Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Meningkatkan dinamik rantaian bekalan dengan menerajui pelbagai program dan inisiatif untuk mengoptimalkan hubungan industri dan kelestarian perniagaan <div style="text-align: center; margin-top: 10px;">  </div>	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Persidangan Rantaian Bekalan dengan penekanan terhadap program pembangunan tempatan, kelestarian, penyumberan yang bertanggungjawab dan mengukuhkan kerjasama di kalangan pihak berkepentingan – platform penting kepada pemain industri untuk meningkatkan kecekapan dan kelestarian keseluruhan dalam rantaian bekalan ◆ Program Fasilitasi Vendor dan Fasilitasi Penyumberan Tempatan untuk pelbagai industri seperti elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan (M&E), automotif, industri sokongan kejuruteraan (ESI), makanan dan plastik untuk menggalakkan penggunaan bahan mentah dan/atau perkhidmatan tempatan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan kelangsungan pasaran domestik ◆ Memupuk perkongsian strategik di kalangan pelbagai entiti termasuk pemain tempatan, Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Berkaitan Tempatan (LLC) bagi menggalakkan penggunaan teknologi terkini dan memacu inovasi yang menasaskan asas yang kukuh demi evolusi industri <p>Sehingga kini, MIDA telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Menganjurkan empat Persidangan Rantaian Bekalan, melibatkan 32 firma utama yang terdiri daripada MNC, LLC dan GLC untuk mengukuhkan rantaian bekalan perindustrian merentasi pelbagai sektor. Acara-acara ini memperoleh penyertaan aktif peringkat tempatan daripada lebih 400 syarikat berpotensi ◆ Bekerjasama dan menganjurkan Persidangan Rantaian Bekalan (14-15 November) dengan Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) - <i>MIDA-MPMA MyPlast Sourcing Summit 2023</i> di Selangor. Lebih 250 peserta telah menyertai program ini ◆ Menganjurkan lawatan penanda aras ke Pulau Pinang (24 - 26 September) sebagai lanjutan kepada program <i>MIDA-PERODUA Digital Transformation Ecosystem</i>
<p>6. Fasilitasi Pembangunan Taman Perindustrian Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Berdasarkan mandat utama untuk menyelia, mengumpul maklumat dan memudahkan penambahbaikan dan/atau transformasi taman perindustrian Malaysia di seluruh negara, Unit Estet Perindustrian (Unit IE) telah ditubuhkan pada 2 Februari 2023 di bawah bidang kuasa Bahagian Pelaburan Domestik di MIDA ◆ Unit IE memudahkan penubuhan taman perindustrian lestari yang menyeimbangkan pembangunan ekonomi dan perindustrian melalui infrastruktur hijau, teknologi ICT dan pengurusan sisa/tenaga pintar 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Portal <i>MySite Selection</i> ditetapkan sebagai 'alat promosi' penting untuk mempamerkan taman perindustrian kepada bakal pelabur sambil membantu MIDA dalam pemantauan, pengurusan dan pembangunan zon ekonomi penting ini. Portal ini merupakan komitmen Kerajaan untuk memperkemas dan menggalakkan pembangunan perindustrian Malaysia yang sejajar dengan objektif ekonomi yang lebih luas sambil memudahkan pelabur, menjamin ketelusan dan kemudahan menjalankan perniagaan. <p>Sehingga kini:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Sebanyak 231 taman perindustrian telah didaftarkan di portal <i>MySite Selection</i> yang memaparkan maklumat menyeluruh merangkumi 5,218 syarikat

Strategi dan Inisiatif Penggalakan MIDA (Sektor Perkilangan)

Sebagai pemacu utama agenda pelaburan negara, MIDA terus membangunkan keseluruhan rantaian nilai kluster industri menerusi pendekatan ekosistem. Bagi mengukuhkan lagi usaha MIDA, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 telah dilancarkan pada 1 September 2023 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai rangka kerja dasar perindustrian yang komprehensif dengan tujuan memacu sektor perkilangan Malaysia ke arah pengeluaran yang bernilai tinggi dan berteraskan teknologi.

Dengan pelan hala tuju strategik yang telah ditetapkan sebagai bahagian penting dalam perancangan sektor perkilangan untuk meningkatkan rantaian nilai, NIMP 2030 juga membolehkan Kerajaan melaksanakan inisiatif sosioekonomi yang menasaskan penjanaan pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi.

Pencapaian matlamat dan sasaran NIMP 2030 disusun berdasarkan empat misi utama dan empat pemangkin yang ditetapkan untuk menangani cabaran sistemik dan institusi. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan aktiviti perkilangan bernilai tambah kepada RM587.5 bilion dan menjana 3.3 juta pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia menjelang tahun 2030.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN BAHARU (NIMP) 2030

NIMP 2030 menggariskan pertumbuhan menyeluruh melalui dasar perindustrian yang mampan dengan menetapkan empat misi dan pemangkin utama untuk dilaksanakan sebagai pendekatan 'seluruh negara':



Memajukan Kompleksiti Ekonomi: Meningkatkan keupayaan produktif ekonomi Malaysia



Meningkatkan Teknologi untuk Membina Negara yang Menyerlah Digital: Menggarap kemajuan teknologi untuk kemajuan negara



Mencapai Pelepasan Sifar-Bersih: Menetapkan komitmen terhadap kelestarian alam sekitar



Menjaga Keselamatan Ekonomi dan Keterangkuman : Memastikan kestabilan dan keterangkuman ekonomi

Sektor keutamaan NIMP 2030 ialah elektrik dan elektronik; kimia dan produk kimia; bahan termaju; aeroangkasa; dan penjagaan kesihatan (termasuk peranti perubatan dan farmaseutikal). Misi Sasaran Sifar Bersih adalah sejajar dengan *28th Conference of the Parties (COP28)* yang menekankan keterjaminan air, pemulihan ekosistem dan sasaran kesihatan untuk tahun 2030 - komitmen untuk masa depan yang lebih lestari.

Untuk mendapatkan lebih banyak projek berkualiti tinggi, berimpak tinggi dan berintensifkan modal, MIDA menjalankan 11 lawatan rasmi dan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara yang menjana RM347 bilion potensi pelaburan. Lawatan dan misi ini meliputi Indonesia, Itali, Brunei, Singapura, Republik Korea, Republik Rakyat China (PRC), Jepun, Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Pada 1 Disember 2023, MIDA telah mengumumkan Pusat Memudah Cara Pelaburan Malaysia (IMFC) yang terletak di ibu pejabat MIDA. IMFC berfungsi sebagai pusat setempat untuk aktiviti-aktiviti berkaitan pelaburan yang bertujuan untuk menyelaraskan dan mempercepatkan pelbagai kelulusan di peringkat kerajaan persekutuan dan negeri untuk syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Secara dasarnya, pusat ini bertujuan untuk mengurangkan birokrasi, menyediakan khidmat nasihat dan menyumbang kepada matlamat Malaysia untuk menjadi destinasi utama dan mesra pelabur di rantau ini, selaras dengan objektif NIMP 2030.

PUSAT MEMUDAH CARA PELABURAN MALAYSIA (IMFC)

Selaras dengan pendekatan menyeluruh oleh kerajaan, IMFC akan disokong oleh kementerian dan agensi berikut:


- ◆ Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- ◆ Jabatan Imigresen Malaysia
- ◆ Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- ◆ Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
- ◆ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- ◆ Telekom Malaysia Berhad
- ◆ Tenaga Nasional Berhad
- ◆ Kementerian dan agensi lain, tertakluk kepada keperluan semasa

Strategi dan Inisiatif Penggalakan MIDA (Sektor Perkhidmatan)

Sektor perkhidmatan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sektor ini telah muncul sebagai pemangkin paling menonjol bagi pengembangan ekonomi, mengatasi sektor perkilangan dan utama dari segi prestasi dan sumbangan.

Selaras dengan NIMP 2030, dua subsektor perkhidmatan yang ditetapkan untuk diberi keutamaan sebagai Membangun dan kritikal kepada kesejahteraan ekonomi Malaysia adalah Industri Perkhidmatan Digital dan Industri Teknologi Hijau.

Sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi Malaysia menerusi pengembangan pada kadar 4.2 peratus tahun-ke-tahun pada suku keempat 2023 berdasarkan penggunaan swasta dan aktiviti sokongan pelancongan.



PERKHIDMATAN

Berdasarkan prestasi perkhidmatan, sektor perkhidmatan di Malaysia memiliki potensi yang besar. Prospek ini merangkumi bidang berikut:



Pembangunan Infrastruktur

Pelaburan yang besar diperlukan dalam infrastruktur seperti lapangan terbang, pelabuhan dan kemudahan logistik untuk menyokong perkembangan sektor perkhidmatan. Peningkatan elemen asas ini dapat mengukuhkan sektor perkhidmatan dan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi



Peningkatan Kemahiran

Pembangunan kemahiran adalah amat penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan dan mahir. Pelaburan dalam program peningkatan kemahiran, inisiatif latihan dan institusi pendidikan boleh melahirkan individu berkepakaran untuk memenuhi keperluan sektor perkhidmatan yang semakin berkembang

Pelaburan dalam modal insan ini akan memperkasakan tenaga kerja dan menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan dan daya saing sektor perkhidmatan



Penerapan Teknologi

Penerapan kemajuan teknologi dan integrasi ke dalam pelbagai proses dan operasi boleh meningkatkan kecekapan, produktiviti dan inovasi industri dengan ketara. Pelaburan dalam teknologi termaju dan penyelesaian digital akan meletakkan Malaysia sebagai hab teknologi maju serta menarik pelabur domestik dan asing yang ingin memanfaatkan perkhidmatan bertaraf tinggi

Menerusi tumpuan dalam bidang-bidang ini, pelabur boleh menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan industri. Malaysia menawarkan peluang pelaburan unik dan terkemuka yang bukan sahaja akan memacu kemakmuran ekonomi, malah membuka laluan ke arah sektor perkhidmatan yang cergas dan dinamik di Malaysia.



Malaysia menawarkan peluang pelaburan unik dan terkemuka yang bukan sahaja akan memacu kemakmuran ekonomi, malah membuka laluan ke arah sektor perkhidmatan yang cergas dan dinamik di Malaysia.”



MIDA berada di landasan yang tepat untuk menggiatkan dan mempercepatkan inisiatif pelaburan negara ke arah trajektori tema tahun ini 'Memacu Pelaburan Bertanggungjawab', demi kesejahteraan bersama untuk negara, rakyat dan pelabur. Dalam menggiatkan usaha untuk memacu Malaysia ke arah aspirasi menjadi negara berpendapatan tinggi, MIDA amat menyedari peranan penting pelaburan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran yang tidak menentu.

Berdasarkan panduan pengenalan kepada pelaburan bertanggungjawab oleh *Principles for Responsible Investment, PRI* (inisiatif pelabur dengan kerjasama *UNEP Finance Initiative* dan *UN Global Compact*) 'pelaburan bertanggungjawab' ditakrifkan seperti berikut:

Pertimbangan ke atas isu-isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam membuat keputusan pelaburan dan menentukan syarikat atau aset (dikenali sebagai pemilikan aktif atau pengawasan). Ia perlu melengkap analisis kewangan tradisional dan pembangunan portfolio. Pelabur yang bertanggungjawab wajar memberi tumpuan secara eksklusif kepada pulangan kewangan sambil mempertimbangkan kesan ESG, atau mensasarkan kedua-dua pulangan kewangan dan impak positif terhadap manusia dan planet, di samping menghindari kesan negatif.

Sebagai agensi pelaburan utama negara, MIDA berusaha untuk bekerjasama dengan pelabur tempatan dan global bagi menggerakkan perjalanan pelaburan dalam aktiviti perniagaan yang lestari serta bekerjasama untuk membina masa depan yang makmur dan inklusif di Malaysia.

Isu ESG yang boleh dipertimbangkan oleh pelabur untuk melabur secara bertanggungjawab meliputi:



Persekitaran

- ◆ Perubahan iklim
- ◆ Ekonomi kitaran
- ◆ Kepelbagaian bio
- ◆ Penebangan hutan



Sosial

- ◆ Hak kemanusiaan
- ◆ Pekerjaan berpatutan
- ◆ Kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman



Tadbir Urus

- ◆ Struktur lembaga
- ◆ Imbuhan eksekutif
- ◆ Keadilan cukai
- ◆ Penglibatan politik yang bertanggungjawab

Sumber: <https://www.unpri.org/introductory-guides-to-responsible-investment/what-is-responsible-investment/4780.article>

Merangsang Pelaburan Domestik

MIDA memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi serta memupuk persekitaran perniagaan yang kondusif di Malaysia. Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Program Rangkaian Industri (ILP) oleh MIDA menonjol sebagai strategi utama yang bertujuan untuk meningkatkan pelaburan domestik dan memacu negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada menghubungkan pelbagai industri, memupuk kerjasama, dan mewujudkan kesan gelombang peluang di seluruh rangkaian nilai.

Faktor utama MIDA menggalakkan kerjasama seluruh industri adalah:

Memupuk Inovasi



Hubungan dan kerjasama erat di kalangan industri akan menggalakkan pertukaran idea, teknologi dan amalan-amalan terbaik – memacu inovasi, di samping memupuk syarikat tempatan untuk menaik taraf dan mengambil bahagian dalam rangkaian nilai global di luar jangkaan

Meningkatkan Daya Saing



Industri di Malaysia akan mendapat manfaat daripada penyelarasan proses, perkongsian kepakaran dan sumber yang optimum, sekaligus meningkatkan daya saing di peringkat domestik dan global

Menyediakan Pekerjaan Berpendapatan Tinggi



Seiring dengan perkembangan industri, permintaan untuk tenaga kerja mahir turut meningkat, sekaligus membawa kepada kewujudan pekerjaan-pekerjaan baharu dan menurunkan kadar pengangguran

Pada tahun 2023, MIDA berjaya menganjurkan dua acara rangkaian bekalan yang penting buat industri iaitu MIDA-FMM *Industrial Linkage Day* di Pulau Pinang (21 Jun), serta MIDA-MPMA *MyPlast Sourcing Summit 2023* (14 dan 15 November) di Selangor. Kerjasama dinamik antara MIDA-FMM telah mencapai kejayaan yang membanggakan melalui MIDA-FMM *Industrial Linkage Day*. Inspirasi program ini adalah untuk membuka peluang kepada industri-industri bagi menyertai rangkaian global dan ia telah berjaya menarik lebih daripada 200 peserta termasuklah dari 16 syarikat multinasional (MNC) serta 50 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terdiri daripada industri elektrik & elektronik, jentera & peralatan dan peranti perubatan. Lebih daripada 100 Mesyuarat Padanan Perniagaan telah berlangsung yang berjaya menghubungkan 11 MNC/Syarikat Besar Tempatan (LLC) termasuklah Boston Scientific Medical Device (Malaysia) Sdn. Bhd., VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., Plexus Manufacturing Sdn. Bhd., dan 50 syarikat tempatan.

Bertemakan '*Accelerating Localisation, Stimulating Economic Growth, Augmenting Sustainability*', program tersebut telah mempamerkan usaha sama yang diilhamkan oleh FMM dan disokong sepenuhnya oleh MIDA. Program strategik ini berperanan sebagai laluan untuk memupuk kerjasama antara PKS dan MNC/LLC dalam usaha meningkatkan daya saing dan sumbangan mereka terhadap ekonomi. Dalam ucapan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, beliau menekankan kuasa transformasi kerjasama di antara MNC, LLC dan PKS yang pantas. Kerjasama yang sinergistik ini memanfaatkan kekuatan unik setiap entiti, memacu perkembangan ekonomi yang lestari. YBhg. Tan Sri Dato' Soh Thian Lai turut menekankan peranan penting MNC dan penglibatan PKS dalam pasaran antarabangsa.



Seterusnya, MyPlast *Sourcing Summit* 2023 adalah hasil kerjasama antara MIDA dan Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) yang menghubungkan pengeluar plastik tempatan dengan MNC/LLC. Dalam usaha untuk merencanakan pertumbuhan dan mengukuhkan rantaian bekalan plastik tempatan, acara ini berjaya memperkasakan PKS agar lebih berinovatif untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran mereka, di mana 10 MNC/LLC telah dipadankan dengan 42 pengeluar plastik tempatan.

Pada persidangan ini, Datuk Wira Arham Abdul Rahman selaku Ketua Pegawai Eksekutif MIDA menekankan impak positif industri plastik terhadap ekonomi negara, di mana ia berfungsi sebagai tulang belakang kepada sektor perkilangan penting termasuklah elektrik & elektronik, automotif, aeroangkasa, peranti perubatan dan pembungkusan makanan. Menyedari kesan positif industri ini terhadap ekonomi, beliau memberi penekanan keperluan dalam memacu inovasi dan menyokong sektor-sektor utama. Kerjasama antara MNC dan pengeluar plastik tempatan seperti yang telah ditonjolkan oleh MyPlast *Sourcing Summit* ini adalah sangat diperlukan dalam memacu pertumbuhan perusahaan tempatan serta mempromosikan pengeluaran plastik yang inovatif dan lestari, selaras dengan Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030.

Pada 7 September 2023, MIDA telah menganjurkan MIDA-Prasarana *Vendor Engagement Day* yang memberi fokus kepada syarikat-syarikat di bawah rantai bekalan Prasarana. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama strategik antara MIDA, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan perusahaan tempatan.

Melangkah ke hadapan, MIDA kekal teguh dengan komitmen untuk mengukuhkan rantaian industri serta membuka peluang pelaburan domestik yang baharu. Antara inisiatif utama yang diperkenalkan termasuk:

Penerimgunaan Industri 4.0



Menyokong integrasi teknologi digital dan proses perkilangan termaju untuk meningkatkan produktiviti serta daya saing merentas pelbagai industri

Pembangunan Lestari

Menyokong amalan mesra alam dan penerimgunaan teknologi hijau untuk memastikan pertumbuhan ekonomi jangka panjang sambil memelihara sumber asli Malaysia



Pembangunan Bakat dan Latihan



Melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan dinamik pasaran global

Kejayaan program ILP yang diterajui oleh MIDA ini telah membuktikan peranannya dalam menggalakkan pelaburan domestik, memupuk usaha sama, memacu inovasi dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan lestari. Seiring dengan perjalanan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju, inisiatif strategik ini bakal memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan ekonomi negara dan memastikan kemakmuran untuk semua.

2.0

TINJAUAN MENGIKUT INDUSTRI

"Pencapaian cemerlang sebanyak RM329.5 bilion dalam pelaburan yang diluluskan ini menunjukkan bahawa sebagai negara dengan dasar-dasar yang kukuh dalam menyokong pertumbuhan dan prospek pelaburan, Malaysia sangat berpotensi untuk meraih pulangan tinggi sejajar dengan visi negara untuk menjadi ekonomi yang maju dan inklusif. MITI dan MIDA akan meneruskan komitmen masing-masing untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memudah cara urusan pelaburan berkualiti tinggi dalam usaha membuka peluang kepada komuniti PKS dan pekerjaan mahir yang berpendapatan tinggi untuk rakyat."

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz,
Menteri Pelaburan, Perdagangan & Industri
(Kenyataan Akhbar dari MIDA pada 29 Februari 2024)



BEREVOLUSI UNTUK MENERAJUI KEMAJUAN

Sektor perkilangan Malaysia terus mara ke hadapan walaupun menghadapi cabaran gangguan global yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pemain-pemain industri negara, sama ada yang besar mahupun kecil, sentiasa melaksanakan perubahan agar selari dengan keperluan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) global yang semakin meningkat, selaras dengan rancangan dan dasar Kerajaan untuk sektor perkilangan serta jangkaan pelanggan, dalam usaha mengukuhkan kedudukan mereka dalam rantai nilai global

Secara keseluruhannya, tahun 2023 merupakan tahun yang tidak menentu bagi sektor perkilangan global dengan pelbagai kesan positif dan negatif yang memberi impak kepada para pengeluar di seluruh dunia. Beberapa trend daripada tahun 2022 juga dapat dilihat pada tahun 2023 dan berkemungkinan akan berlanjutan sehingga tahun 2024. Ini termasuk transformasi digital (seperti perkilangan pintar), memastikan ketahanan rantai bekalan (termasuk untuk penempatan semula) dan isu-isu berkaitan pengkalan pekerja mahir.

Antara trend lain yang semakin ketara pada tahun 2023 ialah peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (AI), terutamanya AI generatif, dan pembelajaran mesin; penggunaan model perniagaan perkhidmatan/langganan digital di syarikat-syarikat yang biasanya dikaitkan dengan perkilangan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan; dan konsep pengkhususan massa.

Di peringkat nasional, pengilang-pengilang di Malaysia juga berhadapan dengan cabaran akibat pelbagai faktor yang mempengaruhi kemerosotan prospek permintaan dalam negeri, serantau dan juga global berikutan ketidakpastian ekonomi. Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia didapati

merundum sebanyak 0.1 peratus pada Disember 2023, akibat pertumbuhan negatif sebanyak 1.4 peratus dalam sektor perkilangan walaupun prestasi industri-industri yang berorientasikan domestik mencatatkan peningkatan stabil sebanyak 4.2 peratus dalam tempoh yang sama.

Dari segi sumbangan sektor perkilangan kepada jumlah KDNK Malaysia pada tahun 2023, sektor ini terus kekal sebagai penyumbang yang sangat strategik untuk ekonomi negara. Dengan nilai sumbangan berjumlah 23.4 peratus, ia juga telah membuka peluang pekerjaan kepada hampir 2.4 juta pekerja pada Disember 2023.

Sektor perkilangan di Malaysia dijangka berhadapan dengan pelbagai peluang dan cabaran dalam persekitaran global semasa, di mana pemain-pemain industri perlu bersiap sedia untuk menerima pakai kemajuan teknologi. Langkah ini akan memantapkan lagi kelestarian, daya tahan, dan kerelevanan mereka. Khususnya, pengeluar utama yang berpandangan jauh melihat kepada pelaburan dalam inisiatif automasi dan digitalisasi bagi meningkatkan unjuran untuk rantai bekalan, menyeimbangkan tekanan kos dan proses perkilangan.





SOROTAN UTAMA SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2023

Menjelang akhir tahun 2023, sektor perkilangan berjaya menarik pelaburan bernilai **RM152 bilion**, mewakili **46.1 peratus** daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM329.5 bilion. Ini merupakan **peningkatan ketara sebanyak 80.3 peratus** berbanding tahun 2022, membuktikan bahawa walaupun dengan situasi global dan cabaran lain, para pelabur tetap yakin dengan keupayaan dan potensi perkilangan Malaysia

Tahun 2023 bermula agak perlahan untuk sektor perkilangan, dengan suku pertama 2023 menyaksikan pelaburan sebanyak RM15.6 bilion melalui 192 projek dengan pelaburan asing menyumbang sebanyak RM12.6 bilion (80.7%) daripada jumlah pelaburan suku pertama sektor ini

Pertumbuhan pelaburan meningkat pada suku kedua tahun ini, melonjak hampir dua kali ganda pelaburan pada suku pertama, iaitu RM29.2 bilion meliputi 229 projek, di mana pelaburan asing sekali lagi mendominasi (RM21.3 bilion atau 72.7%)

Suku ketiga tahun 2023 menunjukkan momentum yang semakin meningkat dalam sektor ini. Pelaburan sekali lagi mencapai hampir dua kali ganda daripada suku sebelumnya, iaitu RM55.1 bilion dan 192 projek yang diluluskan. Pelaburan asing menyumbang RM52.2 bilion atau 94.7 peratus daripada jumlah keseluruhan tersebut



Elektrik dan Elektronik (E&E)

RM85.4 bilion

◆ Mencatat tahap pelaburan tertinggi

◆ Meningkatkan sebanyak **2.9X**
(2022: RM29.3 bil)

◆ Di bawah Bajet 2024 yang diumumkan pada 13 Oktober 2023, Kerajaan Malaysia merancang untuk menubuhkan kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Kerian, Perak Utara bagi membina ekosistem yang lebih luas untuk kluster E&E. Ini akan melengkapi ekosistem yang sedia ada di rantau utara

Industri Peneraju Lain dalam Sektor Perkilangan Tahun 2023



Jentera & Peralatan (M&E)

RM22.6 bil



Meningkat sebanyak **170.2%**
(2022: RM8.4 bil)



Produk Mineral Bukan Logam

RM8.8 bil



Meningkat sebanyak **RM3 bil**
(2022: RM5.8 bil)



Produk Plastik

RM4.1 bil



Meningkat sebanyak **Hampir 3X**
(2022: RM1.4bil)



Kimia dan Produk Kimia

RM8.9 bil




Peralatan Pengangkutan

RM7.1 bil

PELABUR ASING KEMBALI MENUNJUKKAN TAHAP KEYAKINAN YANG TINGGI



Perubahan dalam rantaian bekalan global berikutan pelbagai ketegangan geopolitik telah membuka peluang kepada negara untuk memanfaatkan pengalihan perdagangan, membolehkan Malaysia dipromosikan sebagai hab alternatif bagi aktiviti perkilangan dan pengedaran, seterusnya mewujudkan persekitaran yang harmoni dan konsisten untuk para pelabur



RM128.5 bil
Jumlah Pelaburan

Merangkumi **84.5%** daripada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan

↑ Pertumbuhan sebanyak **94.5%** daripada jumlah pelaburan asing pada tahun 2022 sebanyak RM66 bilion

Pencapaian yang amat membanggakan ini membuktikan bahawa para pelabur asing semakin yakin dengan dasar dan inisiatif pro-perniagaan serta mesra pelaburan Kerajaan yang konsisten dalam usaha menarik pelaburan asing

5 Pelaburan Asing (FI) Teratas



Elektrik dan Elektronik (E&E)
RM82.4 bil

64.2% daripada jumlah FI

↑ Meningkat
Hampir 3X
(2022: RM27.9 bil)



Jentera dan Peralatan (M&E)
RM17 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM11.7 bil
(2022: RM5.3 bil)



Produk Mineral Bukan Logam
RM6.3 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM1 bil
(2022: RM5.3 bil)



Kimia dan Produk Kimia
RM6.2 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM500 juta
(2022: RM5.7 bil)



Peralatan Pengangkutan
RM5.1 bil

5 Negara Pelabur Asing Teratas



Belanda

RM34.9 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM26.1 bil
(2022: RM8.8 bil)



Amerika Syarikat

RM18.1 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM13.8 bil
(2022: RM4.3 bil)



Kepulauan Cayman

RM16.9 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM16.8bil
(2022: RM87.5 mil)



Singapura

RM12.9 bil

↑ Meningkat sebanyak
RM3.3 bil
(2022: RM9.6 bil)



Republik Rakyat China (PRC)

RM12 bil


↑ Meningkat sebanyak
RM2.4 bil
(2022: RM9.6 bil)



PELABUR DOMESTIK TURUT MEMAINKAN PERANAN PENTING



Walaupun pelaburan asing yang diluluskan menyumbang jumlah pelaburan terbesar untuk sektor perkilangan Malaysia pada tahun 2023, pelaburan domestik (DI) yang kembali pulih juga menyumbang kepada pengukuhan ekonomi Malaysia yang semakin mantap



RM23.5 bil
Jumlah Pelaburan

Mewakili **15.5%** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan

Peningkatan ketara sebanyak **RM5.2 bilion** berbanding jumlah pelaburan domestik pada tahun 2022 sebanyak RM18.3 bilion

5 Pelaburan Domestik (DI) Teratas



Jentera dan Peralatan (M&E)
RM5.6 bil

23.8% daripada jumlah DI



Elektrik dan Elektronik (E&E)
RM3 bil



Kimia dan Produk Kimia
RM2.7 bil

Meningkat sebanyak **68.8%** (2022: RM1.6 bil)



Produk Mineral Bukan Logam
RM2.5 bil



Peralatan Pengangkutan
RM2 bil

Meningkat sebanyak **RM600 juta** (2022: RM1.4bil)

MENINGKATKAN KEMAHIRAN BAKAT DI MALAYSIA

Dalam peralihan negara daripada ekonomi yang dicirikan oleh industri berkemahiran rendah dan memerlukan intensif buruh kepada industri yang menggaji pekerja berkemahiran tinggi, adalah penting untuk memastikan pekerjaan bernilai tinggi dapat diwujudkan (atau menggantikan pekerjaan berkemahiran rendah) bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Usaha ni akan membantu membina komuniti kelas pertengahan yang mapan dengan kuasa membeli yang tinggi




73,939
Jumlah Peluang Pekerjaan

41.1% adalah dalam bidang Pengurusan, Teknikal (termasuk kemahiran pertukangan) dan Penyeliaan (MTS)

12,230 daripada pekerjaan baharu ini menawarkan gaji bulanan RM5,000 dan ke atas

5 Industri Teratas dengan Peluang Pekerjaan Tertinggi




Lima industri ini mewujudkan anggaran **49,118** pekerjaan baharu, atau kira-kira **66.4%** daripada jumlah peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan

PELABURAN MODAL SETIAP PEKERJA (CIPE) YANG LEBIH TINGGI MENCERMINKAN PELABURAN BERKUALITI TINGGI


CIPE 2023
RM2.1 juta

Meningkat sebanyak **2X** (2022: RM1.1 juta)




Ini sejajar dengan langkah Malaysia ke arah teknologi yang lebih canggih dan pembuatan produk yang lebih kompleks



SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKILANGAN)




Sub-Sektor E&E



Elektronik Pengguna

RM318.7 juta Jumlah Pelaburan **18** Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pemasaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu




1,447 Jumlah Peluang Pekerjaan

Elektrik Industri

RM150.6 juta Jumlah Pelaburan **4** Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Baharu




132 Jumlah Peluang Pekerjaan

Produk Elektrik

RM35.4 juta Jumlah Pelaburan **6** Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pemasaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu



268 Jumlah Peluang Pekerjaan




E&E merekodkan tahap pelaburan tertinggi dalam sektor perkilangan.




RM85.4 bil
Jumlah Pelaburan




Meningkat sebanyak
2.9X
(2022: RM29.3 bil)





SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKILANGAN)





Sub-Sektor M&E



2,271
Jumlah Peluang Pekerjaan



2,464
Jumlah Peluang Pekerjaan



747
Jumlah Peluang Pekerjaan

Modul Jentera dan Peralatan atau Bahagian dan Komponen Industri

RM541.1 juta
Jumlah Pelaburan

15
Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing

Pelaburan Domestik: **16.8%**
RM91.1 juta

Pelaburan Asing: **83.2%**
RM450 juta

Projek Pembrebaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

■ 11 Projek Pembrebaran/ Pelbagaian
RM431.6 juta
79.8%

■ 4 Projek Baharu
RM109.5 juta
20.2%

Jumlah: **RM541.1 juta**

1,033
Jumlah Peluang Pekerjaan

Jentera & Peralatan Penjaan Kuasa

RM61.3 juta
Jumlah Pelaburan

1
Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing

Pelaburan Domestik: **100%**
RM61.3 juta

Projek Pembrebaran/ Pelbagaian

■ 1 Projek Pembrebaran/ Pelbagaian
RM61.3 juta
100%

Jumlah: **RM61.3 juta**

121
Jumlah Peluang Pekerjaan

Penyelenggaraan, Menaik taraf atau Membaik pulih Semula Jentera & Peralatan

RM6.7 juta
Jumlah Pelaburan

1
Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing

Pelaburan Domestik: **100%**
RM6.7 juta

Projek Pembrebaran/ Pelbagaian

■ 1 Projek Pembrebaran/ Pelbagaian
RM6.7 juta
100%

Jumlah: **RM6.7 juta**



M&E mencatat tahap pelaburan kedua tertinggi dalam sektor perkilangan.







RM22.6 bil
Jumlah Pelaburan




Meningkat sebanyak **170.2%**
(2022: RM8.4 bil)





SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKILANGAN)






Sub-Sektor Peralatan Pengangkutan










“Industri peralatan pengangkutan adalah salah satu daripada 5 penyumbang utama dalam sektor perkilangan.

RM7.1 bil
Jumlah Pelaburan







SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKILANGAN)





SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKILANGAN)



A close-up photograph of an industrial welding process. A bright, intense light emanates from the point where a welding torch or electrode meets a metal surface, creating a massive spray of glowing orange and yellow sparks that radiate outwards. The background is dark, with some blue and green ambient lighting, suggesting a factory or workshop environment. The sparks are captured in motion, creating a sense of dynamic energy and heat.

”

Sektor perkilangan di Malaysia bakal berhadapan dengan pelbagai peluang dan cabaran dalam persekitaran global semasa, di mana pemain-pemain industri perlu bersiap sedia untuk mengadaptasi kemajuan teknologi. Langkah ini akan memantapkan lagi kelestarian, daya tahan dan kerelevanan mereka.

TETAP NOMBOR SATU

Seiring dengan penerapan transformasi digital dan inovasi, industri perkhidmatan muncul sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi. Landskap kemajuan yang dinamik, perniagaan yang maju, dan kolaborasi yang strategik menjadikan ciri utama sektor perkhidmatan Malaysia yang berdaya tahan dan progresif

Menurut laporan 'Services Global Market Report 2024' oleh *The Business Research Company*, pasaran perkhidmatan global dijangka akan meningkat daripada AS\$15.37 trilion pada tahun 2023 kepada AS\$16.71 trilion pada tahun 2024 dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 8.7 peratus. Pembangunan teknologi yang pesat disasarkan akan memacu inovasi merentas beberapa sektor industri perkhidmatan, mendorong pasaran dalam tempoh masa ramalan. Seterusnya, penggunaan teknologi digital akan menurunkan kos operasi, meningkatkan produktiviti serta membawa keuntungan yang lebih tinggi, memacu pasaran perkhidmatan untuk mencapai potensi pertumbuhan sebanyak AS\$23.13 trilion pada tahun 2028 dengan CAGR sebanyak 8.5 peratus. Pertumbuhan dalam tempoh ramalan ini boleh dikaitkan dengan faktor-faktor populasi yang semakin menua, privasi dan keselamatan data, kesedaran kesihatan mental, inisiatif ekonomi kitaran dan juga perkhidmatan tindak balas pandemik.

Trend mega semasa dalam ekonomi global menawarkan peluang baharu kepada pelabur kerana Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menikmati manfaat daripada penyusunan semula

rantaian nilai global. Peralihan kepada masa depan bercirikan karbon rendah dan lebih hijau juga akan memberi kesan berimpak besar terhadap keupayaan negara untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang meningkatkan daya saing dan menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi. Berpandukan Dasar Pelaburan Baharu (yang digariskan bagi tempoh 2022-2027), Kerajaan akan melaksanakan pelbagai langkah pembaharuan untuk memperkukuhkan asas-asas ekosistem pelaburan Malaysia bagi menarik para pelabur.

Persekitaran Pelaburan yang Stabil

Dasar strategik dan pengenalan insentif cukai seperti yang digariskan dalam Bajet 2024 pula disasar akan menggalakkan persekitaran pelaburan yang stabil untuk menarik lebih ramai pelabur domestik dan asing. MIDA akan terus memudah cara pelaburan ke Malaysia, membuka peluang pertumbuhan baharu yang dibawa oleh trend global yang baru muncul. Tambahan pula, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 merangka hala tuju strategik juga dijangka dapat memanfaatkan peluang dan mempercepat pertumbuhan ekonomi yang mampan.



SOROTAN SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2023

Sektor Perkhidmatan terus mendominasi pertumbuhan ekonomi negara dengan mencatatkan prestasi cemerlang berjumlah **RM168.4 billion** atau **51.1 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023, dengan **52,732** peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan

Pelaburan domestik merupakan penyumbang utama berjumlah **RM110.5 billion** atau **65.6 peratus** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkhidmatan, manakala pelaburan asing menyumbang baki **34.4 peratus** atau **RM57.9 billion**



Jumlah Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Perkhidmatan

Maklumat dan Komunikasi
RM63.7 bil

Hartanah
RM61 bil

Utiliti
RM11.1 bil

Perdagangan Pengedaran
RM11.1 bil

Perkhidmatan Sokongan
RM10.5 bil

Perkhidmatan Kewangan
RM6.3 bil

Perkhidmatan Pengangkutan
RM1.3 bil

Hotel dan Pelancongan
RM1.2 bil

Pertubuhan Global
RM878.2 juta

Perkhidmatan Kesihatan
RM727.4 juta

Perkhidmatan Pendidikan
RM564.9 juta

Perkhidmatan Lain
RM16.1 juta

RM168.4 bil
Jumlah Pelaburan

5 Sub-Sektor Perkhidmatan Utama

Maklumat dan Komunikasi
RM63.7 bil

Hartanah
RM61 bil

Utiliti
RM11.1 bil

Perdagangan Pengedaran
RM11.1 bil


Perkhidmatan Sokongan
RM10.5 bil

Nota: Perkhidmatan Sokongan termasuk Teknologi Hijau, R&D, Logistik, Perkhidmatan Reka Bentuk, Perkhidmatan Profesional, dan Perkhidmatan Sokongan Lain




“ MIDA akan terus memudah cara pelaburan ke Malaysia, membuka peluang pertumbuhan baharu yang dibawa oleh trend global semasa. ”




SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKHIDMATAN)




Maklumat dan Komunikasi di bawah Pejabat Pelaburan Digital (DIO)






“



Sektor Perkhidmatan terus mendominasi pertumbuhan ekonomi negara dengan mencatatkan prestasi cemerlang sejumlah RM168.4 bilion atau 51.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023, dengan 52,732 peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan.







SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKHIDMATAN)




Sub-Sektor Perkhidmatan Sokongan







SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKHIDMATAN)






Sub-Sektor Perkhidmatan Logistik oleh MIDA





Bersambung pada halaman seterusnya


Sub-Sektor Aktiviti R&D oleh MIDA




SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKHIDMATAN)




Sub-Sektor Hotel dan Pelancongan






Sub-Sektor Pertubuhan Global





Sub-Sektor Perkhidmatan Kesihatan



SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR PERKHIDMATAN)



Sub-Sektor Perkhidmatan Pendidikan





”


Berpandukan Dasar Pelaburan Baharu (yang digariskan bagi tempoh 2022-2027), Kerajaan akan melaksanakan pelbagai langkah pembaharuan untuk memperkukuhkan asas-asas ekosistem pelaburan Malaysia bagi menarik para pelabur.

NOTA RINGKAS


Komitmen Malaysia terhadap perlombongan dan pertanian lestari, serta pengeluaran komoditi yang bertanggungjawab menjadikan negara ini pemain industri yang beretika dalam pasaran global, mengimbangkan kemakmuran ekonomi dengan keprihatinan terhadap alam sekitar pada tahun 2023

SOROTAN PELABURAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2023 (SEKTOR UTAMA)

Sektor utama Malaysia telah berevolusi untuk mengamalkan amalan lestari, mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat terhadap isu-isu berkaitan alam sekitar. Usaha untuk menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan tanggungjawab ekologi jelas kelihatan dalam penggunaan teknik pertanian mesra alam dan inisiatif pengurusan hutan. Peralihan strategik seperti ini bukan sahaja memastikan ketersediaan sumber untuk jangka panjang, malah meletakkan Malaysia sebagai pemain global yang bertanggungjawab. Perlombongan dan komoditi seperti minyak sawit, getah dan pengeluaran kayu menonjol sebagai tonggak kepada sektor utama, memacu hasil eksport dan peluang pekerjaan



Nota *: Tiada projek yang diluluskan untuk Pertanian





”

Komoditi Malaysia harus merebut lebih peluang untuk pasaran di peringkat global supaya dapat menangani jangkaan cabaran yang lebih besar dan peraturan yang lebih ketat di peringkat global pada tahun hadapan.

Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi (Akhbar *The Star*, 6 Dis 2023)

Menuju Ke Arah Meningkatkan Daya Saing Bakat

Usaha berterusan daripada pihak Kerajaan untuk meningkatkan daya saing bakat di Malaysia kini sedang menunjukkan hasil. Berdasarkan *Global Talent Competitiveness Index (GTCI) 2023* yang dikeluarkan oleh INSEAD dengan kerjasama *Descartes Institute for the Future* dan *Human Capital Leadership Institute*, Malaysia menduduki tangga ke-42 bagi negara berpendapatan pertengahan tinggi iaitu selepas Brunei dan Republik Rakyat China (PRC). Malaysia berjaya dalam kemahiran pengetahuan tahap global serta mempamerkan kemahiran teknikal dan vokasional yang tinggi.

Menyedari akan impak ini, MIDA terus menerajui usaha untuk membina kumpulan bakat selaras dengan permintaan industri yang semakin berkembang. MIDA memupuk kerjasama erat antara sektor awam/swasta untuk merapatkan jurang bekalan bakat dan menyediakan saluran bakat yang mampan yang mampu menarik perniagaan berfokuskan masa hadapan.


Dalam menyokong matlamat ekonomi dan pelaburan negara, Kerajaan juga komited terhadap urus tadbir digital, kemudahan menjalankan perniagaan serta memupuk persekitaran mesra perniagaan melalui pelaksanaan platform seperti *Single Window Platform (SWP)*.

SWP (juga dikenali sebagai *Xpats Gateway System*) telah dilancarkan pada 15 Jun 2023 untuk menyelaraskan dan mempercepatkan permohonan Pas Penggajian (EP) pekerja ekspatriat oleh syarikat yang tertakluk di bawah pihak berkuasa atau kawal selia di Malaysia. Dengan SWP, permohonan Surat Sokongan akan diproses dalam tempoh 10 hari bekerja selepas penghantaran dokumen yang lengkap; dan dalam tempoh tiga hari bekerja untuk syarikat *Tier 1* dan *Tier 2*.

Syarikat yang terletak di Semenanjung Malaysia dengan status kelulusan daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih serta Pejabat Perwakilan (RE) dan Pejabat Serantau (RO) boleh memohon jawatan ekspatriat dan Pas Penggajian (EP) melalui Sistem Dalam Talian ESD di <https://esd.imi.gov.my/> portal. Proses yang distruktur semula ini memastikan permohonan dikemukakan kepada MIDA untuk penyediaan Kelulusan Jawatan Ekspatriat dan Surat Sokongan EP.




Manakala, syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih yang terletak di Sabah dan Sarawak boleh terus mengemukakan permohonan jawatan ekspatriat dan permohonan status RE/RO melalui portal InvestMalaysia di <https://investmalaysia.mida.gov.my/EIP/InvestMalaysia.aspx>.

MIDA telah menerima sebanyak 9,124 permohonan antara 15 Jun 2023 hingga 31 Disember 2023:



Sumber: <https://www.mida.gov.my/media-release/single-window-platform-notice/>

MIDA turut memberi tumpuan kepada penglibatan pemegang taruh melalui inisiatif dalam membantu industri mencari bakat yang bersesuaian. Pada tahun 2023, beberapa inisiatif yang penting telah dilaksanakan bagi tujuan fasilitasi dengan industri berkaitan dan juga program-program inovatif termasuk:

Program	Ciri-Ciri/Objektif	Usaha sama	Hasil
<p>Program Peningkatan Kemahiran dan Teknikal (STEP) * November 2022 hingga Mei 2023</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan latihan teknikal industri untuk graduan universiti dan pekerja yang diberhentikan (24 bidang tumpuan dikenal pasti) Menangani isu pengangguran Merapatkan jurang kemahiran Meningkatkan kebolehpasaran Membekalkan bakat yang terdiri daripada golongan profesional yang berkelayakan 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Federation of Malaysian Skills Centre (FMSDC)</i> sebagai penyedia perkhidmatan latihan Dibantu oleh 13 Pusat Pembangunan Kemahiran 	<ul style="list-style-type: none"> Hampir 2,000 pelatih 49 kursus dijalankan 295 buah syarikat telah mengambil bahagian (termasuklah Solarvest, Electrisola, Aerodyne, Hibiscus Petroleum) Kebanyakan pelatih berjaya mencari kerja Antara kursus yang disediakan untuk memenuhi keperluan industri termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Pembelajaran Mesin dan AI Kompetensi Kejuruteraan untuk Industri 4.0 Professional Solar PV Pakar Pertukangan dalam Teknologi PLC PLC Siemens dengan Integrasi IoT
<p>Eksplorasi Kerjaya MIDA 2023 - Pameran Kerjaya Pulau Pinang (30 Julai 2023) Selangor (5 Ogos 2023) - Ceramah Kerjaya Selangor (5 Ogos 2023)</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Satu platform yang menghubungkan permintaan daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih dengan bekalan bakat tempatan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi 	MITI	<ul style="list-style-type: none"> 36 syarikat perkilangan & perkhidmatan terpilih (daripada industri E&E, Automotif, Aeroangkasa, Farmaseutikal dan Mesin & Logam) Kira-kira 3,000 pekerjaan ditawarkan termasuk latihan industri Antara MNC yang mengambil bahagian dalam pameran kerjaya: AT&S, TF AMD Microelectronics, Jabil, Teleflex Medical, Stellantis, ams-OSRAM, Samsung SDI Energy, Airfoil dan F&N Syarikat gergasi tempatan yang hadir: Aerodyne, Straits Orthopaedics, Inari Technology dan Vitrox Technologies Ahli panel Ceramah Kerjaya Selangor (dianjurkan oleh MIDA) terdiri daripada Kumpulan Aerodyne, Playstation Studios, Samsung SDI Energy dan Stellantis; berkongsi pandangan tentang perkara yang berkaitan dengan industri (termasuklah laluan kerjaya, perkembangan pekerjaan dan budaya di tempat kerja) Menarik minat kira-kira 4,000 peserta yang terdiri daripada graduan universiti, pelajar tahun akhir dan pekerja profesional
<p>Pasukan Petugas Khas - Fasilitasi Bakat (STF-TF) * Ditubuhkan pada Mac 2023</p> 	<ul style="list-style-type: none"> Membantu keperluan bakat industri Merapatkan jurang antara permintaan dan bekalan bakat Berdasarkan model <i>Triple Helix</i> yang melibatkan interaksi antara pihak kerajaan, industri dan institut pengajian tinggi; ketiga-tiga badan ini bekerjasama dalam menangani permintaan industri, merancang pembangunan bakat masa hadapan, serta memahami isu-isu berkaitan bakat dalam industri tertentu 	Platform berstruktur yang melibatkan 17 kementerian, agensi dan universiti yang berkaitan termasuk MITI, Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE), Kementerian Pendidikan Tinggi (MoHE), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	<ul style="list-style-type: none"> Antara syarikat yang telah dibantu termasuklah Kibing Group (Melaka), Kibing Solar (Sabah), Panasonic, Texas Instruments Electronics (Melaka), Texas Instruments Malaysia (Selangor) dan Advanced Assembly Materials Cadangan untuk memasukkan silibus tentang perisian di dalam kurikulum program Ijazah Sarjana Muda untuk universiti-universiti terpilih

3.0

PRESTASI PELABURAN DALAM SEKTOR TERPILIH DI BAWAH INISIATIF ASPIRASI PELABURAN NASIONAL (NIA)

"Walaupun MITI memimpin dalam usaha pelaburan, kami sedar bahawa untuk menarik lebih banyak pelaburan, kita memerlukan usaha dari seluruh negara, terutamanya dalam mengubah ekosistem perkilangan secara menyeluruh. Dalam konteks ini, kita semua perlu bersama-sama memainkan peranan dalam membina masa hadapan yang lebih berdaya tahan, makmur dan lestari untuk perniagaan Malaysia, PKS dan rakyat."

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz merupakan Menteri Pelaburan,
Perdagangan dan Industri Malaysia
(*The Borneo Post*, 26 Ogos 2023)






FOKUS KEPADA ASPIRASI PELABURAN NASIONAL (NIA)


Mengikut lima teras utama, Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) berfungsi sebagai panduan untuk Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Dasar Pelaburan Baharu (NIP). Kerajaan mempunyai keyakinan tinggi terhadap kesan positif dasar dan strategi yang dilaksanakan yang dijangka dapat meningkatkan ekosistem pelaburan, merangsang pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini

NIA berperanan sebagai tunjang penting untuk Dasar Pelaburan Baharu (NIP) dan telah dikenal pasti sebagai salah satu inisiatif utama oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) pada tahun 2021. Ia merupakan komponen penting dalam merangka NIP dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi kompetitif untuk pelaburan bernilai tinggi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi lestari dan holistik.

Sektor utama yang dikenal pasti di bawah inisiatif NIA ialah elektrik dan elektronik (E&E), farmaseutikal, ekonomi digital, aeroangkasa dan kimia. Selain itu, lima teras utama NIA telah digariskan untuk berfungsi sebagai prinsip panduan untuk penilaian pelaburan yang dijalankan oleh MIDA.



LIMA TERAS UTAMA



TERAS-TERAS NIA

MIDA telah membangunkan Analisis Kos Faedah (CBA) untuk mengukur potensi impak pelaburan dengan memberikan penilaian komprehensif dan realistik mengenai faedah yang dijangka kepada ekonomi negara. Analisis ini mengukur impak pelaburan dari segi intensiti modal, nilai tambah, peluang pekerjaan, pembangunan vendor serta kerjasama dengan institusi akademik peringkat tinggi. Petunjuk ini digunakan untuk mengukur sumbangan pelaburan terhadap teras NIA.

Teras 1: Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi

Salah satu keutamaan dalam NIA adalah untuk mempercepatkan transformasi menyeluruh dalam memperkukuhkan keupayaan Malaysia bagi membolehkan negara mencipta pelbagai produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang pelbagai. Dalam konteks pendigitalan dan automasi yang pesat mengubah ekonomi global dari tenaga kerja ke keupayaan khusus, pentingnya membangun kapasiti untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan kompleks sebagai asas yang kukuh untuk daya saing jangka panjang negara.

Untuk menyokong agenda Malaysia dalam meningkatkan kompleksiti ekonomi, setiap projek pelaburan dalam sektor perkilangan perlu mencapai sekurang-kurangnya Pelaburan Modal Setiap Pekerja (CIPE) sebanyak RM140,000 dan Nilai Ditambah (VA) minimum sebanyak 40 peratus atau dengan sekurang-kurangnya 25 peratus dari jumlah pekerja sepenuh masa syarikat dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS). Ini bagi memastikan pelaburan modal yang mencukupi disalurkan ke dalam tenaga kerja syarikat akan meningkatkan produktiviti dan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang memberi impak kepada KDNK negara.



Salah satu keutamaan dalam NIA adalah untuk mempercepatkan transformasi menyeluruh dalam memperkukuhkan keupayaan Malaysia bagi membolehkan negara mencipta pelbagai produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang pelbagai



CIPE PROJEK PERKILANGAN

Purata intensiti modal (seperti yang diukur oleh CIPE) bagi projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2023 adalah berjumlah **RM2,055,312** (2022: RM1,107,514), peningkatan sebanyak **85.6%** daripada purata nisbah CIPE pada 2022




Sektor E&E mempunyai nisbah CIPE tertinggi berjumlah **RM3,694,794** (peningkatan paling ketara sebanyak **241.9%** daripada yang lain) (Nisbah CIPE 2022: RM1,080,515)



Kimia: **RM1,908,975**



Farmaseutikal: **RM477,833**




Nota

Kebanyakan industri mempunyai CIPE melebihi RM1 juta yang menunjukkan bahawa projek yang diluluskan mempunyai tahap intensiti modal yang tinggi

Petunjuk Nilai Ditambah (VA)

Petunjuk nilai ditambah bagi projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada 2023 berjumlah 56.1 peratus pada 2023 berbanding 50.9 peratus pada 2022 – bukti sumbangan sektor perkilangan ke arah meningkatkan kompleksiti ekonomi dan kedudukan negara dalam rantaian ekonomi global

Petunjuk nilai ditambah bagi sektor keutamaan di bawah NIA pada tahun 2023




Teras 2: Mewujudkan Pekerjaan Bernilai Tinggi

Mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi adalah penting untuk memajukan masyarakat dan menyediakan peluang pendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia serta mempercepat peralihan negara daripada tenaga kerja berkemahiran rendah kepada pekerjaan berintensifkan pengetahuan.

Keutamaan lain termasuk meningkatkan akses kepada peluang peningkatan kemahiran yang disasarkan untuk memastikan tenaga kerja Malaysia kekal relevan dengan keperluan industri semasa. Selain itu, usaha juga dilakukan untuk meningkatkan akses kepada kumpulan bakat yang lebih luas di kalangan rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi.

PELUANG PEKERJAAN BERNILAI TINGGI DALAM SEKTOR NIA TAHUN 2023



Teras 3: Meluaskan Hubungan Domestik

Majlis Pelaburan Negara Bil.2/2023 telah bersetuju untuk menjadikan pelaburan domestik (DI) sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pelaburan di Malaysia. Dalam memperkasakan syarikat tempatan, dasar-dasar fasilitasi seperti insentif fiskal dan bukan fiskal serta geran telah diperkenalkan – terutamanya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk meningkatkan keupayaan pembangunan mereka dan memudahkan proses pengantarabangsaaan yang membolehkan integrasi lebih mendalam bagi rantaian bekalan tempatan ke dalam rantaian nilai global.


MIDA secara aktif menggalakkan PKS untuk menerapkan automasi dan pendigitalan serta menerima pakai amalan lestari untuk mengukuhkan keupayaan mereka dalam membekalkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi kepada syarikat besar dan negara yang komited kepada agenda kelestarian.

Teras 4: Membangunkan Kluster Ekonomi Baharu dan Sedia Ada

Kluster merupakan pendorong utama dalam strategi masa hadapan Malaysia dan terus menyumbang dengan ketara kepada pembangunan ekonomi negara. Kluster-kluster ini akan memberi manfaat kepada ekosistem seperti memudahkan penyebaran teknologi teras, meningkatkan produktiviti, menambah nilai, menghasilkan limpahan ekonomi serta mempromosikan pembangunan wilayah dan peluang pekerjaan.

PROJEK MILIKAN RAKYAT MALAYSIA YANG DILULUSKAN OLEH MIDA TAHUN 2023

Sebanyak **558** projek yang dimiliki oleh rakyat Malaysia telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM24.7 billion** dan berpotensi mewujudkan **26,284** peluang pekerjaan




Note Prestasi ini mencerminkan peranan syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dalam integrasi sektor teknologi tinggi ke dalam rantaian bekalan global

Pelan NIMP 2030 telah menetapkan pembentukan kluster ekonomi baharu yang berpotensi tinggi serta pertumbuhan kluster sedia ada terutamanya dalam industri yang berkembang pesat. Pelan ini juga memetakan kluster industri sedia ada di Malaysia yang berpotensi untuk memberi kesan limpahan kepada kawasan lain. Sebagai contoh, kluster di Kedah dan Perak telah mendapat faedah daripada kluster E&E di Bayan Lepas dan Batu Kawan di Pulau Pinang, manakala taman teknologi tinggi bersepadu di Kulim, Kedah berpotensi menyokong kluster E&E.

Kluster ekonomi industri sedia ada yang berkembang pesat menunjukkan perkembangan positif seperti kluster E&E di Batu Kawan dan Bayan Lepas, kluster jentera & peralatan (M&E) di Batu Kawan dan kluster automotif di Kulim dan Proton City.



KLUSTER-KLUSTER EKONOMI DI MALAYSIA

NIMP 2030 menekankan perindustrian di seluruh negeri. Kluster sedia ada berpotensi untuk menghasilkan kesan limpahan wilayah





KLUSTER E&E DI BATU KAWAN DAN BAYAN LEPAS

Seawal tahun 1970-an, Pulau Pinang (sering dirujuk sebagai Lembah Silikon di Timur) telah terkenal dengan ekosistem E&E yang kukuh terutamanya disebabkan oleh pelaburan yang dikenali sebagai 'Lapan Samura' iaitu Intel, Bosch, Clarion, AMD (kini TF-AMD), Hewlett-Packard (HP) (kini Keysight Technologies dan Agilent Technologies), Litronix (kini Osram Opto Semiconductors), Hitachi (kini Renesas Electronics) dan National Semiconductor tidak lagi beroperasi di Pulau Pinang selepas diambil alih oleh Texas Instruments)



KLUSTER M&E DI BATU KAWAN

Pulau Pinang juga merupakan lokasi bagi syarikat-syarikat besar dalam industri M&E, iaitu ViTrox, Pentamaster, Walta Engineering, Kumpulan UMS, Towa-M, VAT, BBS Automation, Frencken, Sanmina, NationGate dan Greatech Engineering




KLUSTER AUTOMOTIF DI KULIM DAN PROTON CITY



Salah satu projek berkualiti dalam kluster ini adalah pengeluaran bateri Li-Ion silinder untuk alat kuasa dan E-basikal yang selaras dengan bidang pertumbuhan yang dikenal pasti dalam NIMP 2030

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



998 Jumlah Peluang Pekerjaan

Teras 5: Meningkatkan Keterangkuman

Teras NIA adalah untuk melindungi dan meningkatkan kehidupan rakyat Malaysia. NIA memberi fokus kepada memacu pembangunan ekonomi yang saksama untuk membuka potensi pertumbuhan negara. NIA berusaha mencapai matlamat ini dengan mengambil langkah untuk menghapuskan halangan serta membuka peluang bagi keseluruhan masyarakat. Kejayaan ini termasuk memastikan peluang pekerjaan yang sama serta akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan. Membangun asas nasional yang kukuh melalui pelaburan dalam modal insan adalah penting untuk meningkatkan produktiviti ekonomi yang diperlukan bagi Malaysia untuk mencapai status sebagai negara berpendapatan tinggi.

Antara keutamaan NIA termasuk menggalakkan pembangunan infrastruktur yang menyeluruh di semua negeri dan memastikan akses yang lebih baik kepada peluang pekerjaan bernilai tinggi. Selaras dengan ini, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menamakan Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak sebagai Negeri Kurang Membangun (LDS). Negeri-negeri ini akan menerima keutamaan dari segi peruntukan kewangan pembangunan di bawah RMKe-12 untuk memastikan pembangunan inklusif di seluruh Malaysia. NIA juga menekankan inklusiviti sebagai salah satu teras utama untuk memastikan pelaburan yang diluluskan diagihkan dengan adil untuk menggalakkan pembangunan lestari di negeri-negeri ini.

LDS mencatatkan kelulusan pelaburan sebanyak 798 projek berjumlah RM66.5 bilion atau 20.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di negara ini untuk tahun 2023. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 17,166 peluang pekerjaan di enam negeri ini.

Sektor perkilangan mendominasi pelaburan yang diluluskan di LDS ini dengan jumlah RM39.5 bilion

(59.4%), diikuti oleh sektor perkhidmatan berjumlah RM20 bilion (30.1%) dan sektor utama berjumlah RM7 bilion (10.6%).

Daripada enam negeri ini, Kedah menerima pelaburan tertinggi sebanyak RM28.7 bilion dengan 238 projek yang akan mewujudkan 9,737 peluang pekerjaan. Antara projek yang diluluskan di Kedah termasuk projek pembesaran untuk menghasilkan peranti semikonduktor di Taman Teknologi Tinggi Bersepadu Kulim, yang merupakan satu projek baharu dalam sektor M&E, serta satu projek baharu untuk menghasilkan bateri litium-ion silinder yang akan menyokong ekosistem EV di negara ini.

Sektor E&E menarik pelaburan tertinggi yang diluluskan di Kedah dengan jumlah RM11.1 bilion yang dijangka akan mewujudkan 3,861 peluang pekerjaan. Pelaburan berkualiti yang diperolehi daripada sektor ini berpotensi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan peluang pekerjaan berkualiti dan berpendapatan tinggi.

Sarawak merekodkan pelaburan kedua tertinggi yang diluluskan sebanyak RM21.3 bilion dari 267 projek yang dijangka akan mewujudkan 2,492 peluang pekerjaan. Satu daripada projek utama yang diluluskan di Sarawak adalah projek pembesaran untuk pembangunan Kerajang Tembaga yang dihasilkan melalui Elektrolisis, bahan industri berkualiti tinggi yang digunakan dalam semua peranti elektronik dan bateri litium-ion yang akan menyokong ekosistem Kenderaan Elektrik (EV).

Sabah mencatatkan kelulusan pelaburan ketiga tertinggi dengan nilai pelaburan sebanyak RM11.3 bilion daripada 126 projek yang dijangka akan mewujudkan 1,161 peluang pekerjaan. Salah satu projek penting ialah pembangunan kilang klinker dan simen bersepadu oleh pelabur domestik yang dijangka akan mewujudkan 328 peluang pekerjaan.

Ringkasan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030

Dilancarkan pada 1 September 2023, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Malaysia merencana transformasi industri negara dari tahun 2023 hingga 2030. NIMP 2030 berwawasan tinggi dengan menetapkan sasaran berikut bagi sektor perkilangan:



Meningkatkan nilai tambah (KDNK) daripada **RM364.1 billion** pada tahun 2022 kepada **RM587.5 billion** pada tahun 2030 (CAGR 6.5%)



Meningkatkan peluang pekerjaan dengan sasaran peningkatan bilangan penggajian daripada **2.7 juta** orang pada tahun 2022 kepada **3.3 juta** orang pada tahun 2030 (CAGR 2.3%)



Meningkatkan gaji median daripada **RM1,976** pada tahun 2021 kepada **RM4,510** pada tahun 2030 (CAGR 9.6%)

NIMP 2030 memberi penekanan yang tinggi kepada pencapaian hasil yang akan digerakkan melalui:



21
Strategi



62
Pelan Tindakan

Merangkumi 4 Misi dan
9 Projek Berasaskan Misi (MBP)

1 Memajukan Kompleksiti Ekonomi

MBP 1.1 Mencipta peneraju reka bentuk litar bersepadu (IC) global bagi kenderaan elektrik (EV), tenaga boleh baharu (RE) dan kecerdasan buatan (AI)

MBP 1.2 Menarik aktiviti fabrikasi wafer termaju baharu ke Malaysia

MBP 1.3 Memperdalam rantaian nilai kimia khusus secara vertikal

MBP 1.4 Membangunkan peneraju bagi empat bahan termaju yang mencetus perubahan

2 Meningkatkan Teknologi untuk Membina Negara yang Menyerlah Digital

MBP 2.1 Mentransformasi 3,000 kilang pintar

MBP 2.2 Menjadikan Malaysia sebuah Hab AI Generatif

3 Mencapai Pelepasan Sifar-Bersih

MBP 3.1 Mewujudkan model bagi laluan penyahkarbonan

MBP 3.2 Melancarkan EV buatan tempatan

MBP 3.3 Melancarkan penyelesaian penangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (CCUS) berskala besar

4 Menjaga Keselamatan Ekonomi dan Keterangkuman

NIMP disokong oleh 4 Pemboleh Ubah

Menggerakkan ekosistem pembiayaan

Memupuk pembangunan dan penarikan bakat

Mewujudkan perjalanan pelabur terbaik untuk memudah cara perniagaan

Memperkenalkan rangka kerja tadbir urus seluruh negara

Pelaksanaan MBP akan direalisasikan melalui perkongsian strategik antara sektor awam dan swasta, melibatkan Kementerian dan agensi yang berkaitan serta pemain industri terpilih yang akan menerajui sektor industri masing-masing.

Tujuan MBP adalah untuk merangsang dan menyokong industri utama Malaysia seperti elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan (M&E), serta bahan kimia dan produk kimia ke arah mencapai matlamat bersama dalam kemajuan teknologi, inovasi, dan pembangunan mampan. Sebagai contoh, MBP untuk pengilangan kenderaan elektrik (EV) dalam negara akan mewujudkan sinergi antara pelbagai jenis teknologi dan mendorong aktiviti-aktiviti bernilai tinggi merentasi sektor seperti E&E (dalam cip EV dan sensor pintar), bahan kimia dan produk kimia (bateri EV), digital & ICT (perisian) serta perkhidmatan (perkhidmatan penukaran EV, pengujian bateri dan keselamatan, dan kitar semula bateri). Pembangunan sektor EV juga akan menyokong agenda kelestarian dengan menggalakkan penggunaan pengangkutan hijau dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Pengawasan dan pemantauan pelaksanaan NIMP 2030 merupakan tanggungjawab Unit Pengurusan Penyampaian (DMU) yang ditubuhkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Pasukan DMU melapor terus kepada Majlis NIMP 2030 Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia untuk mewujudkan tadbir urus Kerajaan di peringkat tertinggi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan NIMP 2030.

Memudah Cara Evolusi Perindustrian: Peranan Kritikal MIDA dalam NIMP 2030

Sebagai agensi promosi pelaburan utama (IPA) di Malaysia, peranan utama MIDA adalah untuk mempromosikan dan memudah cara pelaburan berkualiti yang mengukuhkan ekosistem industri dan menyumbang kepada ekonomi dengan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat, mempromosikan aktiviti berasaskan pengetahuan dan inovasi, serta menawarkan peluang perniagaan untuk syarikat tempatan.

MIDA memainkan peranan penting di bawah NIMP 2030 dengan penglibatan dalam lebih daripada 30 daripada 62 pelan tindakan di bawah dasar ini:

Misi 1 – Memajukan Kompleksiti Ekonomi

- ♦ Menarik dan memudah cara pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi yang disasarkan, iaitu sektor semikonduktor (reka bentuk IC dan fabrikasi wafer), bahan kimia khusus, bahan termaju, aeroangkasa, farmaseutikal, dan peranti perubatan
- ♦ Membantu syarikat tempatan (terutamanya PKS) untuk berintegrasi ke dalam rantaian nilai syarikat multinasional (MNC) dan syarikat tempatan besar (LLC), melalui pemudahcaraan penyumberan tempatan dan program pembangunan vendor (peningkatan kemahiran bakat, penerapan teknologi, insentif, dan sokongan kewangan lain)

Misi 2 – Meningkatkan Teknologi untuk Membina Negara yang Menyerlah Digital

- ♦ Menambah baik program Industry4WRD sedia ada untuk meningkatkan penerapan teknologi (memperluas skop Penilaian Kesiapan dan Dana Intervensi)
- ♦ Menyokong pelaksanaan mekanisme levi berperingkat untuk pekerja berkemahiran rendah bagi mempercepatkan automasi

Misi 3 – Mencapai Pelepasan Sifar-Bersih

- ♦ Menyokong MITI dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dalam membangunkan laluan penyahkarbonan untuk sektor yang sukar dinyahkarbon seperti logam, simen, bahan kimia, dan petroleum
- ♦ Membangunkan program untuk memudahkan akses pembiayaan bagi syarikat untuk beralih ke arah penyahkarbonan dan penerapan tenaga boleh baharu
- ♦ Mendorong sektor-sektor dan aktiviti-aktiviti pertumbuhan hijau seperti EV, CCUS, dan Ekonomi Kitaran

Misi 4 – Menjaga Keselamatan Ekonomi dan Keterangkuman

- ♦ Menyokong MITI dalam mewujudkan model ketahanan rantaian bekalan untuk mengenal pasti kelemahan dalam rantaian bekalan industri, dan membangunkan strategi untuk menangani kebarangkalian gangguan masa hadapan
- ♦ Memperkukuh kluster industri untuk pembangunan wilayah

Pemangkin

Menyokong kajian semula pembiayaan kerajaan dan penyatuan dana untuk bidang tumpuan yang serupa bagi mengoptimumkan peruntukan sumber

Menyokong pemain industri dalam mematuhi Sistem Gaji Progresif (PWS)

Memperkemas landskap Agensi Promosi Pelaburan (IPA) dengan menyelaraskan peranan dan fungsi IPA untuk memastikan perjalanan pelabur yang terbaik

Membangunkan insentif yang kompetitif dan tangkas ke arah pendekatan berasaskan hasil

Membangunkan Portal Sehati sebagai platform berpusat untuk pelabur di sepanjang perjalanan pelaburan dengan mengintegrasikan pelbagai sistem ke dalam satu antara muka

Siri Pembaharuan Kawal Seliaan dalam Negara

Pada tahun 2023, Kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif utama untuk memudah cara perniagaan dan mengukuhkan ekosistem pelaburan:

♦ Penubuhan Pusat Memudah Cara Pelaburan Malaysia (IMFC) (Disember 2023)

IMFC merupakan pusat sehati fizikal di MIDA di mana wakil daripada kementerian dan agensi utama seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, ditempatkan untuk memberikan fasilitasi dan khidmat nasihat secara langsung kepada pihak pelabur. IMFC bertujuan untuk mengurangkan birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan awam dan mempercepatkan pelbagai proses kelulusan

♦ Pengenalan Pas Pelabur Strategik (SIP) (Julai 2023)

SIP membolehkan pelabur tinggal di Malaysia untuk tempoh minimum lima tahun dengan membenarkan lanjutan lima tahun lagi. Pelabur ini juga dibenarkan memasuki Malaysia berulang kali dengan menggunakan SIP

♦ Pendigitalan Sijil (Ogos 2023)

MIDA memulakan perjalanan transformasi digital dengan penubuhan Portal InvestMalaysia pada tahun 2021 untuk mendigitalkan pelbagai proses permohonan di bawah bidang kuasanya, termasuk Lesen Pengilang (ML), insentif cukai, dan surat pengesahan pengilang untuk pengecualian duti import/cukai jualan. MIDA kini juga telah mendigitalkan tiga sijil untuk sektor pengilangan; iaitu ML di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, Kebenaran (Permit PDA) di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, dan Sijil Taraf Perintis, dalam usahanya untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi dan akses pihak pelabur kepada portal InvestMalaysia

Memacu Pertumbuhan: Insentif Berasaskan Prestasi Berpandukan Agenda Nasional dan Bertaraf Global

Insentif cukai memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi sesebuah negara, di mana ia digunakan sebagai alat strategik untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor yang disasarkan. Seiring dengan matlamat untuk mencapai kemakmuran ekonomi, Malaysia kini merangka pendekatan insentif cukai yang baharu untuk merancang pelaburan.

Pendekatan baharu ini, terutamanya model insentif berasaskan prestasi, adalah sejajar dengan prinsip Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) serta berkait rapat dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk menambah baik iklim pelaburan negara dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi.

Secara ringkas, rangka kerja NIA dibina berdasarkan lima teras utama: daya saing, kelestarian, keterangkuman, inovasi dan keseimbangan wilayah. Dalam konteks rangka kerja insentif cukai baharu, aspek keterangkuman menekankan kepentingan memupuk persekitaran yang menggalakkan pelaburan domestik dan asing bagi memastikan faedah-faedahnya dapat diperluaskan merentas pelbagai sektor ekonomi.

Tambahan lagi, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, semasa pembentangan kajian separuh penggal


RMKe-12 menyatakan keperluan untuk meningkatkan pelaburan domestik (DI) dan menarik pelaburan asing (FI). Kajian ini menjadi penggerak bagi pelaksanaan rangka kerja insentif cukai baharu untuk menyokong matlamat bercita-cita tinggi tersebut.

Seterusnya, pengumuman Belanjawan Negara 2024 telah memperkenalkan rangka kerja insentif cukai yang mengambil pendekatan berperingkat (*tiering*) serta insentif berasaskan prestasi. Pendekatan berperingkat ini mencerminkan pemahaman dalam pelbagai industri yang menyesuaikan insentif mengikut keperluan khusus. Tambahan pula, insentif berasaskan hasil menandakan peralihan ke arah pendekatan berorientasikan hasil, memastikan insentif dapat diterjemahkan kepada manfaat ekonomi yang ketara.

Antara insentif yang diumumkan termasuklah Galakan Cukai Pelaburan Semula, Galakan Cukai Hab Perkhidmatan Global dan kadar cukai khas atau elaun cukai pelaburan untuk Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Galakan Cukai Pelaburan Semula adalah sejajar dengan objektif NIMP 2030 di mana ia menggalakkan syarikat-syarikat untuk melabur dalam aktiviti bernilai tinggi. Mekanisme berperingkat memberi penekanan kepada keterangkuman yang memberi fleksibiliti kepada syarikat-syarikat mengikut keadaan khusus mereka.




Butiran insentif adalah seperti berikut:



Galakan Cukai Pelaburan Semula untuk menggalakkan syarikat-syarikat sedia ada yang telah tamat tempoh kelayakan Elaun Pelaburan Semula agar mereka dapat meningkatkan kapasiti dan pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi di bawah NIMP 2030. Insentif ini menggunakan mekanisme berperingkat (*tiering*) dalam bentuk elaun cukai pelaburan sama ada 60 peratus atau 100 peratus untuk tempoh 5 tahun



Galakan Hab Perkhidmatan Global yang menyediakan insentif kadar cukai bagi perkhidmatan dan pendapatan perdagangan, dengan kadar cukai pendapatan 5 peratus atau 10 peratus untuk tempoh sehingga 10 tahun



Pakej insentif cukai baharu bagi Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dalam bentuk kadar cukai khas 5 peratus atau 10 peratus atau elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus untuk tempoh sehingga 10 tahun

Model insentif baharu yang berasaskan prestasi, dengan pendekatan berperingkat (*tiering*) dan struktur berasaskan hasil merupakan langkah progresif dalam menyelaraskan Malaysia dengan trend pelaburan global. Penyesuaian strategik ini adalah sejajar dengan komitmen Malaysia untuk mempertahankan piawaian dan amalan cukai terbaik yang dipersetujui di peringkat antarabangsa, terutamanya dengan penguatkuasaan *Global Anti-Base Erosion (GloBE)* kelak. GloBE memperkenalkan Cukai Minimum Global (GMT) 15 peratus untuk perusahaan multinasional (MNE) dengan gabungan pendapatan penyata kewangan melebihi EUR 750 juta sekurang-kurangnya dalam tempoh dua daripada empat tahun fiskal menjelang tahun fiskal yang diuji. Selain itu, Rang Undang-Undang Kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 13 Disember 2023 akan menggabungkan peruntukan peraturan GloBE ke dalam perundangan cukai Malaysia yang akan dilaksanakan pada tahun 2025.

Malaysia merupakan salah satu daripada 142 buah negara yang mengambil bahagian dalam Rangka Kerja Inklusif Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) sebagai ahli bersekutu *Base Erosion and Profit Shifting (BEPS)*, dan Malaysia berada pada landasan yang betul untuk melaksanakan GMT

menjelang tahun 2025. Menyedari potensi inisiatif ini dalam menarik dan mengekalkan pelabur asing, pihak Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam penggubalan dasar dan mengkaji semula perundangan. Pendekatan komprehensif ini termasuk pembangunan rangka kerja insentif cukai baharu, direka secara strategik untuk mempertahankan kelebihan daya saing negara dan memupuk persekitaran pelaburan yang kondusif.

Dalam menghasilkan rangka kerja insentif cukai baharu ini yang berpandangan ke hadapan, Malaysia menerapkan teras-teras daripada rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA). Ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran untuk menarik pelaburan bernilai tinggi yang secara eksklusif menyokong pelaburan domestik dan asing. Hubungan antara RMKe-12 dan NIMP 2030 menekankan integrasi strategik dasar ekonomi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang. Ketika Malaysia mengharungi cabaran piawaian cukai antarabangsa, rangka kerja insentif cukai baharu ini memastikan kelebihan daya saing negara dan menyediakan landasan untuk persekitaran pelaburan yang kondusif dan lestari.

4.0

INDUSTRI DENGAN PERTUMBUHAN DAN NILAI TINGGI

"Sejak tahun 1950-an, negara-negara di seluruh dunia telah berjaya menghasilkan hampir 200 lonjakan pelaburan yang luar biasa, situasi di mana pertumbuhan pelaburan per kapita meningkat kepada 4 peratus atau lebih dan kekal selama lebih dari enam tahun. Rahsia kejayaan untuk mewujudkan keadaan tersebut adalah melalui polisi yang menyeluruh meliputi penyatuan kewangan kerajaan, peningkatan aliran perdagangan dan kewangan, pengukuhan institusi fiskal dan kewangan serta iklim pelaburan yang lebih baik untuk syarikat swasta."

Indermit S. Gill Naib Presiden Kanan dan Ketua Ahli Ekonomi,
Kumpulan Bank Dunia
(Petikan dari Kata Pengantar - Prospek Ekonomi Global, Januari 2024)





**INDUSTRI
SEMIKONDUKTOR
TERMASUK
FABRIKASI WAFER**



**INDUSTRI
FARMASEUTIKAL**

**INDUSTRI
PERANTI
PERUBATAN**



**INDUSTRI
KIMIA DAN
PRODUK KIMIA**



**INDUSTRI
KENDERAAN
ELEKTRIK (EV)**



**TEKNOLOGI
HIJAU**




**PERKHIDMATAN
DIGITAL**



AEROANGKASA





INDUSTRI SEMIKONDUKTOR TERMASUK FABRIKASI WAFER

PERSPEKTIF YANG POSITIF DI MASA HADAPAN

Industri semikonduktor merupakan pemangkin utama kepada ekonomi global. Dengan saiz pasaran bernilai US\$528.8 bilion pada tahun 2023, industri ini dijangka mengalami pertumbuhan kira-kira 16 peratus kepada US\$616.5 bilion menjelang tahun 2024, seperti yang tercatat dalam laporan penyelidikan bertajuk '*Global Semiconductor Industry Outlook 2024*' oleh *MarketsandMarkets*. Menurut laporan tersebut, pertumbuhan dua digit yang diramalkan ini mungkin berkaitan dengan inovasi berterusan, peningkatan permintaan semikonduktor dari pusat data yang berfokus kepada kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran generasi seterusnya dan aplikasi pengkomputeran berprestasi tinggi, serta dari penggunaan semikonduktor yang semakin meluas dalam kenderaan penumpang dan elektrifikasi automotif. Rantau Asia Pasifik dijangka mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2024 disebabkan oleh pelaburan berterusan dalam kemudahan pembuatan semikonduktor baharu.

Di Tanah Air Kita

Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, Malaysia telah menjadi hab kepada industri semikonduktor. Banyak syarikat gergasi pengeluar semikonduktor terkemuka seperti Intel, Infineon, Texas Instruments (TI), TF-AMD, Micron, Western Digital, ST Micro, Rohm, Fuji Electric (Malaysia), Bosch dan Unisem (di antara yang lain) telah membina landasan yang kukuh di negara ini.

Didorong oleh ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) menyeluruh yang dibangunkan di Malaysia untuk pengeluaran semikonduktor dari hujung-ke-hujung, syarikat-syarikat multinasional (MNC) ini terus berkembang dan memperluaskan perniagaan mereka di negara ini. Pelaburan yang tinggi dalam operasi mereka di Malaysia membuktikan keunggulan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dalam industri semikonduktor.

Syarikat-syarikat semikonduktor Malaysia juga telah mendapat manfaat daripada ketidakstabilan rantaian bekalan global yang disebabkan oleh pelbagai peristiwa geopolitik. Semakin banyak syarikat dari Republik Rakyat China (PRC), Amerika Syarikat,

dan Taiwan terus memperluaskan operasi mereka di Malaysia atau menyumber luar proses pengilangan kepada syarikat-syarikat Malaysia.

Salah satu kelebihan Malaysia dalam bidang semikonduktor adalah pada pemasangan, pembungkusan dan pengujian yang juga dikenali sebagai penyumberan luar pengujian dan pemasangan semikonduktor (OSAT). Industri 'warisan' ini telah lama bertapak di Malaysia. Pakarpakar OSAT di negara ini terus meningkatkan kecekapan dan penglibatan global mereka dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh MNC di dalam dan luar negara. Teknologi pembungkusan termaju dan teknologi pemprosesan mereka kini semakin kompleks seiring dengan penglibatan dalam rangkaian nilai global. Syarikat-syarikat tempatan terkemuka dalam OSAT seperti Carsem, Globetronics dan Inari memenuhi keperluan pelanggan dalam pelbagai segmen termasuk automotif, pengguna, pengurusan tenaga, perindustrian dan peranti perubatan.

Minat Pelabur

Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Kerajaan memberi penekanan kepada pelaburan baharu dalam fabrikasi wafer termaju untuk memudahkan pemindahan teknologi bernilai tinggi dalam aktiviti fabrikasi wafer seperti proses epitaksial dan pembangunan substrat termaju yang memberi faedah secara langsung kepada aktiviti reka bentuk litar bersepadu (IC) di bahagian hadapan dan pembungkusan termaju di bahagian belakang.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI SEMIKONDUKTOR TAHUN 2023



RM69.4 bil

Jumlah Pelaburan 38 Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing


Pelaburan
Domestik
2.1 %
RM1.4 bil

Pelaburan
Asing
97.9%
RM68 bil



11,164

Jumlah Peluang Pekerjaan



PROJEK PENTING DALAM INDUSTRI SEMIKONDUKTOR TAHUN 2023

Projek Pembesaran/Pelbagaian

Infinecs Sdn. Bhd.

- ◆ Infinecs merupakan salah satu syarikat perkhidmatan reka bentuk elektronik terkemuka di rantau ini
- ◆ Infinecs memberi tumpuan untuk menjadi pusat sehati bagi perkhidmatan reka bentuk dan pembangunan sistem elektronik. Syarikat ini mempunyai reputasi kukuh dalam pembangunan produk semikonduktor terutamanya dalam reka bentuk IC/SoC dan mempunyai pengalaman dalam teknologi pembuatan semikonduktor terkini, termasuk teknologi finFET bawah 10 nanometer (nm) seperti 7nm, 5nm, dan 3nm
- ◆ Selain perkhidmatan reka bentuk semikonduktor, Infinecs juga menyediakan perkhidmatan reka bentuk dan pembangunan sistem terbenam sepenuhnya. Syarikat ini juga merupakan rakan Kongsi R&D bagi syarikat-syarikat yang sedang membangunkan produk baharu
- ◆ Infinecs kini menggalakkan pembangunan harta intelek dalam teknologi generasi seterusnya seperti seni bina RISC-V, kecerdasan buatan (AI)/pembelajaran mesin, pembangunan litar isyarat campuran analog dalam litar pengurusan tenaga tinggi dan pengurusan kuasa, komunikasi siri kelajuan tinggi, memori antara muka, sensor antara muka dan integrasi

Jumlah Pelaburan:
RM47.2 juta



97 Peluang Pekerjaan
Tambahan



- ◆ Syarikat Malaysia
- ◆ Bayan Lepas, Pulau Pinang



Projek Pembesaran/ Pelbagaian

X-Fab Sdn. Bhd.

- ◆ X-FAB merupakan peneraju dalam bidang analog/isyarat campuran dan kumpulan foundry MEMS, yang menghasilkan wafer silikon untuk pelbagai kegunaan termasuk automotif, industri, pengguna, perubatan dan lain-lain. Para pelanggannya di seluruh dunia menikmati manfaat daripada piawaian berkualiti tertinggi, keunggulan pengilangan dan penyelesaian inovatif melalui penggunaan proses CMOS modular X-FAB dalam pelbagai geometri dari 1.0 μm hingga 110 nm serta proses khas silikon karbida dan MEMS jangka hayat panjang
- ◆ X-FAB telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi di Kuching, Sarawak sepanjang 18 tahun sejak ia ditubuhkan pada tahun 2006. Pada tahun lalu, syarikat ini telah meningkatkan kapasiti pengeluaran di Sarawak melalui projek pembesaran yang akan mewujudkan 287 peluang pekerjaan tambahan kepada penduduk tempatan. Kewujudan X-FAB di Sarawak menjadi kebanggaan bagi komuniti tempatan yang juga mendorong pertumbuhan teknologi di kawasan ini

Syarikat dari
Belgium



Kuching, Sarawak



287 Peluang
Pekerjaan Tambahan



Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam ekosistem semikonduktor dan pembangunan bakat untuk mempercepatkan projek pembungkusan canggih. Melalui kerjasama aktif bersama pemain-pemain utama industri dalam pembungkusan termaju dan sokongan khas kepada syarikat-syarikat pengkhususan dalam bidang ini, Kerajaan berharap dapat menghasilkan lebih banyak kesan limpahan yang berimpak tinggi untuk negara.


Bakal pelabur dalam industri semikonduktor perlu mempertimbangkan fokus Malaysia dalam kualiti dan pelaburan strategik yang menggabungkan teknologi pengeluaran terkini. Bidang-bidang yang menjadi tumpuan khusus termasuk reka bentuk dan pembangunan, penyelesaian kejuruteraan bernilai tambah dan perkhidmatan pengujian.

Bakal pelabur dalam industri semikonduktor Malaysia juga boleh mempertimbangkan untuk menyertai ekosistem R&D. Malaysia menduduki tempat ke-36 dari 132 negara dalam laporan Indeks Inovasi Global (GI) 2023 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO). Negara telah mencatat kemajuan yang ketara dalam beberapa kategori seperti Institusi, Modal Insan dan Penyelidikan, Kepintaran Perniagaan, Kepintaran Pasaran serta Pengetahuan dan Keluaran Teknologi. Selain itu, Malaysia juga menduduki tempat kedua bagi negara yang paling inovatif di kalangan 36 negara berpendapatan pertengahan atas dan negara kedua yang paling inovatif di rantau ASEAN.

Pelabur yang ingin menyertai ekosistem R&D semikonduktor di Malaysia boleh mendapat faedah dari sokongan kerajaan, termasuk insentif


dan bantuan kewangan yang merangkumi keseluruhan rangkaian nilai inovasi dari idea kepada pengkomersilan. Malaysia kini memberi fokus kepada pelbagai teknologi terkini seperti automasi, robotik, kilang pintar, *Industrial Internet of Things (IIoT)* dan pengilangan aditif serta teknologi lain yang meningkatkan produktiviti, kebolehpercayaan dan daya saing.

Pertimbangan ESG juga semakin ketara dengan peningkatan fokus kepada ketelusan dan kelestarian. Syarikat-syarikat semikonduktor Malaysia mengakui kepentingan menilai dan menangani kesan alam sekitar dan sosial di sepanjang rantaian nilai. Kerajaan secara aktif menggalakkan inovasi dan pembangunan teknologi lestari dengan menggabungkan peraturan, insentif dan kerjasama dengan pemain industri untuk membentuk rangka kerja yang menggalakkan amalan R&D semikonduktor hijau yang mesra alam dan bertanggungjawab sosial.





”



Industri semikonduktor merupakan penyumbang terbesar mewakili 81 peratus daripada pelaburan yang diluluskan dalam industri elektrik & elektronik (E&E) bernilai RM69.4 bilion.



INDUSTRI FARMASEUTIKAL

MENUJU KE ARAH KESELAMATAN PERUBATAN

Minat global dalam sektor produk sains hayat telah meningkat disebabkan wabak terkini seperti COVID-19 dan faktor-faktor perubahan gaya hidup. Fitch Ratings meramalkan bahawa tahun 2024 akan menyaksikan pertumbuhan yang baik bagi syarikat-syarikat besar dalam bidang farmaseutikal dan bioteknologi dengan banyak syarikat meneruskan fokus kepada R&D strategik.

Di Asia Tenggara, pertumbuhan penduduk yang pesat, peningkatan pendapatan dan akses yang lebih baik kepada penjagaan kesihatan telah mendorong pertumbuhan industri farmaseutikal. Rantau ini dianggarkan mencapai kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13 peratus dari tahun 2021 hingga 2027, melebihi purata global. Saiz pasaran dijangka mencapai US\$29.1 bilion pada tahun 2027, didorong oleh pelaburan yang tinggi dalam R&D, pemodenan keupayaan pengilangan dan peningkatan penyakit kronik.

Potensi Malaysia dalam Industri Farmaseutikal

Industri farmaseutikal di Malaysia merupakan industri yang kukuh dalam pengeluaran produk generik, namun masih mempunyai potensi besar untuk pertumbuhan berterusan dalam produk inovatif dan ubat baharu. Walaupun saiz pasaran agak sederhana berbanding populasi, asas pengilangan yang kukuh dalam penghasilan ubat generik telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat industri ini. Industri farmaseutikal tempatan mampu menghasilkan pelbagai jenis dos, termasuk produk steril, suntikan bersaiz kecil seperti ampul dan vial, infusi bersaiz besar dan serbuk kering untuk formulasi semula, selain semua formulasi oral standard.

Hampir separuh daripada ubat generik yang digunakan di negara ini dihasilkan secara tempatan, walaupun Malaysia masih bergantung kepada import untuk ubat-ubatan penyakit gaya hidup seperti kolesterol tinggi, diabetes, penyakit kardiovaskular dan kanser. Segmen pasaran terbesar adalah ubat onkologi, yang dijangka mencapai nilai pasaran sebanyak US\$292.1 juta pada tahun 2024 dengan Kerajaan sebagai pembeli utama.

Lokasi Menarik untuk Pelaburan

Bakal pelabur dalam industri farmaseutikal menyedari bahawa terdapat banyak syarikat tempatan terkemuka memenuhi piawaian antarabangsa dan mendapat pensijilan di bawah Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PICS) termasuk Amalan Pengilangan Baik Eropah (EU GMP), ISO 17025 dan keperluan Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (US FDA). Pengilang farmaseutikal di Malaysia didaftarkan mengikut prosedur dan syarat yang ditetapkan oleh Agensi Penguatkuasaan Farmasi Kebangsaan.

Malaysia mengalu-alukan pelabur dalam industri farmaseutikal yang berhasrat untuk membangunkan keupayaan tempatan dalam pengeluaran ubat inovatif dan produk biofarmaseutikal (biologik/biosimilar). Proses pengeluaran produk ubat inovatif memerlukan tempoh masa yang lebih lama disebabkan oleh peraturan yang ketat dari pembangunan produk hingga pengkomersilan. Setakat ini, hanya Biocon dari India yang menghasilkan insulin di bawah kategori biosimilar di Malaysia yang menunjukkan bahawa terdapat potensi pertumbuhan yang besar dalam bidang ini.

Terdapat juga peluang besar dalam industri farmaseutikal di Malaysia untuk menghasilkan ubat dan vaksin yang diimport yang mana negara masih bergantung padanya. Pada masa ini, sebanyak 39 peratus daripada ubat-ubatan ini (dengan nilai melebihi RM900 juta pada tahun 2022) masih diimport.

Bakal pelabur digalakkan untuk mengkaji pengeluaran tempatan bagi ubat berdasarkan entiti kimia atau produk biofarmaseutikal termasuk ubat berteknologi tinggi seperti ubat anti-jangkitan, imunologi atau imunomodulator untuk penyakit autoimun dan beberapa jenis kanser, ubat oftalmologi dan ubat kardiovaskular.

Pengeluaran produk berkualiti tinggi seperti biologik dan biosimilar akan menggalakkan usaha R&D farmaseutikal, memanfaatkan entiti penyelidikan dan kemudahan tempatan serta meningkatkan



pengkomersilan penemuan penyelidikan tempatan. Kerajaan menyediakan sokongan dan kemudahan melalui insentif dan geran termasuk peruntukan baharu di bawah Dana Pelaburan Bersama Strategik NIMP (COSIF) dan Dana Pembangunan Perindustrian NIMP (NIDF) yang menyediakan pembiayaan sama ada untuk menyokong projek syarikat atau memberi manfaat kepada industri secara keseluruhan. Dana ini diuruskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Pelabur dalam industri farmaseutikal Malaysia juga boleh menggalakkan penggunaan platform digital terkini, analitik data besar, pengkomputeran awan dan kecerdasan buatan (AI). Teknologi-teknologi digital ini mempermudah proses yang biasanya memerlukan tenaga kerja dalam penemuan dan pembangunan ubat, pengeluaran ubat, automasi proses pintar, penyelenggaraan prediktif dan pengurusan rantai bekalan.

Selain itu, kepelbagaian genetik yang luas di Malaysia menjadikan ia sebagai satu hab yang berpotensi untuk penyelidikan klinikal bagi ujian percubaan peringkat awal dan penyelidikan mengenai penyakit yang jarang ditemui. Pelaksanaan amalan terbaik dalam

industri ini perlu melibatkan perkongsian pengetahuan melalui pangkalan data pusat yang selamat untuk hasil penyelidikan, seterusnya mewujudkan peluang tambahan kepada pelabur yang berminat.



Industri farmaseutikal sangat bergantung kepada ubat-ubatan import. Pada tahun 2023, Malaysia mengimport ubat-ubatan bernilai RM10.6 bilion sementara hanya mengeksport RM2.7 bilion. Ini mengakibatkan defisit perdagangan yang semakin tinggi dari RM7.8 bilion ke RM7.9 bilion.


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI FARMASEUTIKAL TAHUN 2023



RM154.8 juta
Jumlah Pelaburan

13 Projek Diluluskan


Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peningkatan sebanyak **72.7%** daripada jumlah pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM85.9 juta

Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

RM154.8 juta Jumlah Pelaburan



Peluang Pekerjaan



324 Jumlah Peluang Pekerjaan

Peningkatan ketara sebanyak **73.3%** daripada 187 pekerjaan yang dicipta pada tahun 2022



INDUSTRI PERANTI PERUBATAN

MENAIKKAN KEDUDUKAN DALAM RANTAIAN NILAI: PEMBENTUKAN SEMULA INDUSTRI

Industri peranti perubatan global dijangka akan mengalami pertumbuhan ketara dalam beberapa tahun akan datang disebabkan pelbagai faktor yang menyumbang kepada peningkatannya. Mordor Intelligence menjangkakan pasaran peranti perubatan global akan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) hampir tujuh peratus mencapai US\$893.1 bilion menjelang tahun 2029, didorong oleh peningkatan kes penyakit kronik, kemajuan teknologi dan populasi yang semakin menua.

Pertumbuhan industri peranti perubatan di Malaysia disokong oleh peningkatan perbelanjaan kesihatan dan kemajuan dalam infrastruktur kesihatan. Kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam sebanyak 12 peratus dengan memperuntukkan RM4.8 bilion daripada jumlah keseluruhan RM36.3 bilion dalam Belanjawan 2023 untuk menaik taraf kemudahan dan peralatan.

Industri pelancongan kesihatan yang berkembang pesat turut menyumbang kepada permintaan terhadap peranti perubatan. Pelancong kesihatan memilih Malaysia kerana faktor kos yang lebih rendah, masa menunggu yang lebih singkat dan akses yang mudah kepada kepakaran perubatan khusus. Industri ini mengalami pemulihan yang kukuh dengan pendapatan yang dicatat melebihi RM900 juta pada separuh pertama tahun 2023 serta potensi untuk pulih sepenuhnya ke tahap prestasi pra-pandemik sebanyak RM1.7 bilion menjelang akhir tahun 2023.

Pelabur dalam pengilangan peranti perubatan boleh meneliti peluang dalam peralatan imbasan diagnostik, peranti titik penjagaan dan produk pengguna berteknologi tinggi. Penyakit tidak berjangkit (NCDs) seperti penyakit jantung, kanser, penyakit kronik sistem pernafasan dan kencing manis memerlukan pengurusan berterusan melalui pemantauan dan pencegahan.

Kerajaan menekankan gaya hidup sihat untuk mencegah peningkatan penyakit berkaitan gaya hidup dan penyakit tidak berjangkit (NCD) yang secara kolektif menyumbang kepada peratusan kematian yang tinggi di Malaysia.

Malaysia berada pada kedudukan yang baik sebagai hab pusat bagi syarikat-syarikat teknologi perubatan global terutamanya di rantau Asia. Terdapat 10 syarikat yang telah membuka operasi mereka di Malaysia, menyertai hab global yang lain seperti Puerto Rico, Ireland dan Costa Rica. Walaupun saiz pasaran Malaysia adalah kecil, pertumbuhan yang stabil dan kedudukannya yang strategik di Asia Tenggara menjadikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi pengilang dan pembekal peranti perubatan. Pasarnya dijangka meningkat pada CAGR 7.9 peratus dari tahun 2023 hingga 2028 dan mencapai nilai pasaran US\$4.8 bilion menjelang tahun 2028. Ini mewakili sebahagian kecil daripada pasaran Asia Tenggara yang dianggarkan mencecah US\$15.8 bilion menjelang tahun 2028.

Pelabur industri peranti perubatan mempunyai pelbagai pilihan disebabkan oleh rantai nilai merentasi pelbagai sektor termasuk jentera dan peralatan (M&E), kejuruteraan jitu, perkhidmatan sokongan kejuruteraan, perkhidmatan pengilangan elektronik, komponen plastik, pembungkusan dan perkhidmatan pensterilan. Mengukuhkan integrasi sektor peranti perubatan adalah penting untuk meningkatkan daya saing Malaysia dengan ekosistem yang lebih komprehensif yang dapat mengoptimalkan penggunaan sumber, mengurangkan kos, meningkatkan inovasi dan kompleksiti produk sejajar dengan matlamat NIMP 2030.

Terdapat peluang dalam pengilangan produk pakai buang bernilai tinggi, peranti titik penjagaan dan produk yang lebih kompleks dan canggih seperti peranti perubatan bukan invasif dan invasif minima serta peranti teknologi konvergen. Bakal pelabur boleh menyokong PKS dalam industri sokongan yang berkaitan dengan mematuhi sekatan dan piawai ketat yang dikenakan oleh badan-badan peraturan seperti US FDA dan Agensi Perubatan Eropah. Pendekatan ini dapat membantu memendekkan fasa kelulusan yang panjang melibatkan kos yang tinggi bagi peranti perubatan, seterusnya mengurangkan kos pengilang.



Kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam sebanyak 12 peratus dengan memperuntukkan RM4.8 bilion daripada jumlah keseluruhan RM36.3 bilion dalam Belanjawan 2023 untuk menaik taraf kemudahan dan peralatan.



INDUSTRI PERANTI PERUBATAN

Industri peranti perubatan di Malaysia telah meningkatkan kedudukannya dalam rantai nilai sejak tahun 1980-an dengan pengeluaran peranti perubatan khusus dalam enam kategori berikut:



Produk pakai buang – peranti yang hanya digunakan sekali sahaja seperti sarung tangan perubatan, peralatan perlindungan diri (PPE), kateter dan picagari



Instrumen pembedahan, implan dan peranti klinikal – implan ortopedik, cantuman tulang dan implan gigi



Peralatan kesihatan – peranti ultrabunyi, pengimejan resonans magnetik (MRI) dan peranti pengurusan darah



Titik Penjagaan – peranti diagnostik in-vitro (IVD), ujian kehamilan, ujian air kencing dan oksimeter denyut nadi



Produk bukan invasif dan invasif minima – sistem pemantauan glukosa darah, peranti pembedahan pintar dan peranti intervensi



Peranti perubatan daripada teknologi konvergen (contohnya sains biologi dan nanoteknologi) – sten yang membebaskan ubat

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PERANTI PERUBATAN TAHUN 2023




RM2.2 bil

Jumlah Pelaburan


26 Projek Diluluskan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

RM2.2 bil Jumlah Pelaburan



Peluang Pekerjaan



3,733

Jumlah Peluang Pekerjaan



INDUSTRI KIMIA DAN PRODUK KIMIA

MENGEKALKAN HALA TUJU

Beberapa faktor turut menyumbang kepada permintaan global yang lemah terhadap kimia pada tahun 2022 dan 2023, menurut laporan eksklusif pada Disember tahun lalu oleh MarketsandMarkets dalam laporan bertajuk '*Global Chemical Industry Outlook 2024-Navigating the Sustainable and Disruptive Horizon of Tomorrow*'. Pada tahun 2023, faktor-faktor ini termasuk permintaan yang rendah, kos tenaga dan bahan yang tinggi, kesan kemelesetan di Eropah, inflasi di Amerika Syarikat dan kelembapan pertumbuhan di rantau Asia Pasifik.

Walaupun kebanyakan syarikat kimia global menunjukkan pertumbuhan negatif dalam tiga suku pertama tahun 2023, namun terdapat tanda-tanda pemulihan pada suku terakhir. Asia Pasifik terbukti sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan pencapaian pertumbuhan sederhana walaupun lebih rendah dari jangkaan pada awal tahun ini. Pada tahun 2024, rantau ini dijangka akan menyumbang dua pertiga daripada pasaran kimia.

Dalam pentas perdagangan global, konflik geopolitik global dan perubahan aliran perdagangan telah menjadikan rantau Asia semakin menonjol dalam perdagangan global sejak sedekad yang lalu. Asia kini menjadi semakin penting, dengan sumbangan melebihi dua pertiga pertumbuhan global dan hampir satu pertiga perdagangan global, selain menarik hampir separuh (45%) daripada pelaburan asing global. Modal telah beralih ke wilayah yang lebih stabil dan selamat, sementara perjanjian perdagangan yang diperbaharui telah mengemudi rantai bekalan dan permintaan ke arah timur. Trend ini menawarkan peluang pelaburan yang besar untuk Malaysia memandangkan lokasinya yang strategik di laluan perdagangan Timur-Barat.

Namun, berikutan konflik Rusia-Ukraine yang telah menyebabkan perdagangan global dalam pengeluaran barangan hasil industri semakin menurun, syarikat pengilangan Malaysia perlu memberi perhatian kepada penambahbaikan kepelbagaian dan meningkatkan daya tahan mereka untuk mengurangkan risiko luaran serta mengekalkan pertumbuhan.

Peluang untuk Diterokai

Industri kimia dan produk kimia Malaysia menunjukkan pertumbuhan dan produktiviti yang memberangsangkan walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti ketidakstabilan kos penghantaran udara, ketidakstabilan geopolitik dan kenaikan kadar utiliti terutamanya kadar elektrik apabila Kerajaan Malaysia merasionalkan subsidi secara menyeluruh. Eksport kimia dan produk kimia pada tahun 2023 berjumlah RM65.5 bilion, meningkat 8 peratus berbanding RM60.4 bilion pada tahun 2022, sementara import pula mencatatkan RM84.6 bilion, iaitu penurunan sebanyak 12 peratus berbanding RM96.3 bilion pada tahun 2022.

Pergerakan positif dalam industri ini termasuk peningkatan pelaburan dari PRC, berikutan ketegangan perdagangan antara AS dan PRC. Ini membawa peluang seperti pemindahan teknologi, merangsang kerjasama antara syarikat Malaysia dan PRC, seterusnya memajukan lagi industri kimia dan produk kimia di Malaysia.

Bakal pelabur boleh berasa yakin kerana pemain industri di negara ini mengambil serius akan tanggungjawab ESG mereka untuk memastikan pematuhan kepada piawaian global dan keperluan peraturan.

Selaras dengan usaha kelestarian yang didorong oleh peraturan dan perubahan jangkaan pengguna terhadap landskap permintaan global untuk kimia, rantai bekalan juga sedang beralih ke arah operasi yang lebih lestari dan rendah karbon. Industri kimia dan produk kimia di Malaysia semakin beralih kepada ekosistem kitaran untuk menyahut cabaran ini dengan menarik pelabur yang berminat dalam kitar semula. Bahan berasaskan bio juga memainkan peranan penting dalam inisiatif industri terhadap permintaan kelestarian. Oleh itu, Malaysia mengalu-alukan bakal pelabur untuk memanfaatkan peluang dari trend ke arah rantai bekalan kitaran di peringkat global dan domestik. Negara menyasarkan untuk mengeluarkan produk yang boleh dikitar semula dan mencapai kadar kitar semula yang lebih tinggi melalui usaha



seperti Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030. Strategi Biojisim Kebangsaan 2020 juga menyokong usaha untuk mengukuhkan ekonomi kitaran dengan meningkatkan pengeluaran bioplastik.

Bakal pelabur juga boleh mempertimbangkan untuk meningkatkan transformasi digital dalam industri ini. Pendigitalan dapat meningkatkan ketelusan operasi, pembuatan keputusan dan analisis berdasarkan data. Ia dapat mengurangkan masa ke pasaran, meningkatkan kecekapan dan produktiviti, mengurangkan kos serta meningkatkan keselamatan pekerja dan kelestarian.

Bidang pertumbuhan yang mempunyai potensi lain untuk pelaburan termasuklah bahan kimia khusus, bahan kimia yang berkaitan dengan pengeluaran bateri ion litium dan bahan kimia penjagaan. Pertumbuhan pasaran kimia khusus global dikaitkan dengan kemajuan teknologi yang berterusan dan liberalisasi perdagangan global, selain daripada permintaan yang meningkat untuk bahan kimia pembinaan, bahan kimia aditif dan bahan kimia elektronik. Pada tahun 2023, pasaran global kimia khusus dianggarkan mencapai nilai sebanyak US\$641.4 bilion dengan jangkaan pertumbuhan pada kadar CAGR 5.2 peratus dari tahun 2024 hingga 2030.

Malaysia juga melihat potensi dalam industri semikonduktor dan solar. Permintaan terhadap bahan aditif dan bahan kimia khusus semakin meningkat, menyediakan peluang untuk inovasi dan perluasan pasaran.

Bahan kimia elektronik negara memainkan peranan penting dalam industri semikonduktor yang menyumbang 7 peratus daripada perdagangan semikonduktor global. Di rantau Asia Tenggara, Malaysia dan Singapura memegang sebahagian besar perkongsian global dalam penggunaan bahan kimia pembungkusan IC. Meskipun terdapat pemain sedia ada dalam subsektor yang menghasilkan substrat dan enkapsulasi ini, Malaysia masih bergantung kepada import bahan kimia elektronik khusus. Ini akan membuka peluang pasaran yang lebih luas bagi pemain baharu dan sedia ada untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran di Malaysia dalam bahan kimia khusus bagi subsektor ini serta memperkukuhkan kedudukannya di peringkat global.

”

Eksport kimia dan produk kimia pada tahun 2023 berjumlah RM65.5 bilion meningkat 8 peratus berbanding RM60.4 bilion eksport pada tahun 2022, sementara import berjumlah RM84.6 bilion, menurun 12 peratus berbanding RM96.3 bilion pada tahun 2022.

Langkah Positif ke Hadapan


Pelan Hala Tuju Industri Kimia yang dilancarkan pada tahun 2023 menekankan pengeluaran bahan kimia khusus dalam pelbagai subsektor bernilai tinggi, termasuk bahan kimia pertanian, bahan kimia penjagaan, bahan kimia pemakanan, bahan kimia elektronik dan bahan kimia pembinaan. Pelan ini yang bertindak sebagai 'panduan' untuk industri menunjukkan hala tuju yang jelas untuk masa hadapan. Bidang tumpuan strategik ini berpotensi untuk meningkatkan nilai tambah sedia ada untuk bahan kimia dan memperkukuh daya saing serta menguatkan integrasi hiliran.

Malaysia mengalu-alukan pelaburan dalam pengeluaran komponen bateri ion litium memandangkan permintaan untuk kenderaan elektrik (EV) semakin meningkat. Terdapat peluang yang besar untuk pengeluaran komponen seperti anod, katod, elektrolit dan pemisah bateri litium-ion serta produk berasaskan litium lain seperti litium hidroksida, litium karbonat, sebatian elektrolit dan garam litium (contohnya, LiPF₆).

Industri EV merupakan segmen berimpak tinggi dan bernilai tinggi yang menjadi fokus Kerajaan. EV sedang berkembang di Asia Tenggara dan Malaysia aktif menarik pelaburan asing untuk meningkatkan pengeluaran EV dan pemasangan bateri dengan memanfaatkan kedudukannya yang strategik. Oleh itu, Malaysia berada pada landasan yang baik untuk menetapkan kedudukannya dalam rantai bekalan bahan penting EV.

Dengan peningkatan kesedaran pengguna terhadap kesihatan dan kecantikan serta permintaan yang tinggi untuk produk pembersihan disebabkan wabak dan pandemik baru-baru ini, bakal pelabur boleh mempertimbangkan untuk memasuki pasaran bahan kimia penjagaan. Di Asia, trend dalam penjagaan diri dan permintaan terhadap produk semula jadi dan lestari dijangka mengalami pertumbuhan yang tinggi dalam pasaran ini.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KIMIA DAN PRODUK KIMIA TAHUN 2023



PROJEK PENTING DALAM INDUSTRI KIMIA DAN PRODUK KIMIA TAHUN 2023

Projek Baharu | INV New Material Technology (M) Sdn. Bhd.

- ◆ Pengeluaran pemisah bateri litium-ion di Taman Teknologi Pulau Pinang
- ◆ Syarikat pertama dan satu-satunya di Malaysia yang mengeluarkan pemisah bateri litium-ion
- ◆ Menjadikan Malaysia sebagai hab serantau untuk rantaian bekalan EV, mengukuhkan lagi ekosistem industri EV negara

Jumlah Pelaburan:
RM3.2 bil



- ◆ 2,032 Peluang Pekerjaan Baharu
- ◆ 32.6% dalam peranan MTS



- ◆ Dimiliki sepenuhnya oleh INV Corporation Pte. Ltd., Singapura dan sebahagian daripada Shenzhen Senior Technology Material Co. Ltd., PRC
- ◆ Taman Teknologi Pulau Pinang



Projek Baharu | OCIKUMHO Sdn. Bhd.

- ◆ Pengeluaran epiklorohidrin (ECH) di Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak
- ◆ Syarikat pertama di Malaysia yang mengeluarkan ECH
- ◆ Kapasiti Pengeluaran sehingga 100 kilo tan setahun (ktpa)
- ◆ Menggunakan bahan mentah berasaskan bio, khususnya gliserin dan menggunakan hidroelektrik dari Sarawak
- ◆ 95% daripada pengeluaran diperuntukkan untuk pasaran eksport global

Jumlah Pelaburan:
RM1.1 bil



- ◆ 61 Peluang Pekerjaan Baharu
- ◆ 36.1% dalam peranan MTS



- ◆ Syarikat usaha sama antara OCIM Sdn. Bhd., (Republik Korea) dan Kumho P&B Chemical Inc., (Republik Korea)
- ◆ Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak





INDUSTRI KENDERAAN ELEKTRIK (EV)

MENUJU MOBILITI LESTARI

Peralihan global ke arah kenderaan cekap tenaga (EEV) dan kenderaan elektrik (EV) yang dikenali sebagai xEV tidak dapat dielakkan apabila kerajaan memberi tumpuan kepada sifar bersih dan menangani perubahan iklim. Kebanyakan negara termasuk Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negeri di Amerika Syarikat telah menetapkan peraturan untuk melarang penjualan kenderaan enjin pembakaran dalaman (ICE) menjelang tahun 2030 atau 2040.

Pada Januari 2024, BloombergNEF (BNEF) melaporkan bahawa 3.7 juta unit EV telah dijual di seluruh dunia pada suku ketiga tahun 2023 dengan EV menyumbang 18 peratus daripada jumlah jualan kenderaan penumpang. Penyedia penyelidikan strategik itu menjangkakan jualan global EV meningkat kepada 14 juta pada tahun 2023 dan 16.7 juta pada tahun 2024. Sementara itu, Statista menjangkakan pendapatan pasaran global EV akan mencapai US\$623.3 bilion pada tahun 2024.

Trajektori EV Tempatan

Sehingga tahun 2023, Malaysia telah mendaftarkan 36,746 unit xEV yang terdiri daripada 35,723 kenderaan penumpang dan komersial, 878 motosikal dan 145 bas. Bagi mempercepatkan penerimgunaan EV, Kerajaan berhasrat untuk membina 10,000 stesen pengecasan menjelang tahun 2025, di mana setakat ini, 2,020 stesen pengecasan awam sudahpun tersedia.


Dengan mengambil kira trend terkini dan saiz pasaran, Malaysia sebagaimana negara maju dan membangun yang lain, semakin memberi penekanan kepada EV sebagai pendekatan untuk mencapai persekitaran tenaga yang lestari dan bersih. Pasaran utama EV di dunia termasuk PRC, Eropah dan Amerika Syarikat yang masing-masing menyumbang kira-kira 95 peratus daripada jualan EV global yang menunjukkan potensi pertumbuhan yang pesat bagi industri ini.

Menurut Mordor Intelligence, pasaran EV ASEAN dijangka berkembang dari US\$860 juta pada tahun 2023 kepada US\$3.5 bilion menjelang tahun 2028 dengan CAGR sebanyak 32.7 peratus. Malaysia berhasrat untuk menguasai sebahagian besar pasaran ini dan memberi komitmen untuk membangunkan ekosistem EV yang kukuh dengan menjadikan mobiliti hijau sebagai komponen utama dalam pengangkutan di negara ini.

Pada masa ini, industri dan pasaran EV Malaysia masih baharu berkembang dan bersedia untuk menghadapi pertumbuhan yang pesat. Inisiatif pro-EV dari Kerajaan dan pengenalan model baharu sedang memacu pertumbuhan pasaran EV di negara ini. Malaysia berhasrat untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama dalam pasaran mobiliti elektrik serantau menjelang tahun 2030.

JUALAN EV PENUMPANG GLOBAL AKAN MENCAPAI 16.7 JUTA PADA TAHUN 2024

Bilangan kenderaan elektrik penumpang baharu dijual setiap tahun



Sumber: BloombergNEF

Nota: Jumlah termasuk kenderaan elektrik bateri (BEV) dan kenderaan hibrid berpalam (PHEV).
Anggaran jualan bagi tahun 2023 dan 2024 (2023e, 2024e).



Menginspirasi Kisah Kejayaan

Pada tahun 2023, pasaran EV Malaysia menyaksikan kemajuan ketara dengan adanya kerjasama antara syarikat tempatan dan luar negara dalam pengeluaran dan pendedaran EV:

- ◆ Computer Forms (M) Bhd., telah bekerjasama dengan Energy Absolute PCL yang berpangkalan di Thailand (melalui anak syarikatnya EA Mobility Holding Co. Ltd.) untuk menghasilkan dan mendedarkan EV serta pengecas EV di Malaysia.
- ◆ CSH Alliance Bhd., telah memperoleh lesen pengilang untuk memasang van elektrik komersial, khususnya van kompak BYD T3.
- ◆ Cabang perniagaan EV CSH Alliance (Alliance EV Sdn. Bhd.) yang kemudiannya diambil alih oleh Hong Seng Consolidated Bhd., (HSC) sebagai sebahagian daripada strategi EV-nya telah bekerjasama dengan EoCell Inc., (AS) untuk membina hab pengilangan di Malaysia sebagai pusat pengeluaran bateri untuk EV di rantau ini. HSC merancang untuk mendapatkan kontrak pemasangan bagi jenama dan pemain EV lain pada masa hadapan.
- ◆ Artroniq Bhd., telah menandatangani perjanjian dengan Beno Inc., yang berpangkalan di Amerika Syarikat untuk memasang siri produk basikal elektrik Reevo milik Beno di Malaysia dengan kebanyakannya (lebih 95%) akan dieksport ke Amerika Syarikat dan Eropah.
- ◆ Pemaju hartanah Sunsuria Bhd. turut mengambil bahagian dalam inisiatif ini dengan

menandatangani MOU dengan IAT Automobile yang berpangkalan di Republik Rakyat China untuk menubuhkan pusat operasi di Malaysia bagi pengilangan EV.

- ◆ NexV Manufacturing Sdn. Bhd., sebuah syarikat usaha sama antara Careplus Group Berhad dan GoAuto Group Sdn. Bhd., telah memulakan pembinaan fasiliti teknologi hijau pertama Malaysia yang dikhususkan untuk pengeluaran dan pemasangan Kenderaan Tenaga Baharu (NEV), termasuk EV.

Kerajaan juga telah berjaya memudahkan kemasukan salah satu pengeluar EV terbesar di dunia iaitu Tesla ke pasaran Malaysia. MITI telah memulakan perbincangan dengan pengeluar automotif tempatan iaitu Proton dan Perodua untuk mempercepatkan pengeluaran EV nasional. Perodua telah menyatakan hasratnya untuk menghasilkan EV yang dipasang secara tempatan di Malaysia.

Asas yang Kukuh untuk Pelabur

MITI menyasarkan untuk menarik pelaburan sebanyak RM20 bilion ke dalam industri EV menjelang tahun 2025, seterusnya berganda kepada RM40 bilion menjelang tahun 2030 untuk mengukuhkan ekosistem EV Malaysia. Komitmen terhadap ekosistem EV ini seiring dengan matlamat Malaysia untuk mencapai sifar bersih pelepasan gas rumah hijau (GHG) menjelang tahun 2050 di bawah Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC).

Pelbagai insentif dan inisiatif telah dilaksanakan untuk menyokong pengeluaran EV dan menggalakkan pemilikan EV seperti Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020 dan inisiatif yang digariskan di bawah Belanjawan 2022, 2023 dan 2024. Insentif ini termasuk pengecualian penuh duti import, duti eksais, dan cukai jualan untuk EV yang dipasang secara tempatan sehingga 31 Disember 2027 dan pengecualian penuh duti import dan duti eksais untuk EV yang diimport sehingga 31 Disember 2025. Selain itu, pengecualian penuh cukai jalan untuk EV, pelepasan cukai pendapatan individu untuk kemudahan pengecasan EV dan potongan cukai untuk syarikat yang menyewa kenderaan elektrik bukan komersial juga sedang dilaksanakan. Belanjawan 2024 juga telah memperkenalkan Skim Insentif Penggunaan Motosikal Elektrik iaitu rebat tunai kepada pengguna dengan pendapatan tahunan di bawah RM120,000.

Insentif cukai khas juga disediakan untuk pembangunan komponen EV penting serta pengecualian cukai penuh untuk peralatan pengecasan EV untuk tempoh sehingga 10 tahun. Kerajaan Malaysia menggalakkan pengeluaran EV dan mengalu-alukan pelabur yang berminat dalam ekosistem xEV untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau mereka. Bagi mempercepatkan dan meningkatkan penggunaan EV di Malaysia, Jawatankuasa Pemandu EV Kebangsaan (NEVSC) telah ditubuhkan. NEVSC yang diketuai oleh MITI melibatkan ahli-ahli daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan termasuk MIDA serta wakil-wakil industri. Ia menyelia Pasukan Petugas EV


Kebangsaan (NEVTF) untuk menerajui pembangunan EV di Malaysia.

Di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Malaysia menyasarkan jualan xEV sebanyak 20 peratus daripada jumlah industri keseluruhan menjelang tahun 2030 dengan peningkatan kepada 50 peratus menjelang tahun 2040 dan 80 peratus menjelang tahun 2050. Ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021 - 2025) dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (2021 – 2030) untuk mempercepat agenda pertumbuhan hijau dan kelestarian negara.


Ini menjadikan ekosistem xEV sebagai komponen penting dalam rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) Malaysia (i-ESG) yang dijangka siap pada tahun 2024. Rangka kerja ini dibangunkan dengan kerjasama agensi-agensi MITI untuk merangsang sektor perkilangan agar menerapkan amalan ESG melalui standard, sokongan kewangan dan insentif, pembangunan kapasiti, dan sistem pasaran, termasuk perdagangan dan penentuan harga karbon.

Kerajaan komited terhadap pembangunan EV yang memiliki potensi besar ke atas sektor perkilangan negara terutamanya dalam subsektor automotif. Subsektor ini merupakan yang ketiga terbesar di Asia Tenggara dan yang ke 23 terbesar di dunia dengan pengeluaran lebih daripada 500,000 kenderaan setiap tahun dan menyumbang empat peratus kepada KDNK Malaysia (RM40 bilion) serta menggaji lebih daripada 700,000 pekerja.

SUBSEKTOR AUTOMOTIF DI MALAYSIA TAHUN 2023



PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SUBSEKTOR AUTOMOTIF TAHUN 2023



PROJEK PENTING DALAM INDUSTRI KENDERAAN ELEKTRIK TAHUN 2023

Projek Baharu | **EVE Energy Malaysia Sdn. Bhd.**

- ◆ Pengeluaran bateri litium untuk menyokong pengilangan kenderaan dua roda elektrik dan peralatan kuasa di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara

Jumlah Pelaburan:
RM1.9 bil



643 Peluang
Pekerjaan Baharu



Syarikat dari
PRC



Projek Baharu | **EP Manufacturing Berhad (melalui anak syarikatnya Peps-JV)**

- ◆ Pengeluaran EEV, kenderaan penumpang elektrik dan kenderaan komersial elektrik di Melaka


Jumlah Pelaburan:
Lebih RM100 juta



1,000 Peluang
Pekerjaan Baharu



Usaha sama antara BAIC International Development Co. Ltd. (pemain utama dalam industri Automotif dari PRC) dan Great Wall Motor Sales Malaysia Sdn. Bhd.





TEKNOLOGI HIJAU

PERTUMBUHAN LESTARI EKONOMI HIJAU

Menurut laporan tahun 2022 dari Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC), masyarakat semakin merasai kesan fizikal perubahan iklim di peringkat global. Pada masa yang sama, Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) memberi amaran tentang akibat buruk jika suhu purata meningkat lebih daripada 1.5°C melebihi tahap pra-perindustrian. Perkembangan seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Meteorologi Dunia pada bulan November, dapat dilihat pada tahun 2023 iaitu tahun paling panas pernah dicatat dengan peningkatan suhu sebanyak 1.4°C dalam tempoh 174 tahun yang lalu.

Kesan fizikal pemanasan global dan perubahan iklim telah memberi kesan yang mendalam kepada banyak industri dan sektor ekonomi di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, terdapat aspek positif dengan peluang pelaburan yang semakin meningkat dalam peralihan hijau kerana aktiviti dan perkhidmatan teknologi hijau terutamanya dalam tenaga boleh baharu, pertanian berdaya tahan iklim dan perancangan bandar semakin mendapat perhatian.

Selaras dengan kemajuan dalam sektor tenaga, Dasar Tenaga Negara 2022–2040 (NEP) menggariskan hala tuju terperinci untuk sektor tenaga. Berlandaskan matlamat dan visi yang dirangka dalam Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040, ia menasaskan sumbangan sebanyak RM13 bilion kepada KDNK Malaysia yang berpotensi untuk mewujudkan lebih 207,000 peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan sebanyak RM9.2 bilion.

Peluang ini adalah penting kerana sektor awam dan swasta memperuntukkan sumber kewangan kepada inisiatif yang memudahkan peralihan Malaysia kepada ekonomi rendah karbon. Ini bukan sahaja memberi faedah kepada alam sekitar tetapi juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan inovasi.

Menggerakkan Perubahan: Perjalanan Malaysia Menuju Tenaga Lestari

Selaras dengan komitmen untuk mencapai matlamat kelestarian dan menangani perubahan iklim, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) menetapkan matlamat mencapai neutral karbon menjelang tahun 2050. Selain itu, Malaysia telah mengemas kini Sumbangan Nasional yang Ditentukan (NDC) di bawah Perjanjian Paris dengan komitmen untuk mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45 peratus berbanding KDNK menjelang tahun 2030 dari tahap 2005.

Untuk mencapai objektif ini, Kerajaan memperkenalkan Pelan Hala tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER). Rangka kerja strategik ini merangkumi peningkatan pemasangan kapasiti tenaga boleh baharu daripada 25 peratus pada Disember 2022 kepada 31 peratus menjelang tahun 2025 serta 40 peratus menjelang tahun 2035 dan 70 peratus menjelang tahun 2050.

Malaysia secara konsisten menggunakan sumber tenaga boleh baharu (RE) seperti solar, biojisim, biogas dan hidro dalam campuran kapasiti pemasangannya. Penggunaan karbon yang rendah juga digalakkan di pelbagai sektor ekonomi.

PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA NEGARA

Definisi Peralihan Tenaga

Peralihan tenaga merujuk kepada transformasi menyeluruh dalam sistem tenaga ke arah sumber yang lebih bersih, meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu dan menghasilkan penurunan ketara dalam pelepasan karbon. Perubahan struktur ini dijangka berlaku pada kadar yang cepat didorong oleh kemajuan teknologi yang pesat dan dasar iklim yang proaktif.

Diambil daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara 2023





Malaysia menduduki tempat pertama di Asia Tenggara dalam Indeks Peralihan Tenaga Jun 2023 oleh Forum Ekonomi Dunia yang mengambil kira prestasi sistem dan kesediaan negara untuk beralih ke sumber tenaga yang lebih mesra alam. Dengan lokasi yang strategik di rantau ini, pelbagai sumber tenaga boleh baharu (RES) dan tahap kepakaran yang tinggi, Malaysia bersedia untuk menjadi peneraju serantau dalam peralihan tenaga. Sektor teknologi bersih dijangka mencapai nilai RM5 trilion pada tahun 2022 dan dijangka terus meningkat dalam beberapa tahun akan datang.

Pada 27 Julai 2023, Kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Bahagian 1 untuk mempercepatkan peralihan berskala besar dari bahan api fosil kepada ekonomi berkarbon rendah dan bernilai tinggi. Berpandukan prinsip pembangunan

lestari, keadilan dan kecekapan, tadbir urus yang menyeluruh dan peluang untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), NETR akan memanfaatkan geran, pinjaman, rebat, insentif dan pelaburan lain dalam penyediaan infrastruktur. Peralihan Bertanggungjawab (RT) dalam NETR dijangka akan memudahkan Malaysia untuk mencapai matlamat pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050. Inisiatif RT dijangka membuka peluang pelaburan antara RM1.2 trilion hingga RM1.3 trilion menjelang tahun 2050. Pelaburan ini dijangka akan meningkatkan KDNK negara sebanyak RM220 bilion dan menjana hampir 310,000 peluang pekerjaan dalam sektor pertumbuhan hijau menjelang tahun 2050.

”

Malaysia menduduki tempat pertama di Asia Tenggara dalam Indeks Peralihan Tenaga Jun 2023 oleh Forum Ekonomi Dunia yang mengambil kira prestasi sistem dan kesediaan negara untuk beralih ke sumber tenaga yang lebih mesra alam.



EMPAT TERAS PRINSIP PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA NEGARA (NETR)



Berdasarkan Aspirasi dan Komitmen Negara



Adil, Inklusif dan Kos Efektif



Tadbir Urus Berkesan dan Pendekatan Seluruh Negara



Peluang Pekerjaan Berimpak Tinggi, Penglibatan PKS dalam Ekosistem

BAHAGIAN 1

Mengenal pasti 10 projek pemangkin dan inisiatif berimpak berdasarkan enam tahap peralihan tenaga. Projek-projek ini berpotensi untuk melabur lebih RM25 bilion dengan mewujudkan 23,000 peluang pekerjaan dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak lebih daripada 10,000 Gg CO₂ bersamaan setiap tahun

6 TAHAP PERALIHAN TENAGA

Kecekapan Tenaga (EE)

Tenaga Boleh Baharu (RE)

Hidrogen

Biotenaga

Mobiliti Hijau

Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS)

10 PROJEK PERINTIS

Peralihan Cepak

Zon Tenaga Boleh Baharu (Zon RE)

Penyimpanan Tenaga

Tenaga Selamat

Hidrogen Hijau

Hidrogen untuk Kuasa

Peningkatan Permintaan Biojisim

Mobiliti Masa Hadapan

Bahan Api Masa Hadapan

CCS untuk Industri

BAHAGIAN 2

Dilancarkan pada Ogos 2023, inisiatif ini akan menentukan laluan rendah karbon, campuran tenaga dan sasaran pengurangan pelepasan. NETR juga akan meneliti pembiayaan hijau serta pemindahan teknologi melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala

NETR menekankan komitmen Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan lestari dan memajukan kewangan lestari dalam negara. Pendirian proaktif Kerajaan selaras dengan trend global yang menekankan kepentingan amalan lestari dalam pembangunan ekonomi

Peluang dalam Teknologi Hijau – Insentif Cukai untuk Pelabur Yang Diperluas

Selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara yang inklusif, lestari dan neutral karbon menjelang tahun 2050, Belanjawan 2024 memperluas insentif cukai hijau yang sedia ada untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau. Pendekatan yang diperluas ini bertujuan menarik sektor membangun dan bernilai tinggi.

Penghasilan hidrogen hijau melalui elektrolisis yang menggunakan sumber tenaga boleh baharu (RE) dijangka akan menggalakkan pertumbuhan tenaga lestari. Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen Malaysia (HETR) menjangkakan sektor ini akan menyumbang antara RM49 bilion hingga RM61 bilion dalam KDNK dan RM12.1 bilion dalam pendapatan menjelang tahun 2030.

INSENTIF CUKAI UNTUK PELABUR YANG DIPERLUAS SEPERTI YANG DIUMUMKAN DI BAWAH BELANJAWAN 2024

- ◆ Elau Cukai Pelaburan Hijau (GITA) untuk tujuan perniagaan seperti berikut berdasarkan pendekatan bertahap:

Aktiviti Yang Layak	% GITA	% daripada Pendapatan Berkanun untuk Ditolak	Tempoh Insentif
Tahap 1 Hidrogen Hijau	100%	100% atau 70%	Sehingga 10 tahun (5+5)
Tahap 2 I. Pengurusan Sisa Bersepadu (IWM) II. Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV)	100%	100%	5 tahun
Tahap 3 Penjanaan tenaga daripada sumber boleh baharu: I. Biojisim II. Biogas III. Hidro mini IV. Geotherma V. Solar VI. Tenaga Angin	100%	70%	5 tahun

- ◆ Tempoh insentif cukai GITA akan dilanjutkan daripada 3 tahun kepada 5 tahun untuk projek-projek Tahap 2 dan Tahap 3.
- ◆ Insentif di atas terpakai untuk permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Sumber: Kementerian Kewangan

- ◆ Elau Cukai Pelaburan Hijau (GITA) untuk tujuan perniagaan seperti berikut berdasarkan pendekatan bertahap:

Aktiviti Yang Layak	% GITA	% daripada Pendapatan Berkanun untuk Ditolak	Tempoh Insentif
Tahap 1 I. Senarai aset yang layak diluluskan oleh Menteri Kewangan (mengikut garis panduan MGTC) II. Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) III. Bangunan Hijau	100%	70%	Perbelanjaan modal yang layak dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026
Tahap 2 IV. Senarai aset yang layak diluluskan oleh Menteri Kewangan (mengikut garis panduan MGTC) V. Sistem Tenaga Boleh Baharu VI. Kecekapan Tenaga	60%	70%	

- ◆ Insentif di atas adalah terpakai untuk perbelanjaan modal yang layak yang disahkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) untuk pembelian aset teknologi hijau bermula dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Sumber: Kementerian Kewangan

- ◆ Pengecualian Cukai Pelaburan Hijau (GITE) untuk pajakan solar akan dilanjutkan berdasarkan pendekatan bertahap seperti berikut:

Tahap	Tempoh Insentif	Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Berkanun
>3MW- ≤10MW	5 tahun	70%
>10MW- ≤30MW	10 tahun	

◆ Tempoh permohonan insentif cukai untuk GITE Pajakan Solar akan dilanjutkan selama 3 tahun. Permohonan akan diterima oleh MIDA bermula dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Sumber: Kementerian Kewangan

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TEKNOLOGI HIJAU TAHUN 2023





PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TENAGA BOLEH BAHARU TAHUN 2023



Kedudukan geografi Malaysia yang strategik berhampiran garis khatulistiwa dengan purata enam jam cahaya matahari harian dan lebih daripada 2,200 jam cahaya matahari setahun telah menyokong kejayaan projek tenaga solar di negara ini. Pelaburan yang tinggi telah menggalakkan pertumbuhan pembanguntenaga boleh baharu dan penyedia perkhidmatan fotovoltan (PV) tempatan yang memiliki keupayaan untuk menjalankan projek PV solar dari perancangan hingga pelaksanaan. Lebih daripada 80 penyedia perkhidmatan PV, khususnya syarikat tempatan, telah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA)

RM1.4 bil
Jumlah Pelaburan

530
Projek Diluluskan

Semua Projek Solar

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek tenaga solar merangkumi 520 projek penggunaan sendiri solar bernilai **RM448.2 juta**, manakala sepuluh projek Solar Berskala Besar (LSS) untuk tujuan perniagaan dengan pelaburan berjumlah **RM986.5 juta**



Peluang Pekerjaan

114 Jumlah Peluang Pekerjaan

Antara 3 syarikat terbaik yang terlibat ialah TNB Bukit Selambau Solar Dua Sdn. Bhd., JAKS Solar Nibong Tebal Sdn. Bhd., dan Ragawang Power Sdn. Bhd.

Jenis Tenaga Boleh Baharu (RE)	Projek Diluluskan	Pelaburan (RM juta)	Pekerjaan
Solar	530	1,434.7	114

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PENGURUSAN SISA TAHUN 2023

Pada tahun 2023, Worldwide Holdings Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya Worldwide Envirogreen Sdn Bhd dan Worldwide Jeram WTE Sdn Bhd telah menerima kelulusan untuk memulakan dua projek pengurusan sisa pepejal bersepadu di Jeram, Kuala Selangor, Selangor. Kedua-dua projek ini sedang dibangunkan dengan pelaburan modal yang tinggi berjumlah **RM1.3 bilion** dan dijangka mewujudkan lebih daripada **80** peluang pekerjaan



Projek-projek ini melibatkan pemulihan, rawatan, kitar semula dan pelupusan sisa pepejal perbandaran. Sisa pepejal yang terdiri daripada sisa tidak berbahaya dari kawasan kediaman dan komersial akan dibakar dan tenaga yang dihasilkan daripada proses pembakaran ini akan digunakan untuk menjana elektrik. Proses sisa kepada tenaga (WTE) ini melibatkan penggunaan teknologi canggih dalam pembakaran dan kawalan pelepasan selepas pembakaran untuk memastikan pengurusan sisa yang lestari dengan jejak karbon yang minimum. Teknologi WTE terbukti lebih efisien berbanding tapak pelupusan konvensional, dengan penggunaan tanah yang lebih sedikit dan pelepasan gas rumah hijau yang lebih rendah. Gabungan integrasi kitar semula, pemulihan tenaga dan rawatan sisa yang bertanggungjawab menyokong pendekatan yang lebih lestari dan mesra alam dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini

Satu lagi projek penting yang diluluskan adalah projek pengurusan sisa bersepadu oleh Clinco Waste Management Sdn. Bhd., di Taman Perindustrian Tung Zen, Batu Gajah, Perak. Projek ini akan melibatkan pelaburan modal sebanyak **RM74 juta** dan bakal menghasilkan sebanyak **49** peluang pekerjaan. Projek ini melibatkan pengumpulan sisa klinikal dari 1,295 pusat perubatan swasta dan kemudahan kesihatan di seluruh Semenanjung Malaysia serta pengangkutan, penyimpanan, rawatan dan pembakaran sisa klinikal. Sisa hasil daripada proses pembakaran akan dilupuskan di pusat pemprosesan khusus yang berlesen di Sendayan, Negeri Sembilan



Projek ini penting kerana ia menyediakan kaedah yang efisien dan selamat untuk merawat dan melupuskan sisa klinikal. Selain itu, ia bertujuan untuk menghentikan pelupusan sisa secara haram dan menangani masalah yang semakin menular mengenai sisa perubatan yang tidak dirawat di Malaysia

Pada tahun 2022, peratusan kitar semula di negara ini adalah sebanyak 33.2 peratus. Kadar kitar semula negara dijangka meningkat berikutan pelaburan dalam projek pengurusan sisa bersepadu dan ini memenuhi sasaran Rancangan Malaysia Kedua Belas sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2025


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM KECEKAPAN/PEMULIHARAAN TENAGA (EE/EC) TAHUN 2023

Penerimgunaan teknologi penjimatan tenaga baharu boleh membantu mengurangkan kos dalam menyokong kelestarian dan penciptaan pekerjaan, selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Ini akan menyediakan peluang menarik kepada pelabur untuk menyokong penggunaan meluas amalan dan teknologi cekap tenaga yang akan memberi kesan positif ke atas ekonomi dan alam sekitar



RM436.3 juta
Jumlah Pelaburan

30 Projek Yang Diluluskan dalam sektor industri dan komersial pada tahun 2023



Peluang Pekerjaan



53 Jumlah Peluang Pekerjaan

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM BANGUNAN HIJAU TAHUN 2023

Kebimbangan yang semakin meningkat terhadap alam sekitar telah mendorong peralihan pelaburan yang ketara ke arah inisiatif bangunan hijau. Memandangkan bangunan menyumbang hampir 39 peratus kepada pelepasan CO2 tahunan dunia, adalah penting untuk menekankan pembangunan hijau sebagai strategi untuk mengurangkan kesan urbanisasi. Bangunan hijau membantu mengawal pelepasan dan menggalakkan pembangunan bandar yang lestari



RM12.2 juta
Jumlah Pelaburan

2 Projek Diluluskan pada tahun 2023



Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan di Johor Bahru dan Senai, Johor

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PERKHIDMATAN HIJAU TAHUN 2023



RM17.8 juta
Jumlah Pelaburan

5 Projek Diluluskan pada tahun 2023

Peluang Pekerjaan



36 Peluang Pekerjaan Berkualiti Tinggi

Aktiviti perkhidmatan hijau yang diluluskan ialah mesin integrasi sistem PV solar dan penyedia perkhidmatan yang berkaitan dengan kecekapan tenaga

Perspektif Masa Hadapan

Persidangan Pihak-Pihak ke 28 bagi Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (COP28) ke-28 yang dimuktamadkan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu telah mendedahkan bahawa usaha iklim semasa adalah tidak mencukupi. Kerajaan-kerajaan dunia berjanji untuk menggandakan kapasiti tenaga boleh baharu sebanyak tiga kali ganda menjelang tahun 2030 dengan menekankan keperluan untuk peralihan tenaga yang menyeluruh. Walaupun penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar dan angin telah meningkat di peringkat global, namun kos yang meningkat dan isu-isu lain telah melambatkan projek-projek ini.

Untuk mencapai sasaran 10,000 gigawatt tenaga boleh baharu yang dipasang di seluruh dunia menjelang tahun 2030, cabaran pembiayaan di negara-negara kurang membangun perlu ditangani. Bank Negara Malaysia melaporkan bahawa lebih daripada USD43 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan ESG dengan matlamat supaya sekurang-kurangnya separuh daripada pembiayaan baharu

oleh bank-bank Malaysia perlu menyokong inisiatif iklim menjelang tahun 2026.

Peraturan global yang ketat mengenai pelepasan sedang dikuatkuasakan seperti Sistem Pelarasan Sempadan Karbon (CBAM) EU yang mengenakan cukai karbon ke atas import tertentu. Oleh itu, adalah tepat pada masanya bagi Malaysia untuk meningkatkan usaha pengurangan karbon selaras dengan peraturan antarabangsa ini.

Memandangkan CBAM dijangka memberi kesan sebanyak enam hingga tujuh peratus kepada pelbagai sektor pada tahun pertamanya, Malaysia sedang menggerakkan industri-industrinya dengan penglibatan proaktif agensi-agensi berkaitan dalam Kementerian untuk mengendalikan penyahkarbonan. Insentif hijau dalam Belanjawan 2024 dan inisiatif baharu yang dilancarkan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bersama dengan pelaksanaan pasaran karbon sukarela (VCM) dijangka akan mengukuhkan komitmen sifar Bersih Malaysia menjelang tahun 2050.



PERKHIDMATAN DIGITAL

KEBANGKITAN DIGITAL MALAYSIA

Malaysia semakin menjadi kuasa digital yang penting di rantau ini dengan kejayaan menarik pelaburan dalam pusat data, perkhidmatan IT, kandungan kreatif dan perkhidmatan perniagaan global digital. Untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi terhadap kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Kerajaan sedang giat berusaha untuk mengembangkan sektor-sektor berteknologi tinggi.

Industri Perkhidmatan Digital merupakan antara industri yang berkembang pesat di Malaysia. Pada tahun 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa sumbangan ICT kepada ekonomi adalah sebanyak 23 peratus dengan jumlah RM412.3 bilion iaitu meningkat sebanyak 14.8 peratus berbanding 12.2 peratus tahun sebelumnya. Pekerjaan dalam industri ICT juga meningkat sebanyak 1 peratus kepada 1.22 juta orang pada tahun 2022 dengan sumbangan sebanyak 7.9 peratus kepada jumlah pekerjaan. Peluang pekerjaan diwujudkan terutamanya dalam sektor perkilangan ICT iaitu 36.1 peratus diikuti oleh perkhidmatan ICT (29.3 peratus) dan perdagangan ICT (21.7 peratus).

Memperkasakan AI Melalui Pusat Data

Teknologi baharu muncul seperti rantai blok, kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan analitik data besar sedang mengubah perniagaan dan ekonomi. Malaysia berada di kedudukan atas (23 daripada 193 negara) dalam *Oxford Insights Government AI Readiness Index 2023*, disokong oleh dua faktor utama indeks tersebut iaitu sokongan padu daripada kerajaan dan kesediaan data/infrastruktur.

Dengan sokongan dan komitmen yang kukuh, Kerajaan mengumumkan kerjasama dengan Google untuk melatih perniagaan dari pelbagai peringkat dalam meningkatkan daya saing digital mereka melalui program peningkatan kemahiran, pelaburan dalam infrastruktur digital, inovasi AI yang bertanggungjawab dan dasar keutamaan awan pada November 2023. Selaras dengan rangka kerja ekonomi Madani dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, komitmen terbaru Google ini dijangka akan memperkukuh daya saing digital negara dengan meningkatkan inovasi tempatan dan pembangunan bakat dalam bidang AI.

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2022

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menyumbang **23.0%** kepada KDNK dan **14.8%** kepada pertumbuhan

RM412.3b
2021: RM359.3b

13.6%
2021: 14.0%
GVAICT

9.4%
2021: 9.2%
E-dagang
industri lain

=

23.0%
2021: 23.2%
ICT kepada
ekonomi

PEKERJAAN INDUSTRI ICT

1.22 juta orang
bekerja dalam
industri ICT



Perkilangan ICT

36.1%
2021: 35.9%



Perkhidmatan ICT

29.3%
2021: 29.3%



Perdagangan ICT

21.7%
2021: 21.9%



Kandungan & Media

12.9%
2021: 13.0%



Menurut laporan yang dikeluarkan pada September 2023 oleh Malaysia Centre for Fourth Industrial Revolution (Malaysia Centre4IR) dengan kerjasama Access Partnership dan Microsoft Malaysia yang bertajuk *'The Economic Impact of Generative AI: The Future of Work in Malaysia'*, sektor perkilangan yang terdiri daripada sebahagian besar tenaga kerja tempatan dengan produktiviti tinggi dijangka menyumbang separuh daripada potensi keuntungan ekonomi secara menyeluruh dari pelaksanaan AI generatif yang berpotensi meningkatkan kapasiti pengeluaran sebanyak US\$113.4 bilion (RM529.8 bilion) bagi ekonomi tempatan.

Penyertaan teknologi AI yang semakin pesat seperti mesin dan pembelajaran mendalam, Pemrosesan Bahasa Semula Jadi (NLP) dan Model Bahasa Besar (LLM) telah meningkatkan permintaan pusat data berskala besar di Malaysia. Teknologi yang memerlukan daya pengkomputeran dan penyimpanan yang besar telah mendorong pembangunan pusat data berskala besar yang dibangunkan khusus untuk menangani penggunaan AI berskala besar dengan cekap. Ini akan mewujudkan keperluan untuk infrastruktur pengkomputeran yang kukuh dan keupayaan pemrosesan data yang luas.

Malaysia adalah pasaran pusat data yang penting di rantau Asia Tenggara. Mengikut laporan Arizton Advisory & Intelligence bertajuk *'Malaysia Data Center Market- Investment Analysis & Growth Opportunities 2023-2028'*. Saiz pasaran pusat data negara bernilai US\$1.3 bilion (RM6.1 bilion) pada tahun 2022 dan dijangka meningkat kepada US\$2.2 bilion (RM10.5 bilion) menjelang tahun 2028 dengan

pertumbuhan yang diramalkan mencapai CAGR sebanyak 9.41 peratus dari tahun 2023 hingga 2028.

Di tengah-tengah transformasi digital Malaysia terdapat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang merupakan sebuah platform dengan kerjasama antara MIDA dan MDEC. Inisiatif strategik ini menekankan komitmen kukuh negara untuk memperluas ekonomi melalui teknologi digital. MyDIGITAL menetapkan dasar untuk transformasi digital yang menyeluruh, manakala DIO bertindak sebagai pemangkin untuk memudahkan pelaburan dengan sasaran yang disemak semula sebanyak RM130 bilion dalam pelaburan digital yang lestari menjelang tahun 2025.

Dasar negara seperti Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (2021-2030), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 akan memastikan penggunaan digital yang lancar dan penguatan ekonomi digital.



PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI DIGITAL TAHUN 2023



Industri Digital menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun 2023 dengan menjadi **penyumbang terbesar** kepada sektor perkhidmatan



RM63.7 bil
Jumlah Pelaburan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang Pekerjaan



23,829
Jumlah Peluang Pekerjaan

Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) diperkenalkan melalui Belanjawan 2022 untuk menarik pelaburan berkualiti dalam infrastruktur digital



RM16 bil
Jumlah Pelaburan



Berpotensi menjana 627 peluang pekerjaan, terutamanya dalam pekerjaan bernilai tinggi, khusus, seperti saintis data, penganalisis data dan jurutera data yang memerlukan kemahiran tinggi, latihan lanjutan dan kelayakan profesional

Status Digital Malaysia (MD) yang diperkenalkan pada 4 Julai 2022 oleh MDEC bertujuan untuk mewujudkan limpahan ekonomi digital melalui akses kepada alatan digital, pengetahuan dan peluang pendapatan



MDEC juga telah mengenal pasti sembilan sektor di bawah Program Pemangkin MD yang menunjukkan potensi pertumbuhan tinggi, peluang dan kepentingan dalam mempercepat ekonomi digital Malaysia



RM44.5 bil
Jumlah Pelaburan

Pekerjaan Berkemahiran Tinggi



23,202 Pekerjaan Berkemahiran Tinggi

Data kelulusan pelaburan subsektor telekomunikasi yang disediakan oleh **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** untuk Januari hingga September tahun 2023



RM3.2 bil
Jumlah Pelaburan

100% adalah daripada sumber domestik



”

Di tengah-tengah transformasi digital Malaysia terdapat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang merupakan sebuah platform kerjasama antara MIDA dan MDEC.



AEROANGKASA

MEMULAKAN PENERBANGAN

Industri aeroangkasa global pada tahun 2023 menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan syarikat penerbangan menjangkakan pertumbuhan pendapatan dan peningkatan keuntungan yang lebih baik. Pemulihan ini berlaku di tengah-tengah cabaran berterusan seperti tekanan rantai bekalan, kekurangan tenaga kerja yang berkelayakan, harga tenaga dan bahan api yang tinggi serta inflasi.

Pada awal tahun 2023, Laporan *Accenture's Commercial Aerospace Insight* meramalkan bahawa pendapatan aeroangkasa komersial global pada tahun 2023 akan melebihi paras tahun 2019 dan berkembang pada kadar 14 peratus tahun ke tahun (YoY) mencapai paras pra-pandemik pada tahun 2024 dengan syarikat penerbangan kembali mencatatkan keuntungan. Laporan tersebut juga mendapati bahawa 85 peratus eksekutif aeroangkasa komersial yang ditinjau menjangkakan peningkatan pendapatan untuk tempoh dua tahun akan datang.

Fitch Ratings turut berkongsi pandangan yang sama iaitu menekankan prospek positif terhadap industri aeroangkasa global yang didorong oleh penjanaan aliran tunai bebas yang positif dengan peningkatan fleksibiliti kewangan, peningkatan permintaan perjalanan udara dan keperluan untuk menggantikan pesawat yang lama. Menjelang akhir tahun, Fitch Ratings mengulangi pendiriannya yang menekankan bahawa pengeluar peralatan asal (OEM) aeroangkasa seharusnya mendapat manfaat daripada jumlah pesanan yang tinggi, pendapatan yang jelas, peningkatan kadar pengeluaran yang dirancang dan pengurangan inventori.

Pertumbuhan yang Mantap di Malaysia

Industri penerbangan Malaysia juga sedang mengalami pemulihan yang menunjukkan peningkatan persaingan di kalangan syarikat penerbangan tempatan dan perluasan perkhidmatan mereka. Pada separuh pertama tahun 2023, Malaysia Airports melaporkan sebanyak 56.1 juta pergerakan penumpang atau 82 peratus daripada tahap pra-pandemik 2019 untuk tempoh yang sama. Pertumbuhan ini mendorong peningkatan persaingan tempatan sepertimana Capital A yang

membawa kembali sejumlah besar pesawat Air Asia yang sebelum ini dihentikan perkhidmatannya. Selain itu, Batik Air (dahulunya Malindo) juga telah memperluaskan perkhidmatannya.

Menurut Perbadanan Industri Aeroangkasa Negara Malaysia (NAICO), sektor aeroangkasa Malaysia memperoleh jumlah kumulatif RM5.7 bilion dalam pakej kerja baharu untuk rantai bekalan tempatan pada tahun 2022. Selain itu, beberapa projek penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bernilai RM600 juta telah dijalankan pada tahun 2022. Projek-projek baharu ini dijangka bermula pada tahun 2024 dan akan menyumbang pendapatan tambahan kepada industri ini. NAICO juga melaporkan bahawa pendapatan industri aeroangkasa Malaysia dianggarkan melebihi RM16 bilion setakat suku ketiga tahun 2023 atau hampir mencapai sasaran pendapatan penuh tahun 2023 sebanyak RM18 bilion. Industri ini dijangka akan berkembang lebih pesat pada tahun 2024 berikutan perluasan rangkaian produk dalam rantai bekalan aeroangkasa global.

Selain itu, helikopter komersial dan jet perniagaan juga mengalami peningkatan permintaan. Menurut Persatuan Aeroangkasa Malaysia (MAIA), terdapat lebih daripada 4,000 pesanan yang belum dipenuhi untuk Boeing 737 di seluruh dunia dengan purata masa menunggu 5.7 tahun. Di samping itu, pesanan yang belum dipenuhi untuk Airbus A320 Neo melebihi 6,000 unit dengan purata masa menunggu 5.2 tahun.

Menangani Cabaran

Mengendalikan permintaan untuk pesawat baharu dan peningkatan aktiviti pembaikan secara serentak telah menjadi cabaran bagi rantai bekalan global. Faktor lain yang memburukkan lagi keadaan termasuk penghentian operasi oleh pelbagai pembekal yang terjejas akibat pandemik, penstrukturan semula korporat, kesukaran dalam mendapatkan bahan mentah khusus dan permintaan terhadap kepakaran kejuruteraan aeroangkasa yang berkemahiran tinggi. Selain tekanan inflasi, faktor-faktor ini turut menyumbang kepada peningkatan kos dalam industri penerbangan untuk pesawat dan komponen yang juga mempengaruhi sektor MRO.



Di sebalik cabaran yang berterusan, industri aeroangkasa di Malaysia mempunyai potensi besar yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia serta pemain industri aeroangkasa yang ingin menjadikan Malaysia sebagai hab aeroangkasa utama di Asia Tenggara dan pemain penting dalam rantai bekalan aeroangkasa global menjelang tahun 2030 selaras dengan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.

Pemulihan MRO global pada tahun 2023 dijangka stabil disebabkan oleh jumlah peningkatan komersial berikutan pemulihan dalam perjalanan seperti yang dinyatakan dalam Laporan *Accenture's April 2023 Commercial Aerospace Insight*. Sebanyak 64 peratus eksekutif yang ditinjau juga meramalkan peningkatan perbelanjaan MRO dalam tempoh 24 bulan akan datang, sementara 85 peratus berpandangan positif terhadap kesan ekosistem Asia Pasifik di mana rantau ini berpotensi untuk menjadi hab aeroangkasa yang lestari melalui kemampuan baharu dan pembangunan bakat.

Trend ini telah menarik pelbagai pemain MRO tempatan dan antarabangsa untuk mengambil peluang daripada situasi ini. Sebagai contoh, pada awal tahun 2023, cabang kejuruteraan Capital A Bhd., Asia Digital Engineering (ADE) telah melancarkan kemudahan hangar MRO terbarunya di Senai, Johor. Pada akhir tahun tersebut, ADE berjaya meraih pelaburan sebanyak US\$100 juta daripada firma pelaburan OCP Asia Ltd. untuk membina dan mengendalikan kemudahan hangar penyelenggaraan pesawat canggih dengan 14 baris pengeluaran di Sepang, Selangor.

Airod Sdn. Bhd., sebuah lagi kumpulan MRO pesawat Malaysia, sedang mempertimbangkan peluang perniagaan MRO jangka panjang bernilai US\$300 juta bersama rakan kongsinya dari Indonesia iaitu PT Dirgantara Indonesia. Ini termasuk modal permulaan sebanyak US\$10 juta untuk penyediaan perkhidmatan pengubahsuaian, latihan dan bantuan teknikal yang berkaitan dengan kumpulan pesawat C-130 Angkatan Bersenjata Indonesia. Presiden Rolls-Royce untuk Asia Tenggara, Pasifik dan Korea, Dr. Bicky Bhangu menjelaskan bahawa bakal pelabur harus yakin dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat MRO utama di Asia Tenggara menjelang tahun 2030 kerana ia bergantung kepada ketersediaan bakat yang berkemahiran, kejuruteraan yang bersesuaian dan keupayaan yang mencukupi. Kerajaan Malaysia mengiktiraf kepentingan pembangunan bakat tempatan dan menggalakkan penyedia TVET untuk bekerjasama dengan pemain industri dan institusi terkemuka seperti Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (UniKL MIAT) bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk industri MRO dan penerbangan. Kementerian seperti MITI, Kementerian Pengajian Tinggi (MoHE) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mula bekerjasama untuk memperkasakan industri aeroangkasa melalui tenaga kerja berkemahiran tinggi dan usaha R&D.

Mengadaptasi Pendigitalan dan Kelestarian

MIDA telah menjadi peneraju dalam usaha menarik teknologi canggih dan inovasi melalui pelaburan asing dan domestik dalam industri aeroangkasa negara. Sebagai contoh, MIDA Paris dan MATRADE telah bersama-sama menganjurkan program di Pameran

Udara Antarabangsa Paris ke-54 di Le Bourget, Paris. Pavilion Malaysia telah menampilkan 14 pempamer yang memaparkan kepakaran industri aeroangkasa negara. Selain itu, MIDA juga telah menyertai Forum Rantian Bekalan Aeroangkasa Boeing-NAICO di Grand Hyatt Kuala Lumpur dan berkongsi maklumat mengenai pelbagai inisiatif sokongan kerajaan untuk industri aeroangkasa.

Masa hadapan industri aeroangkasa di Malaysia kelihatan cerah dengan syarikat-syarikat aeroangkasa menerima pendigitalan, mengadaptasi teknologi baharu dan mengutamakan agenda ESG – terutamanya inisiatif berkaitan sifar bersih dan kelestarian. Dengan permintaan global yang semakin meningkat dalam industri ini, ia akan memberi peluang kepada Malaysia untuk menjadi pemain utama dalam pasaran yang sedang berkembang pesat untuk pesawat, enjin, bahan bakar dan teknologi sokongan yang mesra alam.

Bakal pelabur boleh membantu pemain industri Malaysia untuk menjalin kerjasama antarabangsa yang kukuh bagi memanfaatkan gabungan kepakaran, sumber dan inovasi yang diperlukan untuk memenuhi keperluan perjalanan udara lestari yang semakin berkembang pesat. Bidang kerjasama adalah termasuk inisiatif R&D, kemajuan teknologi dan penubuhan piawaian bersama untuk mempromosikan tanggungjawab alam sekitar dalam sektor aeroangkasa.

Peluang lain selain perjalanan udara termasuk proses pengilangan, pengurusan rantian bekalan dan pelupusan komponen aeroangkasa. Dengan menerapkan pendekatan menyeluruh terhadap kelestarian, Malaysia bukan sahaja menyumbang kepada pengurangan perubahan iklim global tetapi juga meningkatkan daya saingnya dalam penerbangan yang peka terhadap alam sekitar.


Malaysia menggalakkan pelabur untuk meneroka peluang dalam platform mobiliti udara serantau yang menggunakan elektrik, hibrid-elektrik dan hidrogen. Ini termasuk menerajui pengeluaran besar-besaran *pesawat electric vertical take-off and landing (eVTOL)*. Teknologi dron dan eVTOL

menyediakan penyelesaian untuk cabaran mobiliti bandar, pencemaran bunyi, infrastruktur yang lebih efisien, penggunaan bahan termaju dan penyelesaian penerbangan lestari untuk keperluan kargo dan penumpang.

Ketika kerajaan di seluruh dunia sedang menggiatkan usaha dalam pengurangan karbon dan meneliti rantian bekalan, Kerajaan Malaysia sedang meneroka dan menceburi pelbagai bidang dalam industri aeroangkasa. Ini termasuk pengeluaran bahan aeroangkasa untuk pasaran global dan usaha untuk menjadi penyedia utama bahan api penerbangan yang lestari (SAF). MITI akan terus menyokong inisiatif inovatif seperti pembangunan pesawat laut yang dipasang secara tempatan dan dron komersial, serta meneroka peluang baharu dalam segmen aeroangkasa yang lain.

Usaha ini telah memberikan hasil yang positif. Semasa Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2023, Delta Aerospace Sdn. Bhd., (Delta Aerospace) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan NS Corporation untuk mengukuhkan komitmen bersama dalam pengilangan, operasi dan penyelidikan serta pembangunan (R&D) pesawat maritim. Delta Aerospace merancang untuk membina kompleks pengilangan di Negeri Sembilan yang memfokus kepada pengeluaran pesawat laut Heron 8 yang boleh memuatkan 8 penumpang. Dari segi SAF, EcoCeres Renewable Fuels Sdn. Bhd., sedang melabur RM1 bilion untuk membina kemudahan pengeluaran SAF di Pasir Gudang, Johor.

Inisiatif yang dilaksanakan dalam industri aeroangkasa Malaysia adalah selaras dengan misi utama yang digariskan dalam NIMP 2030 untuk mewujudkan negara yang dinamik secara digital dan menyokong usaha kerajaan dalam pendigitalan. Selain itu, fokus diberikan kepada pencapaian sifar bersih melalui amalan lestari dengan penekanan kepada tenaga boleh baharu, kenderaan elektrik dan ekonomi kitaran dalam industri aeroangkasa.



PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI AEROANGKASA TAHUN 2023

 **RM4.6** juta
Jumlah Pelaburan

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Peluang pekerjaan

 **27** Jumlah Peluang Pekerjaan

”

NAICO juga melaporkan bahawa pendapatan industri aeroangkasa Malaysia dianggarkan melebihi RM16 bilion setakat suku ketiga tahun 2023 atau hampir mencapai sasaran pendapatan penuh tahun 2023 sebanyak RM18 bilion. Industri ini dijangka akan berkembang lebih pesat pada tahun 2024 berikutan perluasan rangkaian produk dalam rantaian bekalan global aeroangkasa.



Mempercepat Pelaksanaan Pelaburan di Malaysia Melalui TRACK


Ditubuhkan pada Jun 2020 di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) COVID-19, program TRACK di bawah MIDA telah memainkan peranan penting dalam mempercepat pelaksanaan pelaburan yang diluluskan di Malaysia. Dahulu dikenali sebagai Unit Penyelaras dan Pemecutan Projek (PACU), program ini dijenamakan semula sebagai TRACK pada Mac 2023 dengan fokus dan skop yang lebih luas.

TRACK telah meningkatkan kadar pelaksanaan projek dari 60 peratus pada tahun 2016 kepada 85 peratus pada September 2023. Pelaksanaan yang lebih cepat ini telah membawa kepada peningkatan peluang pekerjaan, pertumbuhan rantaian bekalan perniagaan, penyumberan tempatan dan peningkatan pendapatan eksport yang kesemuanya menyumbang secara langsung kepada kemakmuran ekonomi Malaysia.

TRACK telah mencapai kejayaan dalam memudah cara pelaburan dan mempercepatkan pelaksanaan pelaburan melalui kerjasama yang kukuh. Dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan secara aktif (iaitu agensi kerajaan, persatuan industri dan pelabur), TRACK memanfaatkan kepakaran dan sumber secara kolektif daripada semua pihak untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelaburan dan menyokong pelabur sepanjang perjalanan mereka.


Melangkaui asas kerjasama ini, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah menubuhkan Pusat Memudah Cara Pelaburan Malaysia (IMFC) di MIDA. Dengan mengambil langkah proaktif untuk memperkukuh landskap pelaburan negara, IMFC merupakan salah satu inisiatif transformasi Kerajaan Malaysia yang bertujuan memperkemaskan proses pelaburan dan mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan. Usaha ini termasuk menghapuskan prosedur pentadbiran yang rumit bagi mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan masa kelulusan.

IMFC diwujudkan selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan visi Ekonomi MADANI. MITI dan MIDA komited untuk terus memudahkan dan memperbaiki proses pelaksanaan pelaburan di Malaysia menerusi platform TRACK untuk pelaksanaan projek yang lebih lancar. IMFC akan menyediakan perkhidmatan konsultasi dan nasihat yang komprehensif.



Pelaburan yang Dilaksanakan dalam Sektor Perkilangan di Malaysia Sejak Tahun 2016: Rekod Cemerlang TRACK

STATUS PERLAKSANAAN BAGI PROJEK YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN DARI TAHUN 2016 HINGGA 2023



Dalam tempoh lapan tahun dari 2016 hingga 2023, terdapat peningkatan ketara pelaburan dalam sektor perkilangan ke Malaysia, di mana sebanyak 6,564 projek telah diluluskan dalam tempoh tersebut. Jumlah ini menunjukkan komitmen kukuh negara untuk menggalakkan industri perkilangan berkembang maju dan berdaya saing.

Keberkesanan program TRACK MIDA dan inisiatif lain dapat dilihat dari kejayaan pelaksanaan lebih daripada 86 peratus atau 5,642 projek perkilangan sehingga kini. Inisiatif-inisiatif ini telah memperkukuhkan pelaksanaan projek serta meningkatkan pengalaman pelaburan yang lebih lancar bagi pelabur dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan untuk industri perkilangan.

Keyakinan pelabur terlihat menerusi aliran pelaburan yang kukuh dalam sektor perkilangan untuk masa hadapan iaitu sebanyak 9.4 peratus atau 618 projek yang kini berada dalam peringkat perancangan aktif, manakala 2.1 peratus projek masih berada pada peringkat awal pelaksanaan.

Tidak semua projek yang dirancang dapat direalisasikan, di mana 2.5 peratus projek tidak berjaya dilaksanakan. Ini menunjukkan keadaan dinamik trend perniagaan global, sementara Malaysia terus berusaha untuk mengoptimumkan pemilihan dan strategi pelaksanaan projek.

Secara keseluruhan, kadar pelaksanaan ini mencerminkan landskap sektor perkilangan yang semakin berkembang pesat di Malaysia. Dengan kadar pelaksanaan projek yang tinggi, bilangan projek dalam peringkat perancangan aktif dan keyakinan pelabur yang berterusan sepanjang tahun, menjanjikan masa hadapan yang cerah bagi sektor penting ini serta membuka peluang bagi pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia yang berterusan.

Rangka Kerja Merasionalisasikan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) di Malaysia

Dalam tempoh beberapa dekad yang lalu, agensi-agensi penggalakan pelaburan (IPA) di Malaysia, sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, telah berjaya menarik dan memudahkan banyak pelaburan asing dan domestik. Bersama dengan IPA lain di seluruh dunia, mereka memainkan peranan penting dalam ekonomi global. Pelaburan yang telah digalakkan membawa kesan limpahan yang positif, seperti pemindahan teknologi, penciptaan pekerjaan dan akses pasaran yang diperluaskan.

Walau bagaimanapun, terdapat trend global untuk memperkukuh dan menyelaraskan IPA bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan mereka. Menurut kajian Bank Dunia, banyak IPA yang ditubuhkan di peringkat global sedang menjalani pembaharuan untuk meningkatkan prestasi dan tadbir urus mereka. Dengan mengambil langkah tersebut, IPA dapat mengelakkan konflik kepentingan, pertindihan usaha dan pembaziran sumber.

Setakat ini, terdapat lebih daripada 30 IPA di dalam negara. Ini merangkumi agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri dan sektor khusus di peringkat persekutuan yang kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu menggalakkan pelaburan dalam bidang kuasa masing-masing. Selaras dengan trend global dalam penyelarasan IPA, mesyuarat pertama Majlis Pelaburan Negara (NIC) pada 19 Mei 2023 telah menggariskan satu inisiatif strategik untuk melihat semula landskap promosi pelaburan di Malaysia.

Inisiatif ini melibatkan pendekatan 'keseluruhan negara' secara berperingkat yang meletakkan MIDA sebagai IPA utama negara dan menyelaraskan fungsi dan peranan IPA lain serta koridor ekonomi wilayah. Dengan langkah ini, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) berharap dapat mengurangkan kekeliruan, pertindihan dan ketidakcekapan yang wujud akibat terlalu banyak IPA, sekaligus memberi manfaat kepada pelabur dan penggubal dasar.



Langkah Awal Ke Arah Rasionalisasi

Bagi memulakan inisiatif rasionalisasi, semua IPA di peringkat persekutuan akan memusatkan fungsi promosi dan pemasaran pelaburan mereka di bawah MIDA mulai 1 Januari 2024. IPA lain akan memberi fokus kepada memudahkan cara pelaburan dan merealisasikan projek yang diluluskan, meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan untuk pelabur dengan mengelakkan pertindihan dan ketidakselarasan.

Dua mekanisme utama memacu kemajuan rasionalisasi bagi rangka kerja IPA dengan objektif utama untuk meningkatkan aliran masuk pelaburan asing dan mengukuhkan pelaburan domestik adalah:

1 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan (ICCM)

ICCM yang terdiri daripada kementerian dan agensi berkaitan pelaburan di peringkat persekutuan dan negeri, menggalakkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Objektifnya termasuk:



Memperkukuh ekosistem perniagaan dan perindustrian Malaysia (termasuk infrastruktur dan bakat)



Menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik yang berkualiti tinggi



Menyelaraskan semua strategi penggalakan pelaburan dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA)

Mesyuarat pertama ICCM pada 21 November 2023 membincangkan langkah memperkemas rancangan pembangunan industri antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, termasuk mewujudkan kluster ekonomi di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030

2 Pasukan Petugas Penggalakan & Fasilitasi Pelaburan (TFPFI)

Ditubuhkan oleh MIDA pada Oktober 2023 dan bersidang setiap suku tahun, TFPFI mempercepatkan usaha penyelarasan untuk aktiviti promosi dan pemasaran. Tanggungjawabnya termasuk:



Menyemak dan menjejak petunjuk pelaburan berpotensi



Berinteraksi dengan bakal pelabur



Menjadikan Malaysia destinasi pilihan pelabur dengan menyelaraskan proses, meningkatkan penyelarasan dan mewujudkan rangka kerja dinamik bagi menarik dan memudahkan cara pelaburan di kalangan IPA



Mencapai Hasil yang Diinginkan

Rasionalisasi berterusan rangka kerja IPA negara dijangka akan meningkatkan daya saing dan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan, selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI dan NIA. Malaysia mensasarkan pelaburan strategik yang menyumbang kepada objektif pembangunan negara, seperti inovasi, keterangkuman dan kelestarian.

Rasionalisasi IPA akan memperkasakan MIDA untuk memainkan peranan yang lebih strategik dan proaktif dalam mempromosi dan memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, di samping menyediakan perkhidmatan pasca pelaburan kepada pelabur sedia ada. Dengan memanfaatkan rangkaian 21 pejabat luar negara dan 12 pejabat negeri, MIDA mendekati pelabur berpotensi dan memberikan mereka maklumat dan bantuan yang berkaitan.

Inisiatif strategik ini yang digandingkan dengan cadangan nilai negara, menekankan komitmen berterusan negara untuk memacu promosi pelaburan, membangunkan persekitaran pelaburan yang kondusif dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk pelabur.

5.0

INVE

MELANGKAH KE HADAPAN

"Ekonomi global memperlihatkan daya tahan sebenar walaupun dihimpit lonjakan inflasi yang tinggi sejak dua tahun lalu dan keperluan untuk mengetatkan dasar monetari. Pertumbuhan didapati masih bertahan, sementara inflasi dijangka kembali ke garis sasaran bank pusat menjelang akhir tahun 2025 di kebanyakan ekonomi G20. Dasar monetari perlu kekal berhemat meskipun bank pusat mungkin mula menurunkan kadar faedah pada tahun ini, tertakluk kepada keredaan kadar inflasi. Dasar fiskal perlu membina semula ruang fiskal melalui usaha yang lebih kukuh untuk membendung pertumbuhan perbelanjaan. Dalam masa yang sama, kita perlu berganding bahu untuk mencergaskan semula perdagangan, meningkatkan daya tahan rantai bekalan dan menangani cabaran yang dikongsi bersama, khususnya perubahan iklim."

Mathias Cormann, Ketua Setiausaha OECD
(*Economic Outlook Interim Report* Februari 2024, 5 Februari 2024)



ESTIMOTE



HARAPAN UNTUK MASA DEPAN

Ekonomi global dijangka terus berkembang pada kadar sederhana pada tahun 2024 selaras dengan tekanan inflasi yang dijangka semakin berkurangan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, ketegangan geopolitik masih kekal di luar jangkauan. Di tengah-tengah persekitaran global yang tidak menentu, Malaysia kekal fokus untuk mempercepatkan reformasi dalam mengukuhkan asas ekonomi dan menyokong peralihan negara ke arah ekonomi rendah karbon, berpacuan digital dan berdaya saing tinggi dalam mengungguli perdagangan dan pelaburan

Malaysia berada di kedudukan yang kukuh untuk menghadapi ketidakpastian ekonomi global pada tahun 2024 dipacu oleh pelaksanaan inisiatif-inisiatif reformasi lalu dan pelancaran beberapa tindakan dasar baharu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walaupun prospek pertumbuhan Malaysia mungkin dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi dunia, permintaan domestik yang berdaya tahan dijangka akan mengimbangi kelemahan sektor luar ini. Kerajaan kekal fokus dan komited untuk melaksanakan strategi yang akan mempercepatkan lagi pembaharuan ke arah ekonomi rendah karbon, berpacuan digital dan berdaya saing tinggi dalam mengungguli perdagangan dan pelaburan.

Ini merupakan komitmen jangka panjang negara dalam menghadapi persekitaran pasaran yang tidak menentu dan prospek ekonomi global yang kurang memberangsangkan untuk tahun 2024 seperti yang diunjurkan oleh institusi antarabangsa seperti Tabung

Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan Bank Dunia. Prospek ekonomi global adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kesan pengetatan dasar monetari yang dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menangani lonjakan inflasi, peningkatan ketegangan geopolitik dan pengurangan sokongan fiskal disebabkan tahap keberhutangan kerajaan yang tinggi di seluruh dunia.


Menurut kemas kini Laporan Tinjauan Ekonomi Dunia oleh IMF pada Januari 2024, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dijangka akan kekal stabil pada kadar 3.1 peratus pada tahun 2023 dan 2024, sebelum meningkat kepada 3.2 peratus pada tahun 2025, di mana pasaran baru muncul dan ekonomi membangun akan berkembang secara lebih pesat berbanding ekonomi maju. Secara keseluruhan, unjuran pertumbuhan global kekal di



bawah pencapaian purata pada tahun 2000-2019 iaitu 3.8 peratus. Dari sisi positif, inflasi global dijangka akan menurun daripada 6.8 peratus pada tahun 2023 kepada 5.8 peratus pada tahun 2024 dan 4.4 peratus

pada tahun 2025. Selanjutnya, inflasi di kebanyakan negara berkemungkinan akan kembali ke garis sasaran menjelang tahun 2025.

UNJURAN PERTUMBUHAN



Sumber: IMF World Economic Outlook Update, Januari 2024


IMF mengesyorkan penumpuan terhadap pembaharuan struktur tadbir urus dan peraturan perniagaan bagi merangsang pertumbuhan produktiviti dan melonggarkan kekangan aktiviti ekonomi. Selain itu, inisiatif untuk meningkatkan pelaburan hijau yang memacu peralihan kepada ekonomi rendah karbon, serta inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama pelbagai hala dan menghadkan perpecahan geoekonomi, juga penting untuk terus merangsang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Sementara itu, OECD terus meramalkan penguncupan ekonomi global berdasarkan laporan interim Tinjauan Ekonomi Februari 2024 yang mengunjurkan kadar pertumbuhan akan berkurang daripada 3.1 peratus pada tahun 2023 kepada 2.9 peratus pada tahun 2024, sebelum meningkat kepada 3 peratus pada tahun 2025. Unjuran ini disokong oleh pemulihan dalam pertumbuhan pendapatan sebenar dan kadar faedah yang lebih rendah. Asia dijangka akan menjadi pemacu utama pertumbuhan global pada tahun 2024-2025.

UNJURAN PERTUMBUHAN KDNK MENGIKUT RANTAU

Pertumbuhan global dijangka kekal pada paras sederhana

Pertumbuhan KDNK sebenar



Catatan: Purata jangka panjang meliputi pertumbuhan KDNK dunia tahunan daripada tahun 2000 hingga 2019. Kawasan berlorek menunjukkan tempoh unjuran.

Sumber: *OECD Economic Outlook*, November 2023

Dalam jangka masa panjang, kadar keberhutangan kerajaan dijangka akan meningkat dan mendatangkan risiko kepada ekonomi. Oleh itu, OECD menyarankan supaya ruang fiskal dibina semula untuk menyokong negara dalam menghadapi kejutan di masa hadapan dan mengukuhkan pertumbuhan. Dasar-dasar bagi meningkatkan persaingan, pelaburan, kemahiran dan kerjasama dalam menangani perdagangan dan perubahan iklim juga penting untuk meningkatkan prospek pertumbuhan.

Saranan ini tepat pada masanya memandangkan laporan Prospek Ekonomi Global Januari 2024 oleh Bank Dunia mengunjurkan pertumbuhan global pada separuh pertama era 2020-an adalah yang paling lemah dalam tempoh tiga dekad sekiranya tiada tindakan pembetulan arah yang signifikan dilaksanakan. Oleh itu, pembaharuan struktur untuk meningkatkan pelaburan dan pertumbuhan produktiviti, serta pengukuhan rangka kerja dasar fiskal harus dilaksanakan.

Laporan ini menjangkakan pertumbuhan KDNK global yang perlahan untuk tiga tahun berturut-turut daripada 2.6 peratus pada tahun 2023 kepada 2.4 peratus pada tahun 2024– catatan yang paling rendah untuk setengah dekad sejak era 1990-an– sebelum ia melonjak kepada 2.7 peratus pada tahun 2025.

Secara khususnya, pertumbuhan di rantau Asia Timur dan Pasifik (EAP) dianggarkan akan menyusut daripada 5.1 peratus pada tahun 2023 kepada 4.5

peratus pada tahun 2024 dan 4.4 peratus pada tahun 2025, dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan PRC ekoran kemerosotan sektor hartanah.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan di rantau EAP (tidak termasuk PRC) dijangka akan meningkat daripada 4.4 peratus pada tahun 2023 kepada 4.7 peratus pada tahun 2024 dan 2025, disokong oleh keteguhan permintaan domestik. Risiko terhadap unjuran kekal cenderung ke bawah, berpunca daripada kemerosotan ketara di PRC yang memberi kesan kepada ekonomi serantau; ditambah pula dengan peningkatan ketegangan geopolitik yang mungkin mendorong harga tenaga dan makanan serta inflasi melonjak lebih tinggi.

Inflasi berkemungkinan akan menyusut di kebanyakan negara EAP pada tahun 2024 disebabkan penyederhanaan harga komoditi global, penambahbaikan bekalan makanan dan jangkaan pemulihan inflasi. Namun begitu, kadar faedah secara amnya dijangka akan kekal tidak berubah pada tahun 2024 memandangkan bank pusat berusaha menangani kesan dasar monetari yang ketat di ekonomi-ekonomi maju utama, kadar pertukaran dan aliran keluar modal yang lemah, serta risiko lonjakan semula inflasi.

Menurut Bank Pembangunan Asia (ADB), prospek pembangunan Asia secara keseluruhannya kekal utuh didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Bagi Asia Tenggara khususnya, pertumbuhan dijangka akan meningkat daripada 4.3 peratus pada

tahun 2023 kepada 4.7 peratus pada tahun 2024, berdasarkan laporan tambahan ADB pada Disember 2023 dalam Tinjauan Pembangunan Asia (ADO).

Pertumbuhan bagi kebanyakan ekonomi pada tahun 2024 dijangka akan didorong secara khususnya oleh pelaburan awam yang lebih tinggi dan peningkatan perbelanjaan pengguna, terutamanya dalam sektor hotel/restoran dan aktiviti pelancongan, susulan pemulihan signifikan pelancongan antarabangsa di seluruh Asia Tenggara.

Berada di Landasan

Bank Pembangunan Asia (ADB) mengunjurkan Malaysia mengalami pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2024. Risiko penurunan unjuran pertumbuhan negara masih berpunca daripada kelemahan permintaan global, di mana eksport negara bagi produk elektrik dan elektronik (E&E), petroleum dan minyak sawit dijangka kekal kurang memberangsangkan. Jangkaan inflasi negara pada tahun 2024 adalah pada kadar purata 2.7 peratus.

Di sebalik persekitaran global yang lemah, IMF mengunjurkan bahawa pertumbuhan Malaysia akan meningkat kepada 4.3 peratus pada tahun 2024. Susulan pelengkapan 2024 *Article IV Mission to Malaysia* pada Disember 2023, IMF menyatakan bahawa penggunaan dan pelaburan swasta yang berdaya tahan serta pemulihan dalam perbelanjaan awam akan membantu negara untuk menghadapi kemelut luar dengan baik.

IMF mendapati bahawa inisiatif dasar Kerajaan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) serta pelan-pelan strategik negara yang menyusulnya berupaya memangkin pertumbuhan negara dalam jangka masa sederhana ke arah status berpendapatan tinggi.

Pada November 2023, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) menekankan bahawa asas ekonomi Malaysia kekal teguh disokong oleh kepelbagaian pasaran dan produk eksport negara yang dijangka akan membantu mengurangkan kesan permintaan global yang lemah; kedudukan luaran yang kukuh, dengan kedudukan pemiutang bersih yang mampan dan lebih berterusan dalam baki akaun semasa; serta pasaran kewangan kukuh yang menyokong pembangunan.

Unjuran pertumbuhan rasmi Malaysia bagi tahun 2024 kekal pada kadar 4 hingga 5 peratus pada tahun 2024 seperti yang dilaporkan oleh BNM dan Kementerian Kewangan (MoF). Unjuran pertumbuhan ini lebih pesat berbanding kadar 3.7 peratus pada tahun 2023 dan didorong oleh pengembangan dalam permintaan domestik, khususnya perbelanjaan pengguna disebabkan oleh prospek pekerjaan dan pendapatan yang stabil, serta pelaburan swasta dan awam.

BNM berpendapat bahawa prospek pertumbuhan pelaburan adalah positif berdasarkan peningkatan aktiviti yang disumbang oleh kemajuan projek infrastruktur yang dijalankan dalam tempoh beberapa tahun seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Sistem Transit Rapid Johor Bahru–Singapura (RTS-Link), Infrastruktur MyDigital 5G dan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1a. Antara faktor yang akan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan adalah penstabilan kos bahan dan pemulihan masalah kekurangan buruh.

Walaupun eksport Malaysia menurun pada tahun 2023, pemulihan dijangka berlaku secara beransur-ansur pada masa hadapan dipacu peningkatan dalam kitaran teknologi global. Menurut Perangkaan Perdagangan Semikonduktor Dunia, jualan semikonduktor global, yang mengalami penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 8.2 peratus pada tahun 2023, dijangka akan berkembang sebanyak 13.1 peratus pada tahun 2024. Ini berpotensi untuk melonjakkan kadar eksport Malaysia, terutamanya bagi produk E&E.

Pertumbuhan Malaysia juga akan disokong oleh pemulihan pelancongan masuk yang berterusan ke paras pra-pandemik, disumbangkan secara amnya oleh pelancong serantau dari negara Singapura, Indonesia dan Thailand.

BNM menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sekali pada tahun 2023 pada kadar 0.25 mata peratus menjadi 3.0 peratus. Tahap OPR ini menunjukkan bahawa Kerajaan masih mengekalkan dasar monetari yang menyokong ekonomi. Data BNM menunjukkan bahawa inflasi utama menurun daripada 3.3 peratus pada tahun 2022 kepada 2.5 peratus pada tahun 2023.

Bank pusat serta Kementerian Kewangan menerusi laporan Tinjauan Ekonomi 2024 mengunjurkan bahawa inflasi akan berlegar antara kadar 2.1 dan 3.6 peratus pada tahun 2024.

Berdasarkan Tinjauan Makroekonomi 2024 yang diterbitkan pada Januari 2024, Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) menyatakan bahawa penyusutan inflasi dan pengurangan tekanan ke atas ringgit seharusnya membolehkan BNM untuk mengekalkan pendirian sokongannya dan mengekalkan OPR pada kadar 3 peratus sehingga tahun 2024 untuk menyokong ekonomi negara dalam menghadapi ketidakpastian global yang sedang berlangsung. Laporan MARC juga menganggarkan bahawa inflasi akan berlegar pada paras sekitar 2.5 hingga 3 peratus pada tahun 2024.

Pada sisi positif, MoF mengunjurkan pelaburan swasta Malaysia akan meningkat sebanyak 5.4 peratus pada tahun 2024, hasil rangsangan pelaburan projek-projek baharu dan sedia ada untuk pusat data, bangunan komersial dan fasiliti perindustrian. Unjuran ini merupakan peningkatan ketara berbanding pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2023, dan mencerminkan sentimen perniagaan dan faktor luaran semakin bertambah baik.

Berdasarkan laporan *Global Investment Trends Monitor* yang diterbitkan pada 17 Januari 2024 oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD), aliran FDI dijangka akan menunjukkan peningkatan sederhana pada tahun 2024. Tinjauan positif ini adalah berdasarkan penyederhanaan kadar inflasi dan pengurangan kos pinjaman dalam pasaran utama yang menunjukkan bahawa syarat pembiayaan untuk projek antarabangsa semakin stabil dan ini boleh memberi manfaat kepada Malaysia. Namun begitu, UNCTAD turut menyedari risiko-risiko yang boleh membawa kemerosotan, antaranya peningkatan ketegangan geopolitik, lonjakan paras hutang di kebanyakan negara dan kebimbangan terhadap kemerosotan ekonomi yang berlanjutan.

Ramuan Kejayaan

Maybank Investment Bank (Maybank IB) melabelkan tahun 2024 sebagai tahun “pelancaran” bagi peralihan ekonomi jangka sederhana hingga panjang bagi negara Malaysia dipacu oleh pelan tindakan dan perundangan baharu Kerajaan seperti Kerangka Ekonomi MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR), Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) serta Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga.

Kesemua inisiatif Kerajaan ini yang diperkenalkan untuk menarik pelaburan berteknologi dan bernilai tinggi dijangka akan disambut baik oleh pelabur dan menyuntik momentum dalam rancangan-rancangan pembangunan negara.

Ekonomi MADANI: Kerangka Pemerkasaan Rakyat – Menyemarakkan Era Pertumbuhan Baharu Negara

“Ekonomi MADANI: Kerangka Pemerkasaan Rakyat” telah dilancarkan pada Julai 2023 bagi mengemudi Malaysia di laluan ekonomi yang disasarkan dalam tempoh dekad mendatang. Kerangka ini bertujuan untuk menyusun semula dan menjulang Malaysia menjadi sebuah ekonomi terkemuka di Asia dan meningkatkan keterangkuman bagi memastikan seluruh rakyat memperoleh manfaat pertumbuhan ekonomi secara saksama dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

EKONOMI MADANI: KERANGKA PEMERKASAAN RAKYAT

Sasaran jangka pendek dan sederhana untuk 10 tahun akan datang adalah seperti berikut:



Sasaran jangka pendek

- ◆ Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek berkaitan sekolah dan klinik uzur
- ◆ Untuk membasmi kemiskinan tegar



Sasaran jangka sederhana

- ◆ Untuk meletakkan Malaysia di kalangan 30 ekonomi terbesar di dunia
- ◆ Untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan 12 negara teratas di dunia dalam Indeks Daya Saing Global
- ◆ Untuk meningkatkan peratusan pendapatan buruh kepada 45 peratus daripada jumlah pendapatan
- ◆ Untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita kepada 60 peratus
- ◆ Untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan 25 negara tertinggi di dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia
- ◆ Untuk menambah baik kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah untuk menjadi antara 25 negara terbaik di dunia
- ◆ Untuk mencapai kemampanan fiskal dengan defisit fiskal sebanyak 3 peratus atau lebih rendah

Pada asasnya, Kerangka Ekonomi MADANI berperanan sebagai teras kepada dasar pemangkin yang lain seperti NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12.

Antara lain, inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam dasar ini bertujuan untuk memanfaatkan kekuatan sedia ada Malaysia untuk meraih potensi peluang pelaburan merentasi pelbagai sektor negara.

la menyediakan garis panduan, penambahbaikan infrastruktur serta peruntukan geran dan insentif untuk menarik pelabur antarabangsa meneroka peluang baru muncul di samping memacu perniagaan-perniagaan tempatan ke pentas global.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) – Transformasi Landskap Sosioekonomi

Selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI, Kerajaan telah memperkenalkan 17 langkah besar di bawah KSP RMKe-12 untuk memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia. Langkah-langkah ini termasuk memajukan industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV); meningkatkan kemampanan fiskal; menyasar semula subsidi; mempercepatkan peralihan tenaga; memacu pendigitalan dan teknologi melalui GovTech atau Teknologi Kerajaan; memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS); memperbaharui perlindungan sosial; mengakulturasi masyarakat; mempertingkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam; serta mengukuhkan pasaran buruh dan gaji bagi menjamin ketersediaan bakat untuk masa hadapan.

Di bawah KSP RMKe-12, keutamaan diletakkan dalam mempercepatkan pembangunan sumber pertumbuhan baharu, khususnya dalam sektor HGHV, bagi menjamin kemampanan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, MIDA dan MITI memainkan peranan utama untuk memacu pembangunan industri HGHV yang disasarkan di bawah KSP RMKe-12 dengan menarik dan memudah cara pelaburan berkualiti yang dapat mengukuhkan ekosistem industri. Industri HGHV ini adalah seperti berikut:

Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi

– penumpuan dalam segmen reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer

Industri HGHV Pertanian dan Asas Tani

– memacu pemodenan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar dan menggalakkan amalan rendah karbon

Industri HGHV Nadir Bumi

– membangunkan model perniagaan yang komprehensif untuk Elemen Nadir Bumi (REE) meliputi aktiviti hulu, pertengahan dan hiliran, termasuk penyelidikan & pembangunan & pengkomersilan & inovasi (R&D&C&I) untuk memaksimumkan keluaran dan produk tempatan

Industri HGHV Digital dan Berasaskan Teknologi

– mengukuhkan ekosistem modal teroka menerusi tumpuan kepada pelabur malaikat dan pembiayaan awal untuk menggalakkan keusahawanan dan inovasi

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) – Langkah Besar ke Arah Ekonomi Rendah Karbon

NETR berhasrat untuk mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah masa hadapan yang lebih hijau. Pelan hala tuju ini membuka laluan yang jelas untuk meneroka kompleksiti peralihan tenaga pada skala besar daripada ekonomi berasaskan bahan api fosil tradisional kepada ekonomi hijau yang bernilai tinggi. Senario ‘Peralihan Bertanggungjawab’ (RT) yang diperkenalkan di bawah NETR akan menyokong usaha Malaysia untuk mencapai sifar bersih seawal tahun 2050.

Pendekatan RT dianggarkan mampu menjana peluang pelaburan berjumlah antara RM1.2 trilion hingga RM1.3 trilion menjelang tahun 2050, menyumbang tambahan RM220 bilion kepada KDNK negara dan mewujudkan kira-kira 310,000 peluang pekerjaan dalam pertumbuhan hijau pada tahun 2050.

Sehubungan itu, pendekatan RT mewujudkan peluang besar kepada pelabur domestik dan antarabangsa untuk memanfaatkan trend pasaran yang lebih hijau dan menyertai sektor tenaga Malaysia yang sedang tumbuh dan berkembang pesat untuk meraih pulangan yang besar.

Antara bidang pelaburan utama ialah tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, penyimpanan tenaga, elektrifikasi pengangkutan, grid pintar dan hidrogen hijau.

Ini juga selaras dengan enam (6) penggerak peralihan tenaga yang telah dikenal pasti di bawah NETR untuk memacu peralihan Malaysia kepada ekonomi tenaga bersih dan rendah karbon.

Penggerak-penggerak tersebut adalah:

(i) Kecekapan Tenaga (EE) – untuk menawarkan penyelesaian jangka panjang yang berkesan dalam mengurangkan intensiti tenaga dan pelepasan karbon dioksida (CO₂)

(ii) Tenaga Boleh Baharu (RE) – untuk menyahkarbon sistem elektrik negara dengan menasarkankan 70 peratus kapasiti RE terpasang dalam campuran tenaga menjelang tahun 2050

(iii) Hidrogen – untuk menggalakkan potensi hidrogen sebagai sumber pembawa tenaga rendah karbon yang serba guna dan mampan, serta sebagai alternatif kepada gas asli dalam pelbagai sektor termasuk industri, pengangkutan dan penjaan kuasa

(iv) Biotenaga – untuk memanfaatkan potensi biotenaga Malaysia dengan tumpuan kepada dua segmen utama iaitu biotenaga berkaitan pertanian dan sisa bukan pertanian seperti minyak masak terpakai dan sisa pepejal perbandaran

(v) Mobiliti Hijau – untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam segmen pengangkutan, dengan tumpuan kepada beberapa kategori kritikal iaitu pengangkutan darat meliputi kenderaan ringan dan berat, penerbangan serta pengangkutan marin

(vi) Penangkapan – Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) – untuk mengumpul dan menyimpan CO₂ daripada pelbagai sumber seperti kilang dan loji kuasa yang berpotensi untuk digunakan di masa hadapan

Selain itu, NETR juga telah mengenal pasti 10 projek perdana untuk dilaksanakan bagi melancarkan peralihan tenaga Malaysia. Projek perdana ini sahaja dijangka akan menarik pelaburan sebanyak lebih RM25 bilion, mewujudkan 23,000 peluang pekerjaan dan mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak persamaan lebih 10,000 Gigagram CO₂ setiap tahun.

Bagi menangani jurang pembiayaan dalam usaha ini, Kerajaan telah komited memperuntukkan sebanyak RM2 bilion sebagai dana awal dalam Fasiliti Peralihan Tenaga Nasional untuk membolehkan pemangkin kewangan secara teradun bagi menyokong projek-projek peralihan tenaga, terutamanya yang membawa pulangan yang lebih rendah daripada pasaran. MIDA menggalakkan pelabur untuk memanfaatkan peruntukan belanjawan Kerajaan ini untuk meraih peluang-peluang yang muncul dalam sektor tenaga di Malaysia.

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 – Menjulung Taraf Sektor Perkilangan

NIMP 2030 juga meletakkan negara di landasan pembangunan yang memberangsangkan dengan mengenal pasti langkah-langkah pembaharuan untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi dan produktiviti sektor perkilangan. Sektor perkilangan pastinya akan memainkan peranan utama dalam

mencapai hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, memadangkan sektor ini menyumbang sejumlah 23.4 peratus kepada KDNK negara. Negara tidak lagi bergantung kepada industri berintensifkan buruh dan buruh asing berkemahiran rendah, sebaliknya beralih ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi seperti reka bentuk dan pembangunan, pembangunan produk, pengurusan rantai bekalan dan penyediaan penyelesaian perkhidmatan bersepadu.

Salah satu strategi utama di bawah NIMP 2030 adalah untuk memanfaatkan limpahan sumber di Malaysia bagi tujuan aplikasi hiliran. Melangkah ke hadapan, Malaysia berhasrat untuk melahirkan jaguh tempatan yang menerajui penggunaan bahan termaju seperti *graphene*, *nitinol*, nadir bumi dan *microcrystalline cellulose* (MCC) untuk membangunkan produk inovatif dalam sektor-sektor strategik seperti elektrik & elektronik (E&E), peranti perubatan, farmaseutikal dan aeroangkasa. Kerajaan akan terus memainkan peranan mengeratkan kerjasama antara MNC dan syarikat tempatan termasuk PKS untuk merangsang pemindahan teknologi serta menyediakan akses yang lebih baik kepada pembiayaan, bakat dan infrastruktur bagi R&D dan pengkomersilan. Kesemua usaha ini disasarkan untuk memacu syarikat domestik ke arena perkilangan global.






Selain menarik lebih banyak pelaburan berkualiti ke dalam ekonomi, Kerajaan juga akan menajamkan fokusnya kepada realisasi pelaburan. Dalam hal ini, inisiatif yang sedang dijalankan oleh Kerajaan dan diterajui oleh MIDA untuk menyusun semula landskap agensi penggalakan pelaburan (IPA) dijangka akan meningkatkan penyelarasan peranan IPA Persekutuan dalam memudah cara dan memantau pelaburan dan memastikan pelabur dapat mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pelaburan mereka.

Bajet 2024 – Mengorak Langkah dalam Perjalanan Transformatif





Bajet 2024 yang dibentangkan pada 13 Oktober 2023 adalah yang terbesar dalam sejarah Malaysia, melibatkan peruntukan berjumlah RM393.8 bilion yang meliputi perbelanjaan mengurus sebanyak RM303.8 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM90 bilion.

Bajet ini membentuk langkah sokongan bagi menarik pelaburan dan membantu merealisasikan visi Kerangka Ekonomi MADANI dan dasar-dasar berkaitan seperti NETR dan NIMP 2030.

PETIKAN INISIATIF UTAMA DI BAWAH BAJET 2024

Elemen Teras		Kandungan	Objektif									
1	Dana NIMP	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan sebanyak RM200 juta telah ditetapkan sebagai dana awal untuk membiayai pelaksanaan projek dan program NIMP pada tahun 2024 	Memacu aktiviti ekonomi bernilai tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan									
2	Sistem Cukai Minimum Global (GMT) 	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mempersiapkan syarikat mengadaptasi standard percukaian global baharu selaras dengan garis panduan antarabangsa mengenai amalan fiskal bertanggungjawab yang turut dilaksanakan oleh Malaysia GMT akan dilaksanakan menjelang tahun 2025 dan dikenakan ke atas syarikat yang mempunyai pendapatan global sekurang-kurangnya EURO 750 juta Untuk memantau perkembangan GMT di peringkat antarabangsa agar disesuaikan mengikut keperluan negara 	Memastikan sistem cukai global yang lebih saksama dan mampan									
3	Pembangunan ekosistem untuk kelompok E&E 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Kerian, Perak 	<p>Memperkuhkan ekosistem industri E&E di wilayah utara Semenanjung Malaysia</p> <p>Menggalakkan pertumbuhan industri berteknologi tinggi dan membangunkan hab inovasi di rantau ini</p>									
4	Hab pembangunan kimia dan petrokimia	<ul style="list-style-type: none"> Pakej insentif cukai baharu akan diperkenalkan untuk mengangkat Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) sebagai hab sektor kimia dan petrokimia 	<p>Merangsang pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi</p> <p>Meningkatkan daya saing PIPC</p>									
5	Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Penyelaras Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) atau Investment Trade Action Coordination Committee (ITACC)	<ul style="list-style-type: none"> JTPPP ditubuhkan untuk memperkuhkan penyelarasan proses berkaitan pelaburan melalui pelaporan isu-isu pelaksanaan, khususnya bagi projek-projek pelaburan strategik, secara terus kepada Majlis Pelaburan Negara (NIC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri 	<p>Mempercepatkan pelaksanaan projek pelaburan dan perdagangan, khususnya projek strategik dan ikonik</p> <p>Mempercepatkan perolehan manfaat dari limpahan ekonomi untuk dinikmati oleh rakyat</p> 									
6	Skim Insentif Pelaburan Semula di bawah NIMP 2030 	<ul style="list-style-type: none"> Pengecualian pendapatan baharu bersamaan dengan elaun cukai pelaburan (ITA) diperkenalkan untuk syarikat yang melabur semula dalam sektor-sektor sasaran NIMP 2030 Skim ini adalah berdasarkan pendekatan kadar cukai berperingkat berasaskan hasil seperti berikut: <table border="1" data-bbox="502 1467 1013 1668"> <thead> <tr> <th>Elaun Cukai Pelaburan</th> <th>Tier 1</th> <th>Tier 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perbelanjaan Modal Berkelayakan</td> <td>100 peratus</td> <td>60 peratus</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan Berkanun untuk Ditolak</td> <td>100 peratus</td> <td>70 peratus</td> </tr> </tbody> </table> <p><small>Nota: Layak bagi permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028</small></p>	Elaun Cukai Pelaburan	Tier 1	Tier 2	Perbelanjaan Modal Berkelayakan	100 peratus	60 peratus	Pendapatan Berkanun untuk Ditolak	100 peratus	70 peratus	<p>Menawarkan insentif kepada syarikat sedia ada untuk melabur semula dalam projek bernilai tinggi dalam sektor-sektor sasaran NIMP 2030 bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi</p> <p>Menggalakkan projek pembesaran dan pelbagaian serta pembangunan kluster ekonomi baharu</p>
Elaun Cukai Pelaburan	Tier 1	Tier 2										
Perbelanjaan Modal Berkelayakan	100 peratus	60 peratus										
Pendapatan Berkanun untuk Ditolak	100 peratus	70 peratus										
7	Semakan Semula Elaun Modal Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Perisian Komputer	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh tuntutan dan kadar Elaun Modal untuk pemerolehan peralatan dan perisian telah disemak semula untuk menggalakkan syarikat melabur dalam teknologi Kadar Elaun Modal baharu adalah seperti berikut: <table border="1" data-bbox="502 1825 1013 2049"> <thead> <tr> <th>Perbelanjaan Layak</th> <th>Kadar Elaun Modal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer</td> <td>Elaun Awal: 40 peratus</td> </tr> <tr> <td>Khidmat nasihat, pelesenan dan yuran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer khusus</td> <td>Elaun Tahunan: 20 peratus</td> </tr> </tbody> </table> <p><small>Nota: Efektif bermula tahun taksiran 2024</small></p>	Perbelanjaan Layak	Kadar Elaun Modal	Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer	Elaun Awal: 40 peratus	Khidmat nasihat, pelesenan dan yuran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer khusus	Elaun Tahunan: 20 peratus	<p>Menggalakkan syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk terus mengikuti kemajuan teknologi bagi mengekalkan daya saing</p> 			
Perbelanjaan Layak	Kadar Elaun Modal											
Pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer	Elaun Awal: 40 peratus											
Khidmat nasihat, pelesenan dan yuran sampingan berkaitan pembangunan perisian komputer khusus	Elaun Tahunan: 20 peratus											

Bersambung pada halaman seterusnya

Elemen Teras		Kandungan	Objektif
8	Inisiatif Hab Perkhidmatan Global 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Insentif Cukai Hab Perkhidmatan Global diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan dalam hab perkhidmatan strategik di Malaysia. Skim ini menawarkan kadar cukai pendapatan sebanyak 5 peratus atau 10 peratus untuk syarikat yang layak sehingga 10 tahun ◆ Kadar cukai pendapatan sebanyak 15 peratus juga diberikan kepada individu bukan warganegara yang layak yang memegang jawatan utama/C-suite dengan gaji bulanan sekurang-kurangnya RM35,000 dan dilantik oleh syarikat baru yang diluluskan Insentif Cukai Hab Perkhidmatan Global ◆ Permohonan untuk insentif ini boleh dikemukakan kepada MIDA dari 14 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2027 	<p>Mengekalkan kelebihan daya saing sektor perkhidmatan Malaysia</p>
9	Semakan Semula Insentif Cukai Teknologi Hijau	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Insentif Cukai Teknologi Hijau telah dikaji semula untuk terus menggalakkan pelaburan dalam teknologi hijau ◆ Insentif yang dikaji semula ini kini berdasarkan pendekatan kadar cukai berperingkat dan merangkumi skop aktiviti layak yang lebih luas, termasuk Hidrogen Hijau, Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik, dan Tenaga Angin ◆ Permohonan untuk Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) untuk tujuan perniagaan dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) untuk Pajakan Solar boleh dikemukakan kepada MIDA dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026 ◆ Permohonan untuk aset GITA bagi kegunaan sendiri boleh dikemukakan kepada Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) dalam tempoh masa yang sama 	<p>Menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon yang inklusif dan mampan menjelang 2050</p> 
10	Projek penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) dan Hidrogen Sulfida	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Petroleum Nasional Berhad akan mengkaji dan merangka insentif cukai untuk projek CCS dan Hidrogen Sulfida ◆ Skim baru ini akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2024 	<p>Menggalakkan syarikat perkilangan untuk melabur dalam projek peralihan tenaga</p> <p>Menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam pasaran penangkapan karbon</p>
11	Pembangunan Bakat 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Program Akademi dalam Industri telah diperkenalkan untuk menyediakan kemahiran sambil bekerja selama tempoh sehingga 18 bulan, dengan peruntukan sebanyak RM70 juta ◆ Peruntukan sebanyak RM30 juta telah ditetapkan sebagai insentif untuk industri melatih tenaga kerja tempatan 	<p>Memupuk bakat masa hadapan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan</p> <p>Menangani kekurangan bakat tempatan dan ketidakpadanan kemahiran</p> <p>Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja bagi memacu daya saing Malaysia</p>
12	Fokus Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Sebanyak RM510 juta diperuntukkan sebagai dana R&D di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) ◆ Daripada jumlah itu, RM50 juta telah diperuntukkan sebagai geran padanan untuk universiti awam bekerjasama dengan sektor swasta bagi merangsang aktiviti penyelidikan dan inovasi yang boleh dikomersialkan ◆ Sebanyak RM76 juta juga disediakan untuk mengukuhkan ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dengan menyokong pengkomersialan produk yang dicipta oleh perusahaan perniagaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) serta jabatan dan agensi Kerajaan ◆ Program INNOVATHON, yang dilancarkan pada tahun 2023, memaparkan banyak ciptaan oleh bakat tempatan yang boleh dikomersialkan ◆ Oleh itu, program INNOVATHON akan diteruskan untuk memperkayakan dan memacu inovasi dalam kalangan rakyat ◆ Peruntukan sebanyak RM10 juta disediakan untuk teknologi E&E di bawah MIMOS Bhd, sektor angkasa di bawah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA); serta teknologi dron dan robotik di bawah Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) 	<p>Mencipta model pertumbuhan ekonomi yang diterajui oleh aktiviti-aktiviti R&D&C&I</p> <p>Meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global untuk menjadi antara 30 negara terbaik menjelang tahun 2025</p> 

Pada dasarnya, inisiatif-inisiatif yang digariskan di bawah Bajet 2024 adalah berpandukan pendekatan berdasarkan hasil untuk memacu keupayaan Malaysia dalam menarik pelaburan baharu dan menggalakkan pelaburan semula oleh pelabur sedia ada di negara ini. Selaras iltizam Kerajaan untuk menyemarakkan daya saing negara dan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia, inisiatif-inisiatif ini dijangka akan meningkatkan keyakinan pelabur domestik dan antarabangsa lalu menjulang negara sebagai destinasi perniagaan global yang strategik.

Langkah-langkah yang digariskan dalam Bajet 2024 menzahirkan tumpuan Kerajaan dalam memperkasakan sektor-sektor utama – terutamanya E&E, reka bentuk IC dan fabrikasi wafer; bahan kimia khusus; aeroangkasa; farmaseutikal dan peranti perubatan – yang mendorong transformasi ke masa hadapan yang maju dan makmur.

Keutamaan juga diletakkan dalam memupuk bidang pertumbuhan baharu seperti bahan termaju, EV, RE dan CCUS, sementara sektor perkhidmatan pula akan terus diperkukuhkan menerusi penggalakan pelaburan dalam perkhidmatan global dan digital.

Malaysia berada di laluan yang betul, dipacu oleh langkah-langkah transformatif, untuk memperkukuh kedudukannya sebagai kuasa ekonomi terkemuka di Asia menerusi pertumbuhan yang kukuh dan trajektori rendah karbon.

Pelbagai peluang perniagaan baharu terhampar luas untuk pelabur melalui pembaharuan dasar, pembangunan infrastruktur, penggalakan inovasi dan amalan yang mampan yang dijalankan oleh Kerajaan. MIDA bersedia untuk menyokong dan memudah cara perniagaan dari segenap sisi agar dapat merebut peluang yang muncul melalui penggalakan pelaburan yang bertanggungjawab di Malaysia.



6.0

LAMPIRAN



Lampiran 1: Projek Perkilangan yang Diluluskan, 2023 dan 2022

	2023		2022		
	BAHARU	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH
Bilangan	435	448	883	416	801
Peluang Pekerjaan	36,626	37,313	73,939	39,027	76,093
Jumlah Pelaburan (RM juta)*	56,451.5	95,516.3	151,967.7	35,019.7	84,274.1
Domestik (RM juta)	14,095.1	9,434.4	23,529.5	9,760.9	18,252.8
Asing (RM juta)	42,356.3	86,081.9	128,438.2	25,258.9	66,021.3

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 2: Projek Perkilangan Baharu yang Diluluskan mengikut Saiz Pelaburan Modal, 2023 dan 2022

	2023					2022				
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Kurang daripada RM2.5 juta	10	180	10.7	0.7	11.4	8	35	5.7	2.8	8.5
RM2.5 juta - < RM5.0 juta	33	563	84.9	35.7	120.6	25	410	74.4	21.5	95.9
RM5.0 juta - < RM10.0 juta	82	2,242	482.0	136.8	618.7	90	2,904	530.8	136.6	667.4
RM10.0 juta - < RM50.0 juta	238	14,714	3,457.0	1,866.1	5,323.1	227	13,849	3,650.4	1,171.0	4,821.4
RM50.0 juta - < RM100.0 juta	19	2,082	743.8	578.3	1,322.1	29	3,490	1,199.8	842.6	2,042.4
RM100.0 juta - < RM500.0 juta	32	4,170	1,497.1	5,093.2	6,590.3	24	5,356	2,269.1	2,490.1	4,759.2
RM500.0 juta - < RM1.0 bilion	8	3,418	1,955.4	4,120.8	6,076.1	7	4,840	0.0	4,758.1	4,758.1
RM1.0 bilion dan ke atas	13	9,257	5,864.3	30,524.9	36,389.2	6	8,143	2,030.7	15,836.2	17,866.8
JUMLAH	435	36,626	14,095.1	42,356.3	56,451.5	416	39,027	9,760.9	25,258.9	35,019.7

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 3: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Industri, 2023 dan 2022

INDUSTRI**	2023					2022				
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	120	23,121	3,003.0	82,424.3	85,427.3	106	27,072	1,398.6	27,853.1	29,251.7
Jentera & Peralatan	103	6,636	5,594.5	16,963.7	22,558.2	72	4,854	3,075.9	5,274.3	8,350.2
Kimia & Produk Kimia	80	4,902	2,687.9	6,218.2	8,906.1	71	2,860	1,627.4	5,724.9	7,352.3
Produk Mineral Bukan Logam	48	6,921	2,457.8	6,295.8	8,753.6	29	3,201	490.9	5,331.9	5,822.8
Kelengkapan Pengangkutan	50	4,931	1,990.2	5,076.6	7,066.8	49	3,815	1,446.5	6,602.7	8,049.1
Produk Plastik	81	4,249	866.1	3,271.7	4,137.8	82	3,788	806.9	615.1	1,422.0
Produk Fabrikasi Logam	153	7,509	1,926.6	2,156.8	4,083.5	79	3,899	889.1	765.6	1,654.7
Pengilangan Makanan	79	4,679	1,731.4	1,443.0	3,174.4	93	5,344	2,068.4	1,454.1	3,522.5
Produk Logam Asas	4	673	26.5	2,345.1	2,371.5	31	2,894	1,083.8	900.3	1,984.1
Peralatan Sainifik & Pengukuran	20	2,807	354.0	953.0	1,307.0	25	3,389	182.8	4,561.8	4,744.6
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	7	179	919.2	20.3	939.5	9	805	351.3	5,577.6	5,928.9
Produk Getah	13	1,200	726.7	171.1	897.8	22	7,592	3,183.6	418.3	3,601.9
Kertas, Percetakan & Penerbitan	37	1,950	408.8	200.0	608.8	42	2,400	486.6	605.9	1,092.5
Perabot & Kelengkapan	35	1,191	197.9	222.4	420.3	34	1,484	327.0	174.7	501.7
Kayu & Produk Kayu	16	782	264.2	128.7	392.9	22	791	155.5	74.3	229.8
Tekstil & Produk Tekstil	19	832	197.2	44.6	241.8	19	1,274	524.7	72.3	596.9
Kulit & Produk Kulit	1	145	0.0	235.0	235.0	1	16	3.8	0.0	3.8
Minuman & Tembaku	2	96	18.9	8.3	27.2	8	431	112.0	0.9	112.9
Lain-lain	15	1,136	158.7	259.4	418.1	7	184	38.1	13.6	51.6
JUMLAH	883	73,939	23,529.5	128,438.2	151,967.7	801	76,093	18,252.8	66,021.3	84,274.1

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

: **Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 4: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Pelaburan berjumlah RM100 juta dan ke atas, 2023

INDUSTRI**	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	12	3,688	1,000.1	10,117.3	11,117.4	28	14,398	1,602.4	71,061.0	72,663.4	40	18,086	2,602.5	81,178.3	83,780.8
Jentera & Peralatan	9	2,048	3,885.2	13,506.4	17,391.6	11	1,920	863.1	2,784.7	3,647.8	20	3,968	4,748.4	16,291.1	21,039.4
Produk Mineral Bukan Logam	6	3,316	1,411.8	3,015.3	4,427.1	4	1,818	471.0	2,875.4	3,346.4	10	5,134	1,882.8	5,890.6	7,773.4
Kimia & Produk Kimia	9	2,914	1,414.9	5,300.3	6,715.3	5	316	421.0	176.8	597.8	14	3,230	1,835.9	5,477.1	7,313.1
Kelengkapan Pengangkutan	4	1,858	910.0	4,611.5	5,521.5	5	1,080	508.1	269.5	777.6	9	2,938	1,418.1	4,881.0	6,299.1
Produk Plastik	2	835	0.0	864.9	864.9	6	1,534	478.9	1,939.0	2,417.9	8	2,369	478.9	2,803.9	3,282.8
Produk Logam Asas	-	-	-	-	-	1	615	0.0	2,299.9	2,299.9	1	615	0.0	2,299.9	2,299.9
Pengilangan Makanan	3	169	260.2	276.4	536.6	6	1,417	434.6	1,064.1	1,498.6	9	1,586	694.8	1,340.5	2,035.2
Produk Fabrikasi Logam	3	1,398	106.0	1,457.3	1,563.2	2	292	237.8	0.0	237.8	5	1,690	343.8	1,457.3	1,801.0
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	-	-	-	-	-	1	98	866.9	0.0	866.9	1	98	866.9	0.0	866.9
Peralatan Sainifik & Pengukuran	1	83	0.0	191.1	191.1	3	1,678	145.4	506.0	651.3	4	1,761	145.4	697.0	842.4
Produk Getah	2	381	328.6	141.8	470.4	1	175	232.3	27.8	260.2	3	556	560.9	169.6	730.6
Kulit & Produk Kulit	-	-	-	-	-	1	145	0.0	235.0	235.0	1	145	0.0	235.0	235.0
Perabot & Kelengkapan	1	80	0.0	122.7	122.7	-	-	-	-	-	1	80	0.0	122.7	122.7
Lain-lain	1	75	0.0	134.0	134.0	-	-	-	-	-	1	75	0.0	134.0	134.0
JUMLAH	53	16,845	9,316.8	39,738.8	49,055.6	74	25,486	6,261.6	83,239.2	89,500.8	127	42,331	15,578.4	122,978.0	138,556.4

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

: **Pelaporan Data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 5: Projek Perkilangan Baharu dan Pembesaran/Pelbagaian yang Diluluskan mengikut Industri, 2023 dan 2022

INDUSTRI**	2023						2022					
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	42	11,737.3	78	73,690.0	120	85,427.3	45	5,036.8	61	24,214.9	106	29,251.7
Jentera & Peralatan	50	18,140.9	53	4,417.3	103	22,558.2	28	2,137.8	44	6,212.4	72	8,350.2
Kimia & Produk Kimia	37	7,380.5	43	1,525.7	80	8,906.1	39	6,698.6	32	653.7	71	7,352.3
Produk Mineral Bukan Logam	33	5,189.5	15	3,564.2	48	8,753.6	20	3,043.9	9	2,778.9	29	5,822.8
Kelengkapan Pengangkutan	18	5,788.5	32	1,278.3	50	7,066.8	20	795.2	29	7,253.9	49	8,049.1
Produk Plastik	32	1,289.2	49	2,848.6	81	4,137.8	42	1,054.1	40	367.9	82	1,422.0
Produk Fabrikasi Logam	80	2,996.6	73	1,086.9	153	4,083.5	46	874.5	33	780.2	79	1,654.7
Pengilangan Makanan	47	1,301.1	32	1,873.3	79	3,174.4	65	1,509.6	28	2,013.0	93	3,522.5
Produk Logam Asas	1	26.5	3	2,345.1	4	2,371.5	14	867.3	17	1,116.7	31	1,984.1
Peralatan Sainifik & Pengukuran	6	248.5	14	1,058.5	20	1,307.0	9	3,706.3	16	1,038.3	25	4,744.6
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	2	37.8	5	901.7	7	939.5	6	5,649.0	3	279.8	9	5,928.9
Produk Getah	8	593.8	5	304.0	13	897.8	7	2,289.5	15	1,312.4	22	3,601.9
Kertas, Percetakan & Penerbitan	30	574.9	7	33.9	37	608.8	29	659.1	13	433.4	42	1,092.5
Perabot & Kelengkapan	24	399.8	11	20.5	35	420.3	16	215.1	18	286.6	34	501.7
Kayu & Produk Kayu	12	360.1	4	32.8	16	392.9	11	167.2	11	62.6	22	229.8
Tekstil & Produk Tekstil	8	151.2	11	90.7	19	241.8	9	164.6	10	432.3	19	596.9
Kulit & Produk Kulit	0	0.0	1	235.0	1	235.0	1	3.8	0	0.0	1	3.8
Minuman & Tembaku	0	0.0	2	27.2	2	27.2	6	110.9	2	2.0	8	112.9
Lain-lain	5	235.3	10	182.7	15	418.1	3	36.5	4	15.1	7	51.6
JUMLAH	435	56,451.5	448	95,516.3	883	151,967.7	416	35,019.7	385	49,254.4	801	84,274.1

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
: **Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 6: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Majoriti Milik Rakyat Malaysia mengikut Industri, 2023 dan 2022

INDUSTRI**	2023						2022					
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Jentera & Peralatan	31	5,035.3	37	1,283.9	68	6,319.2	18	283.2	26	2,806.6	44	3,089.8
Elektrik & Elektronik	12	1,181.7	17	2,347.3	29	3,529.0	18	575.6	21	801.9	39	1,377.5
Kimia & Produk Kimia	20	1,841.3	25	855.4	45	2,696.7	29	1,440.0	16	199.6	45	1,639.6
Produk Getah	8	593.8	4	301.5	12	895.3	7	2,289.5	13	901.2	20	3,190.7
Kelengkapan Pengangkutan	11	1,070.4	22	1,020.8	33	2,091.2	19	768.7	22	959.4	41	1,728.1
Pengilangan Makanan	44	1,035.6	25	559.3	69	1,594.9	57	1,260.4	17	347.7	74	1,608.1
Produk Fabrikasi Logam	59	1,188.7	55	750.1	114	1,938.8	38	580.2	27	326.4	65	906.5
Produk Mineral Bukan Logam	19	1,667.8	7	567.1	26	2,234.8	16	450.4	4	31.1	20	481.5
Produk Plastik	21	220.2	33	662.3	54	882.4	36	553.3	32	226.7	68	780.0
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	1	17.8	5	901.7	6	919.5	4	527.8	2	13.5	6	541.3
Produk Logam Asas	1	26.5	0	0.0	1	26.5	6	247.4	14	769.6	20	1,017.0
Kertas, Percetakan & Penerbitan	22	390.7	7	33.9	29	424.6	22	433.1	8	46.7	30	479.8
Tekstil & Produk Tekstil	5	110.7	10	85.0	15	195.7	6	123.6	10	432.3	16	555.9
Peralatan Sainifik & Pengukuran	4	35.4	4	318.6	8	354.0	4	55.5	10	132.4	14	187.9
Perabot & Kelengkapan	17	194.4	10	9.4	27	203.9	12	172.6	12	156.8	24	329.4
Kayu & Produk Kayu	8	231.6	4	32.8	12	264.3	9	103.8	10	53.1	19	157.0
Lain-lain	2	31.3	7	130.1	9	161.4	1	23.2	3	14.8	4	38.0
Minuman & Tembaku	0	0.0	1	12.3	1	12.3	6	110.9	1	2.0	7	112.9
Kulit & Produk Kulit	-	-	-	-	-	-	1	3.8	0	0.0	1	3.8
JUMLAH	285	14,873.0	273	9,871.4	558	24,744.5	309	10,003.0	248	8,221.7	557	18,224.7

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

: **Pelaporan data adalah berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)

Lampiran 7: Projek yang Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan mengikut Subsektor, 2023

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Pemesinan	15	586	215.1	39.4	254.5	15	484	170.7	51.7	222.4	30	1,070	385.8	91.1	476.9
Tuangan	2	523	23.0	324.3	347.4	1	93	0.0	19.2	19.2	3	616	23.0	343.5	366.6
Kejuruteraan Permukaan	7	445	122.2	16.1	138.3	3	192	0.0	93.5	93.5	10	637	122.2	109.6	231.7
Acuan, Peralatan & Dai	10	444	105.1	63.1	168.2	6	67	14.6	20.5	35.1	16	511	119.8	83.6	203.3
Jig & Lekapan	2	93	10.0	8.5	18.5	3	235	143.9	0.0	143.9	5	328	153.9	8.5	162.4
Pengecapan	3	152	12.1	29.9	42	2	102	29.8	0.0	29.8	5	254	41.8	29.9	71.8
JUMLAH	39	2,243	487.5	481.4	968.9	30	1,173	359	184.8	543.9	69	3,416	846.5	666.2	1,512.70

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 8: Projek yang Diluluskan dalam Industri Jentera & Peralatan mengikut Subsektor, 2023

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Jentera dan Peralatan Khusus untuk Industri Tertentu	6	1,073	41.3	6,506.0	6,547.3	14	1,198	803.3	2,459.1	3,262.4	20	2,271	844.6	8,965.1	9,809.7
Jentera, Peralatan & Alat Ganti Perindustrian Am	37	1,635	371.9	6,582.3	6,954.2	26	829	333.6	321.7	655.3	63	2,464	705.6	6,903.9	7,609.5
Senjata & Peluru	3	747	3,885.2	644.7	4,529.9	-	-	-	-	-	3	747	3,885.2	644.7	4,529.9
Modul Jentera/Peralatan atau Alat Ganti/Komponen Perindustrian	4	304	57.5	52.0	109.5	11	729	33.6	398.0	431.6	15	1,033	91.1	450.0	541.1
Jentera dan Peralatan Penjanaan Tenaga	-	-	-	-	-	1	121.0	61.3	0.0	61.3	1	121.0	61.3	0.0	61.3
Penyelenggaraan, Penaiktaratan atau Pembaikan M&E (Penggubahsuaian)	-	-	-	-	-	1	0	6.7	0.0	6.7	1	0	6.7	0.0	6.7
JUMLAH	50	3,759	4,356.0	13,784.9	18,140.9	53	2,877	1,238.5	3,178.8	4,417.3	103	6,636	5,594.5	16,963.7	22,568.2

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 9: Projek yang Diluluskan dalam Industri Elektrik & Elektronik mengikut Subsektor, 2023

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Komponen Elektronik	7	380	15.2	198.9	214.1	31	10,784	1,433.1	67,797.4	69,230.6	38	11,164	1,448.3	67,996.4	69,444.7
Komponen Elektrik	13	2,506	1,066.3	7,049.0	8,105.4	15	3,275	232.5	2,333.5	2,566.0	28	5,781	1,288.8	9,382.5	10,671.3
Elektronik Industri	11	2,322	80.3	2,996.1	3,076.4	15	2,007	147.9	1,582.3	1,730.2	26	4,329	228.2	4,578.4	4,806.6
Elektronik Penggunaan	6	415	11.6	172.9	184.5	12	1,032	16.1	118.1	134.2	18	1,447	27.7	291.0	318.7
Elektrik Perindustrian	4	132	6.8	143.8	150.6	-	-	-	-	-	4	132	6.8	143.8	150.6
Peralatan Elektrik	1	10	0	6.4	6.4	5	258	3.1	26.0	29.1	6	268	3.1	32.3	35.4
JUMLAH	42	5,765	1,170.2	10,567.1	11,737.3	78	17,356	1,832.8	71,857.2	73,690.0	120	23,121	3,003.0	82,424.3	85,427.3

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 10: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penglibatan Asing mengikut Sumber, 2023 dan 2022

NEGARA***	2023			2022		
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*
Belanda	15	889	34,854.1	11	3,458	8,784.2
Amerika Syarikat	27	6,063	18,119.7	24	10,844	4,300.4
Kepulauan Cayman	10	2,143	16,852.0	1	40	87.5
Singapura	122	15,293	12,870.2	83	9,849	9,609.9
Republik Rakyat China	64	9,305	11,992.0	46	6,193	9,554.9
Jepun	32	5,262	10,186.5	35	4,659	9,184.7
Sweden	6	260	5,158.5	1	109	163.0
Republik Korea	8	1,223	3,709.3	3	1,344	6,275.4
Hong Kong SAR, China	31	4,648	3,708.8	20	7,959	4,848.3
Belgium	3	366	3,035.1	2	239	330.6
Taipei	22	5,540	2,890.3	20	2,201	572.3
Jerman	3	859	1,315.0	13	2,156	8,775.2
Filipina	4	1,700	1,130.5	-	-	-
Seychelles	2	156	449.6	-	-	-
United Kingdom	10	420	351.6	11	1,021	659.7
Perancis	8	445	254.5	3	212	48.3
Switzerland	1	11	226.0	13	735	1,285.7
Kepulauan British Virgin	3	895	219.7	-	-	-
Itali	3	281	219.0	-	-	-
Australia	10	127	176.2	6	489	146.4
Thailand	4	335	101.2	2	63	46.0
Pakistan	2	129	97.6	-	-	-
Indonesia	5	445	95.9	-	-	-
Persekutuan Rusia	2	141	66.6	-	-	-
Luxembourg	2	140	63.8	1	109	12.9
Lain-lain	10	230	48.7	8	376	20.7
Emiriah Arab Bersatu	2	243	45.4	4	271	52.2
Turki	1	20	45.0	2	188	51.3
Denmark	2	16	39.7	2	123	136.7
Norway	3	185	32.3	-	-	-
Jordan	1	80	23.5	1	144	7.7
Bahamas	1	200	23.1	-	-	-
India	5	53	17.6	4	158	60.5
Ireland	2	67	14.1	1	650	650
Myanmar	1	7	3.1	-	-	-
Kanada	2	161	2.2	-	-	-
Afghanistan	-	-	-	1	75	112.6
Austria	-	-	-	2	132	68.5
Samoa	-	-	-	2	72	39.8
Mauritius	-	-	-	1	13	64
Syria	-	-	-	1	26	6.3
Yaman	-	-	-	1	0	0.0
Poland	-	-	-	1	19	64.7
Liechtenstein	-	-	-	1	5	0.7
JUMLAH	**	**	128,438.2	**	**	66,021.30

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 : **Angka ini tidak dijumlahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali
 : ***Pelaporan pelaburan asing adalah berdasarkan negara pelaburan langsung

Lampiran 11: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Negeri, 2023 dan 2022

NEGERI	2023						2022					
	BAHARU		PEMBESARAN/PELBAGAIAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/PELBAGAIAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Pulau Pinang	64	14,076.0	85	49,344.7	149	63,420.6	67	3,411.4	68	10,299.5	135	13,710.9
Kedah	28	11,576.8	35	15,248.6	63	26,825.4	24	2,152.0	18	9,831.2	42	11,983.2
Selangor	128	5,381.4	106	13,928.0	234	19,309.3	138	4,485.7	127	7,722.1	265	12,207.7
Johor	112	9,040.0	131	5,577.4	243	14,617.3	90	11,333.0	76	3,249.5	166	14,582.5
Sarawak	17	1,807.4	11	5,891.7	28	7,699.1	4	36.6	4	1,249.1	8	1,285.7
Negeri Sembilan	19	6,815.7	19	786.0	38	7,601.7	16	610.2	17	6,521.8	33	7,132.0
Melaka	11	455.6	14	2,865.0	25	3,320.6	12	548.4	21	6,544.1	33	7,092.5
Terengganu	8	3,234.1	2	40.0	10	3,274.1	8	298.0	3	12.0	11	310.0
Perak	21	1,504.9	22	1,265.7	43	2,770.6	23	1,097.6	30	2,818.3	53	3,915.9
Sabah	8	1,355.2	11	154.8	19	1,510.0	17	8,342.6	6	38.6	23	8,381.2
Pahang	9	1,036.6	6	343.6	15	1,380.2	6	2,513.9	7	23.50	13	2,537.3
Kelantan	8	138.3	3	30.6	11	168.9	4	54.5	3	938.0	7	992.5
W.P. Kuala Lumpur	2	29.4	3	40.3	5	69.7	6	132.7	5	6.7	11	139.4
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-	1	3.3	0	0.0	1	3.3
JUMLAH	435	56,451.5	448	95,516.3	883	151,967.7	416	35,019.7	385	49,254.4	801	84,274.1

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 12: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Perkhidmatan, 2023 dan 2022

SEKTOR PERKHIDMATAN	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
	2023	2022	2023	2022	2023	2022
Maklumat dan Komunikasi	338	391	23,829	13,712	63,698.1	86,697.6
Hartanah	1,565	754	TB	TB	60,950.1	28,959.2
Utiliti	48	20	TB	TB	11,143.9	11,409.0
Perdagangan Pengeedaran	1,145	1,242	21,701	35,948	11,129.8	6,232.4
Perkhidmatan Sokongan	722	788	2,687	4,875	10,457.6	4,190.2
Perkhidmatan Kewangan	42	49	178	124	6,313.9	11,196.1
Perkhidmatan Pengangkutan	37	30	690	390	1,344.3	1,475.7
Hotel & Pelancongan	13	16	678	1,917	1,182.0	2,066.1
Pertubuhan Global	83	102	648	1,223	878.2	1,971.3
Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	4	6	710	4,098	727.4	2,138.9
Perkhidmatan Pendidikan	143	237	1,611	1,247	564.9	618.0
Perkhidmatan Lain	3	9	0	0	16.1	139.3
JUMLAH	4,143	3,644	52,732	63,534	168,406.2	157,093.9

Note : TB - Butiran tiada tersedia

: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 13: Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Utama, 2023 dan 2022

SEKTOR UTAMA	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	
	2023	2022	2023	2022	2023	2022
Perlombongan	47	26	110	153	8,768.5	23,995.5
Perladangan & Komoditi	28	36	551	381	312.6	2,238.2
Pertanian	0	10	0	279	0	154.4
JUMLAH	75	72	661	813	9,081.1	26,388.1

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 14: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Ekonomi mengikut Negeri, 2023 dan 2022

NEGERI	2023				2022					
	BILANGAN PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)*	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*	BILANGAN PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)*	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	JUMLAH PELABURAN (RM JUTA)*
Pulau Pinang	415	20,701	10,230.6	61,651.3	71,881.9	304	17,673	6,172.4	10,157.1	16,329.4
W.P. Kuala Lumpur	768	25,684	27,790.1	30,559.7	58,349.8	641	29,611	15,408.3	9,635.7	25,044.0
Selangor	1,319	33,085	37,926.0	17,337.4	55,263.4	1,376	41,738	27,455.1	33,030.2	60,485.3
Johor	751	19,053	12,053.7	31,002.2	43,055.9	570	16,762	11,819.7	58,786.0	70,605.7
Kedah	238	9,737	4,648.1	24,079.9	28,728.0	195	6,072	1,983.7	11,147.0	13,130.7
Sarawak	267	2,492	13,502.6	7,814.7	21,317.3	166	1,564	16,395.7	12,398.2	28,793.9
Sabah	126	1,161	11,213.5	132.7	11,346.3	89	4,566	2,390.0	9,171.7	11,561.7
Negeri Sembilan	189	3,250	4,053.7	6,037.5	10,091.2	166	3,597	2,298.1	6,583.1	8,881.3
Perak	356	3,584	6,404.5	2,100.4	8,504.9	294	7,682	4,322.5	2,283.0	6,605.5
Melaka	189	3,670	3,240.2	2,767.4	6,007.6	160	4,705	2,037.9	6,536.8	8,574.8
Terengganu	52	3,253	841.3	2,907.7	3,748.9	52	474	521.6	28.1	549.7
Pahang	165	742	2,087.9	887.5	2,975.4	141	4,622	5,179.4	31.3	5,210.7
Kelantan	87	497	1,182.1	0.1	1,182.1	72	932	1,838.4	918.9	2,757.3
W.P. Putrajaya	29	183	1,016.7	1.0	1,017.7	17	244	522.0	1.1	523.1
W.P. Labuan	31	214	85.3	449.4	534.6	24	127	83.7	139.1	222.8
Perlis	28	26	188.1	0.3	188.4	11	65	67.7	0.2	67.9
Belum tentu**	91	0	4,625.2	636.4	5,261.6	239	6	5,924.4	2,487.8	8,412.3
JUMLAH	5,101	127,332	141,089.6	188,365.4	329,455.0	4,517	140,440	104,420.7	163,335.4	267,756.0

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
: **Butiran negeri yang dicadangkan tiada tersedia


Lampiran 15: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Ekonomi dengan Penglibatan Asing mengikut Sumber, 2023 dan 2022

NEGARA**	2023			2022		
	BIL. PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	BIL. PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*
Singapura	301	28,756	43,691.8	250	24,905	13,466.8
Belanda	37	1,824	35,513.6	44	4,775	20,368.1
Amerika Syarikat	62	11,054	21,531.2	51	12,717	29,160.0
Kepulauan Cayman	15	2,644	17,465.4	3	116	88.5
Republik Rakyat China	122	10,371	14,466.1	91	11,545	55,431.9
Jepun	148	9,995	13,645.7	174	17,218	11,396.3
Kepulauan British Virgin	10	1,006	7,361.0	10	703	570.7
Sweden	13	526	5,196.1	5	1,553	194.0
Hong Kong SAR, China	66	7,435	5,133.6	50	8,769	5,130.6
Republik Korea	47	1,568	3,811.0	39	2,323	6,406.7
Belgium	5	372	3,036.8	3	240	331.6
Taipei	45	6,301	2,940.7	42	2,472	1,344.5
Luxembourg	4	164	2,344.3	1	109	12.9
Itali	13	480	2,166.7	8	160	43.7
Jerman	23	1,868	1,836.4	41	2,599	9,560.3
United Kingdom	26	1,518	1,235.5	36	3,071	1,462.1
Filipina	6	1,701	1,136.5	1	1	5.0
Thailand	22	1,094	574.2	13	364	386.8
Seychelles	2	156	449.6	-	-	-
India	39	1,750	399.4	22	959	245.9
Perancis	23	1,068	349.9	15	1,726	969.7
Australia	26	747	324.4	16	917	367.3
Switzerland	10	277	292.0	26	1,102	1,378.2
Denmark	6	261	270.4	7	316	149.1
Rusia	5	194	254.7	1	2	0.4
Indonesia	18	687	205.8	15	147	115.9
Turki	5	77	121.6	6	407	163.7
Finland	2	19	118.9	1	85	43.4
Pakistan	7	154	103.8	3	13	3.0
Emiriah Arab Bersatu	4	291	66.2	9	355	179.2
Kazakhstan	2	71	64.2	-	-	-
Norway	4	218	52.6	1	8	9.0
Guinea	2	26	50.4	-	-	-
Ireland	6	248	37.7	2	780	711.9
Yaman	4	24	37.0	8	32	52.3
Bangladesh	4	95	30.4	8	415	67.6
Vietnam	3	2	29.5	2	3	45.4
Portugal	1	74	25.5	1	5	1.0
Sepanyol	8	39	24.3	4	21	7.6
Jordan	1	80	23.5	1	144	7.7
Bahamas	1	200	23.1	-	-	-
Syria	6	92	11.4	2	30	7.3
Kanada	7	244	11.1	2	31	6.3
Austria	2	59	9.4	7	551	81.8
Mesir	1	17	8.2	1	2	1.2
Nepal	1	26	7.0	-	-	-
Sri Lanka	2	27	6.7	3	59	40.2
Arab Saudi	2	21	5.7	-	-	-

Bersambung pada halaman seterusnya

NEGARA**	2023			2022		
	BIL. PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	BIL. PROJEK	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*
Iran	3	21	5.0	1	4	1.0
Nigeria	2	22	3.5	-	-	-
Myanmar	1	7	3.1	-	-	-
Libya	1	5	2.4	-	-	-
Maldives	2	8	2.0	1	7	1.0
Wilayah Lautan Hindi British	1	170	1.5	-	-	-
Mauritius	1	5	1.0	1	13	64.0
Bulgaria	1	1	1.0	-	-	-
Bermuda	1	1	0.7	1	2	0.8
Brunei	1	21	0.3	-	-	-
Afghanistan	10	0	0.2	1	75	112.6
Poland	-	-	-	1	19	64.7
Kuwait	-	-	-	1	0	31.1
Liberia	-	-	-	1	134	8.5
Kepulauan Marshall	-	-	-	1	351	7.1
New Zealand	-	-	-	2	71	63.0
Lubnan	-	-	-	2	7	2.0
Samoa	-	-	-	2	72	39.8
Liechtenstein	-	-	-	2	5	0.8
Lain-lain	101	2,583	1,843.4	263	1,464	2,923.2
JUMLAH	***	***	188,365.4	***	***	163,335.4

Nota: *Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
: **Pelaporan pelaburan asing adalah berdasarkan negara pelaburan langsung
: ***Angka tidak dijumlahkan untuk mengelakkan pengiraan dua kali



MIDA Sentral

No.5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 2267 3633 | Fax: 603 2274 7970 | Web: www.mida.gov.my | Emel: investment@mida.gov.my